


**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
PUSAT PENGAJIAN BAHASA, KESUSASTERAAN &
KEBUDAYAAN MELAYU**

**TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH:
SATU KAJIAN KES DI REMBAU**


Oleh

ROSHADAH OTHMAN


Projek Sarjana ini telah diterima oleh Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera pada sesi 2004/2005.


Penyelia


24/01/05
Tarikh


Pemeriksa


26/01/05
Tarikh


Ketua Program
Kesusasteraan Melayu


24/01/05
Tarikh


Ketua Program
Kajian Bahasa Melayu/
Pengurusan Persembahan Seni

24-01-05
Tarikh


Pengerusi Pusat
Pengajian Bahasa, Kesusasteraan
& Kebudayaan Melayu

24-1-2005
Tarikh




**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
PUSAT PENGAJIAN BAHASA, KESUSASTERAAN &
KEBUDAYAAN MELAYU**


**TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH:
SATU KAJIAN KES DI REMBAU**


Oleh


ROSHADAH OTHMAN


Projek Sarjana ini telah diterima oleh Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera pada sesi 2004/2005.



Penyelea



Tarikh



Pemeriksa



Tarikh



Ketua Program
Kesusasteraan Melayu


Tarikh


Ketua Program
Kajian Bahasa Melayu/
Pengurusan Persembahan Seni


Tarikh


Pengerusi Pusat
Pengajian Bahasa, Kesusasteraan
& Kebudayaan Melayu


Tarikh

**TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH :
SATU KAJIAN KES DI REMBAU**

ROSHADAH OTHMAN

**KERJA KURSUS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH UJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2004

PENGAKUAN

Adalah saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali
nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya
jelaskan sumbernya.

Ogos 2004


ROSMADAH BT OTHMAN
(P 21534)

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar dan keyakinan kepada saya sepanjang tugas, Dr Shaiful Bahri Md Radzi. Ribuan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah mendidik dan memberi ilmu pengetahuan sejak dari tahun satu hingga sekarang iaitu Prof Dato' Dr Siti Hawa Salleh, Prof Dr Hanafi Dollah, Prof Dr Siti Zainon Ismail, Prof Madya Dr Sahlan Md Saman dan mereka yang menyumbang ilmu seperti Dato' Dr Ramli Ujang, Datin Hjh Zakiah Kasim serta En Zamzan Omar. Begitu juga kepada semua staf Jabatan Persuratan Melayu yang banyak memberi dorongan dan semangat, rakan-rakan seangkatan, Pa Hilmiwaty, Cikgu Mohd Isa, Saudara Hasanul Isyraf, pelajar-pelajar SMKA Pedas serta penduduk-penduduk Kampung Air Sekapas, Sepri, Rembau. Paling istimewa buat dua cahaya pembakar semangat, Adib dan Adam yang menjadi pendorong utama untuk menyiapkan kajian kes ini.

ABSTRAK

Kajian kes ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap sedar tradisi lisan Adat Perpatih di kalangan generasi muda. Kajian ini mengupas sejauhmana kefahaman dan penerimaan golongan ini terhadap sistem sosial Adat Perpatih. Kemampuan mereka diukur menerusi tradisi lisan berbentuk pengujaran, perlakuan dan budaya benda. Kawasan kajian tertumpu di beberapa mukim dalam daerah Rembau kerana ianya merupakan daerah yang masih teguh berpegang kepada sistem Adat Perpatih terutama di kalangan generasi tua. Kajian juga melihat bagaimana peranan generasi tua dalam mempertahankan tradisi ini dalam dunia moden dan bagaimana mereka menurunkannya kepada generasi seterusnya. Menerusi beberapa persampelan, didapati generasi muda lebih memahami tradisi lisan melalui proses pembelajaran di sekolah. Mereka juga dapat menguasainya dengan baik beberapa bentuk tradisi lisan yang popular. Beberapa kekangan turut diterima ketika proses penyampaian seperti perubahan-perubahan budaya yang membajai adat tersebut. Melalui kajian ini adalah diharapkan agar generasi muda mampu berperanan sebagai pewaris adat untuk membentuk generasi akan datang yang menghargai peradaban silam dan masyarakatnya.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	is
SENARAI CARTA	x
SENARAI PETA	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
PETA	xiii
 BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Penelitian	2
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Kaedah Kajian	4
1.5 Batasan Kajian	5
1.6 Pendekatan Kajian	6
1.7 Kajian Lepas	7
 BAB II REMBAU DAN ADAT PERPATIH	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Rembau	10

2.3	Dinamika Penduduk Rembau	11
2.3.1	Migrasi	14
2.3.2	Kadar Kematian	15
2.3.3	Kadar Kelahiran	15
2.4	Politik	16
2.5	Ekonomi	18
2.6	Sosial	21
2.7	Adat Perpatih	22
2.8	Kesimpulan	27
BAB III	TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH DALAM KONTEKS SASTERA RAKYAT	
3.1	Pengenalan	29
3.2	Adat Perpatih dan Adat Temenggung	31
3.3	Tradisi Lisan Adat Perpatih	35
3.4	Tradisi Lisan Berbentuk Puisi	37
3.4.1	Tradisi Lisan Berbentuk Prosa : Cerita Rakyat	43
3.4.2	Cerita Rakyat Rembau	44
3.5	Tahap Sedar Adat	47
3.5.1	Perbilangan Alat	47
3.6	Cerita Rakyat : Bila Orang Muda Bercerita	58
3.7	Kesedaran Terhadap Pengisian Cerita Lisan	66
3.8	Kesimpulan	67

BAB IV	TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH DALAM KONTEKS BUDAYA BENDA DAN PERLAKUAN	
4.1	Pengenalan	70
4.2	Budaya Benda	71
	4.2.1 Keunikan Senibina Rumah Minangkabau	73
4.3	Tradisi Perlakuan : Seni Persembahan	78
4.4	Sistem Kekeluargaan	80
4.5	Budaya Merantau	83
	4.5.1 Kesan Orang Muda Merantau	85
4.6	Kesimpulan	89
BAB V	KELANGSUNGAN DAN KEKANGAN TRADISI LISAN ADAT PERPATIH	
5.1	Pengenalan	92
5.2	Kelangsungan Dalam Mengenal Adat Perpatih	93
5.3	Generasi Tua Adat Perpatih	98
5.4	Generasi Muda Adat Perpatih	104
5.5	Kekangan Generasi Muda Mengenal Adat Perpatih	110
5.6	Peranan Sistem Pendidikan Dalam Menyampaikan Tradisi Lisan	114
5.7	Kesedaran Generasi Muda Untuk Mengkalakan Adat Perpatih	116
5.8	Kesimpulan	119

BAB VI	PENUTUP	121
---------------	----------------	-----

RUJUKAN

LAMPIRAN

- | | |
|---|----------------------------|
| 1 | Temubual |
| 2 | Biodata Responden |
| 3 | Soal Selidik |
| 4 | Surat Kebenaran Kajiilidik |

SENARAI JADUAL

No Jadual		Halaman
1	Profil Penduduk Rembau Disember 2003	13
3.1	Analisis Pengetahuan Maksud Perbilangan Adat	49
3.2	Analisis Sebab-Sebab 12 Pelajar Memberikan Jawapan Tepat Kepada Dua Contoh Perbilangan Adat	51
3.3	Contoh Perbilangan Adat	53
3.4	Analisis Aras Pengetahuan Satu Contoh Perbilangan Adat Di Kalangan Pelajar Sekolah	55
3.5	Analisis Aras Pengetahuan Satu Contoh Perbilangan Adat Di Kalangan Remaja Lulusan Sekolah	56
3.6	Cerita Asal-Usul Pedas Dan Rembau	59
3.7	Kronologi Cerita Lisan Asal-Usul Rembau	62
4.1	Huraian Ciri-Ciri Rumah Minangkabau	76
4.2	Peranan Dalam Pecahan Adat Perpatih	81
4.3	Penggunaan Tanah Adat di Negeri Sembilan	88
5.1	Analisis Masalah Mengenai Perbilangan Adat	95
5.2	Analisis Penggunaan Perbilangan Adat Dalam Ujian Bulanan	97
5.3	Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga Pelajar	107
5.4	Penyebaran Tradisi Lisan (Cerita Rakyat)	112
5.5	Contoh Borang Data Program NILAM bulan April 2003 di SMKA Pedas	118

SENARAI PETA


No Peta		Halaman
Peta 1	Peta Daerah-daerah di Negeri Sembilan	xiii
Peta 2	Peta Rombau	xiv
Peta 3	Peta Seperi	xv

SENARAI CARTA

No Carta		Halaman
1	Carta Kelompok Keturunan Mengikut Wilayah Adat Perpatih di Rembau	82

SENARAI SINGKATAN


Penggunaan	Halaman
KEMAS (Kemajuan Masyarakat)	22
NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca)	117



PETA 1 : Daerah-daerah di Negeri Sembilan



PETA 2 : REMBAU



PETA 3 : SEPERI

BAB III

TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH DALAM KONTEKS SASTERA RAKYAT

3.1 Pengenalan

Amalan Adat Perpatih adalah berteraskan sistem kekeluargaan iaitu setiap anggota masyarakat mempunyai kedudukan dan peranannya dalam perut dan suku. Mitos asal Adat Perpatih sudah membayangkan kesedaran status apabila orang Minangkabau yang datang dan menetap seterusnya hidup bersuku menyitatkan diri mereka sebagai 'Minangau putih' dan orang asli Sakai penghuni asal Negeri Sembilan sebagai 'gagak hitam' (Winstedt, 1934:43).¹ Kedatangan orang Minangkabau inilah yang dianggap permulaan kepada pembentukan beberapa suku yang terdapat di negeri ini.² Sistem bersuku-suku atau kelompok masih tegu hingga kini terutama bagi generasi tua yang memelihara adat ini seadanya.

Kaum pendatang ini membawa fahaman-fahaman yang akhirnya disesuaikan bagi panduan masyarakat berbagai sukuan dan dijadikan sebagai satu perlembagaan atau aturan. Adat ini mementingkan institusi keluarga dan darinya terpancar identiti kelompok masyarakat. Masyarakat ini adalah satu kesatuan di mana ahli-ahlinya berkongsi aspirasi dan pengalaman yang sama. Sehingga kini sebahagian daripada

¹ Lihat Bab II muka surat 12.

² Newbold (1834) mungkin penulis pertama yang menulis tentang Rembau, mencatatkan bahawa orang Minangkabau yang datang itu telah berkahwin dengan perempuan Jakun. Andaian ini dilanjutkan oleh Winstedt (1934), orang Jakun itu telah diIslamkan oleh orang Minangkabau dan diberi nama baru 'Biduanda'.

nilai masyarakat itu dikekalkan dan dipraktikkan selagi tidak menandatangani kesalahan sebagaimana dipersetujui pada asalnya seperti yang digambarkan oleh kata-kata pepatah :

Alam nan beraja,
Luak nan berpengkulu,
Suku bertua (berlembaga),
Anak buah berbuapak.

Beruang-ruang bak durian
Berpuak-puak bak kerbau
Bersuku-suku anak buah
Berapalah suku itu?
Dua belas, kata adat.

Ketua-ketua Adat Perpatih amat arif dan lancar dalam menerangkan kata-kata atau perbilangan Adat Perpatih, tentang falsafah dan tujuan sesuatu adat itu. Memilih atau melantik ketua-ketua adat bahkan juga Undang yang Empat adalah mengikut undang-undang serta aturan Adat Perpatih. Menurut Nordin Selat (1976:29), umumnya hieraki status suku itu berdasarkan usianya, lama atau baru. Suku yang lama sudah tentu mempunyai anggota yang ramai berbanding suku yang baru, kecuali suku itu tidak berkembang kerana anggota perempuannya sedikit. Umpamanya di Rembau, di Gadang dan Batang Nyamor, suku Paya Kumbohnya dianggap muda dari suku-suku Paya Kumbuh di kawasan lain bahkan adat mas kahwinnya pun kurang. Ini juga bermakna suku yang muda tidak boleh meletakkan mas kahwin lebih tinggi dari suku-suku yang tertua.³ Hal ini bagaimana pun kurang diketahui oleh generasi muda kerana ibu bapa tidak mengambilkira perbezaan ini sewaktu melangsungkan perkahwinan anak-anak mereka.

³ Semenjak tahun 1951 mas kahwin di Negeri Sembilan adalah ditetapkan RM28.00 bagi seseorang gadis dan RM14.00 bagi seseorang janda. Walau bagaimana pun ia turut bergantung kepada beberapa kawasan tertentu, status atau kedudukan keluarga tersebut. Misalnya di Nanning, belanja adat bagi anak perempuan waris Undang adalah RM208.80 manakala anak perempuan orang kehanyakan adalah sekitar RM151.20.

Meskipun penduduk Melayu Negeri Sembilan mengamalkan Adat Perpatih, namun cara hidup mereka pada umumnya adalah sama dengan masyarakat Melayu lain. Bagaimanapun bahasa pertuturan mereka mempunyai gaya tersendiri kerana terdapatnya pengaruh Minangkabau terutama di kawasan seperti Beranang, Jelabu dan beberapa kawasan tertentu. Kesan daripada hukum adat dan Adat Perpatih, menjadikan masyarakat Melayu di negeri ini masih kuat berpegang kepada semangat bergotong-royong, nilai keakraban yang tinggi dan mengekalkan konsep mesyuarah terutama dalam hal-hal bersangkutan dengan kehidupan masyarakat.

3.2 Adat Perpatih dan Adat Temenggung

Adat bererti peraturan yang diamalkan turun-temurun dalam sesuatu masyarakat sehingga terbentuknya hukum yang harus dipatuhi. Meskipun adat ini tidak pernah ditulis tetapi ia menjadi undang-undang istana raja-raja Melayu dan keseluruhan orang Melayu. Adat ini divujudkan bagi menjamin hak masing-masing supaya semua lapisan masyarakat dapat hidup dengan selesa, aman dan makmur. Undang-undang ini disebut hukum adat dan sesiapa yang melanggarnya boleh dihukum. Kadangkala hukum ini juga disebut resam. Pepatah Melayu ada menyebut, 'hidup dikandung adat, mati dikandung tanah'.

Umumnya terdapat dua jenis adat di negeri-negeri Melayu iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih. Menurut sumber lisan, Adat Temenggung dan Adat Perpatih ini berasal dari tempat yang sama. Pada zaman dahulu, seorang pembesar di utara Sumatera telah membahagikan penjagaan kawasaunya kepada dua orang anak lelaki. Kawasan persisiran pantai dan laut diserahkan kepada anaknya yang tua bergelar Datuk Ketemenggungan. Manakala anak yang kedua ditugaskan menjaga kawasan tanah di sebelah darat dan bergelar Datuk Perpatih Nan Sebatang. Datuk Ketemenggungan telah membuat undang-undangnya sendiri dan pemerintahannya berpusat di Palembang, sementara Datuk Perpatih Nan Sebatang juga telah membuat

undang-undangnya sendiri dan pemerintahannya berpusat di Pagar Ruyong (Mohd Yusof Hashim 1992:30).

Semenjak itulah tersebarnya *resam* dan *amalan* Adat Temenggung yang disusun oleh Datuk Ketemenggungan, mengatunkan keturunan keluarga sebelah lelaki dan ia diamalkan di semua negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan. Adat Perpatih yang disusun oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang pula mengatunkan Perut keluarga sebelah perempuan dan ia diamalkan di Negeri Sembilan serta di bahagian tertentu di utara negeri Melaka seperti Nanning. Kebiasaannya hukum adat ini tidak ditulis, sebaliknya dihafal sahaja oleh Ketua Adat. Susunan hukum ini disebut *tambo* atau kata perbitangan adat. *Tambo* ialah gurindam asal-usul dan terbitnya Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang terkandung di dalamnya cerita perkembangan pentadbiran adat. Contohnya :

Raja beralam, penghalu berhuak,
Lembaga herlingkungan,
Ibu buapak beranak buah,
Anak buah duduk hersuku-suku,
Berapa sukunya : dua belas,
Kundur menjalar ke hulu,
Labu menjalar ke hilir,
Pucuknya sama digetas,
Buahnya sama dipetik,
Dekat rumah dekat kampung,
Sehalaman sepermainan,
Sejamban sepelaungan.

Perjalanan adat itu bergantung kepada masyarakatnya untuk membawa sistem-sistem yang terkandung itu dengan sebaiknya. Hukum adat ini didasarkan kepada dua sumber iaitu sumber *resam* dan adat turun-temurun yang dipusakai sejak dahulu dan hukum syarak yang diambil daripada mazhab Shafie (Muhamad Yusoff Hashim 1992:31). Kedua-dua sumber ini disesuaikan tetapi lazimnya hukum adat

tidak akan mengatasi hukum syarak, asalkan ada permuafakatan dan persetujuan ramai, seperti kata perbilangan adat :

Adat bersendi hukum
Hukum bersendi kitabullah
Kuat adat tak gaduh hukum
Kuat hukum tak gaduh adat
Ibu hukum muafakat
Ibu adat muafakat

Dalam soal hukuman, didapati Adat Perpatih bersifat pemuliharaan iaitu ia bertujuan memperbaiki keadaan dan hukannya semata-mata menghukum pesalah. Ini sebenarnya bersesuaian dengan konsep kerjasama dan jalinan kekeluargaan yang rapat seperti yang ditekankan oleh Adat Perpatih, bukan sahaja sesama keluarga sesuku tetapi juga antara suku dan masyarakat keseluruhannya. Hatta kesalahan membunuh pun dapat diselesaikan apabila seorang daripada suku pihak pembunuh mengambil tempat si mati dalam keluarga yang kehilangan itu,⁴ seperti kata perbilangan :

Yang mencincang memapas
Yang membunuh membangunkan
Yang menjual memberi balas

Jurai keturunan masyarakat Adat Perpatih yang mengutamakan Perut keluarga sebelah perempuan disusun galurkan mengikut sebelah ibu dan dengan itu melahirkan suku. Pertalian serta hubungan antara ahli satu-satu suku amat rapat dan mereka dianggap bersaudara. Oleh itu, perkahwinan mestilah dielakkan jika bersamaan suku. Dari segi perwarisan harta pula, pada prinsipnya harta pusaka turun-temurun adalah kepunyaan suku, sebab itulah perwarisan harta diberatkan di sebelah ibu dan anak perempuan yang menjadi asas suku.

⁴ Sumber lisan Cikgu Mohd Isa bin Noh, guru Sejarah.

Di negeri-negeri yang mengamalkan Adat Temenggung, orang yang mahir dalam mentafsir dan melaksanakan hukum adat ialah Tok Sidang, Tok Penghulu atau Tok Penggawa. Pihak yang melanggar hukum adat ini boleh didakwa dan dijatuhi hukuman. Adat Temenggung dapat dilihat pelaksanaannya dalam tiga aspek utama, iaitu sistem berkeluarga, sistem perwarisan harta dan sistem politik dan pemerintahan. Adat ini sebenarnya berkembang mengikut sejarah kebudayaan Melayu. Pada awalnya adat ini dikatakan mempunyai pengaruh agama Hindu, terutama dalam melaksanakan undang-undang yang disebut *manu*. Selepas agama Islam bertapak di rantau ini, ia menyerap dan mengambil pula hukum syarak daripada mazhab Shafie (Muhammad Yusof Hashim 1992:31).

Adat Temenggung menganggap kedua-dua pihak keluarga sebelah bapa dan sebelah ibu sama penting. Perkahwinan dibolehkan dengan sesiapa sahaja selagi tidak ada pertalian darah yang dilarang oleh hukum syarak, walaupun di antara dua orang bersempupu. Biasanya dalam hal kekeluargaan, pihak sebelah bapa lebih diutamakan kerana mengikut prinsip syarak, salasilah dan jurai kekeluargaan sebelah bapa lebih utama dan penting. Sistem perwarisan pula selalunya dikaitkan dengan tanggungjawab seorang anak kepada ibubapanya dan pembahagian harta pusaka. Anak lelaki lebih diberikan tanggungjawab daripada anak perempuan. Dalam pembahagian harta pusaka, hak anak lelaki lebih utama seperti yang terdapat dalam pembahagian harta mengikut hukum syarak.

Dalam sistem politik dan pemerintahan, kuasa tertinggi pemerintahan berada di tangan raja yang memerintah. Contohnya dalam Adat Temenggung, apabila seseorang raja itu mangkat maka penggantinya ialah puteranya yang sulung. Jika ketiadaan anak lelaki, hak perwarisan takhta jatuh kepada adik lelakinya. Raja juga melantik pembesar utama dan pembesar lain dipelbagai peringkat pemerintahan untuk membantu tugas baginda. Musyawarah dan permuafakatan di antara raja dengan para pembesar utamanya seperti Bendahara, Penghulu Bendahari,

Temenggung dan Laksamana sering menjadi keputusan dan panduan dalam melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran.

Perbezaan ketara dalam sistem Adat Perpatih ialah perlantikan Undang sebagai ketua adat bagi sesebuah luhak yang dicalonkan daripada suku waris asal iaitu suku Biduanda. Undang dianggap sebagai kuasa tertinggi di sesuatu luhak dan mengendalikan hal ehwal luhaknya dengan dibantu oleh jemaah ketua-ketua Adat yang berbeza bilangannya di setiap luhak. Umpamanya di Rembau, jemaah Adat ialah Lembaga Tiang Balai yang terdiri daripada lapan orang Lembaga (Nordin Selat 1976:66).

3.3 Tradisi Lisan Adat Perpatih

Tradisi lisan bererti tradisi-tradisi dalam budaya yang diperpanjangkan, sama ada dari segi masa mahupun dari segi ruang, melalui lisan (Mohd Taib Osman 1988:149). Kesusasteraan itu dikatakan corak kesusasteraan yang tertua sekali kerana sebelum terdapatnya sistem tulisan, manusia hanya berkomunikasi secara lisan sahaja. Secara amnya tradisi lisan merujuk kepada segala bentuk warisan tradisi yang lahir dalam sesuatu kelompok masyarakat yang disampaikan daripada satu generasi kepada generasi menerusi perantaraan lisan.

Dalam erti yang lebih luas, tradisi lisan yang tidak terkawal ini didefinisikan meliputi semua keterangan lisan tentang masa lalu yang telah diperturunkan dari seseorang kepada seseorang melalui penuturan. Dengan itu ia meliputi satu bidang yang luas dari mitos, legenda, cerita rakyat hingga kepada pantun, perumpamaan, peribahasa, bidalan, salasilah dan sebagainya yang merupakan ungkapan lisan sesuatu kebudayaan. Tradisi lisan ini tidak terpisah dan terpencil dari pencapaian dan kegunaan para penyelidik kerana ia dianggap kunci pada masa lampau dan mencerminkan budaya pada masa kini, justeru itu ia juga merupakan kunci pada masa

kini (Alan Dundes 1965:2-3). Watak-watak dalam sastra lisan misalnya, tidak mempunyai usia, mereka boleh diterapkan kepada watak-watak yang mirip dengan mereka bagi mana-mana zaman dan tempat dalam masyarakat.

Dalam proses penyebarannya dari satu generasi ke satu generasi, terdapat penutur iaitu orang tertentu yang telah diberikan tanggungjawab oleh masyarakatnya mempelajari tradisi lisan tertentu. Lazimnya dengan cara menghafal daripada seseorang penutur khas atau penyimpan tradisi masyarakat berkenaan (Nadzan Haron 1984:145). Tradisi ini sentiasa hidup kerana setiap peristiwa yang berlaku sezaman dengan pemegang tradisi itu akan menjadi sebahagian daripada tradisi yang sedia ada dan akan dituturkan kepada pemegang tradisi generasi selanjutnya.⁵ Tradisi lisan masih subur di kalangan masyarakat Adat Perpatih terutama di luar bandar, pedalaman dan kadang-kadang boleh meninggalkan kesan kepada mereka di kawasan bandar. Tradisi lisan itu diturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lebih muda, dan ketika penyampaian itu akan berlakunya proses pemupukan yang terkandung di dalamnya sistem nilai sebagai panduan hidup.

Tradisi lisan boleh dijadikan keterangan sejarah di mana Newbold yang pernah menulis tentang Rembau dan negeri-negeri Minangkabau sekitar tahun 1830-an, telah menggunakan tradisi lisan setempat sebagai petunjuk bagi menterjemahkan ketibaan orang Minangkabau. Dalam pengkajian dan penulisan semula sejarah awal Negeri Sembilan, khususnya sebelum abad ke-17, tradisi lisan yang ada boleh dijadikan panduan. Ketika itu tradisi lisan di Negeri Sembilan boleh dikelaskan kepada dua kategori iaitu perbilangan adat dan terombo. Ciptaan tentang peraturan sistem sesuatu masyarakat seperti perbilangan adat dan terombo ini dicipta dalam bentuk puisi untuk memudahkan seseorang itu menghafalnya.

⁵ Perkembangan keterangan lisan bergantung kepada tiga perkara iaitu keberkesanan cerita itu, fungsi atau peranan keterangan kepada masyarakat dan usaha penyalinan semula dengan jelas (Mohd Taib Osman 1988:149).

Tradisi lisan berkenaan dianggap sebagai tradisi lisan yang terkawal kerana ia merupakan teras kepada sistem politik, sosial dan ekonomi masyarakat berkenaan. Penyampaiannya tersebar daripada satu generasi ke generasi berikutnya, contohnya dalam Adat Perpatih terdapat orang tertentu yang boleh dianggap sebagai pemegang tradisi bagi sesuatu perut, suku dan luak. Di peringkat perut iaitu satu unit politik terkecil, seorang buapak perlu mengetahui tradisi lisan perutnya manakala di peringkat suku, seseorang lembaga perlu mengetahui tradisi lisan sukunya. Begitu juga di peringkat luak, seseorang penghulu (wilayah adat) perlu mengetahui tradisi lisan luaknya (Nadzan Haron 1984:147). Sumber yang saling bertautan ini akan sentiasa terpelihara sekiranya setiap anggota di peringkat bawahnya memelihara dengan baik sebagaimana mereka memelihara keturunan.⁶

3.4 Tradisi Lisan Berbentuk Puisi,

Merujuk kepada sejarah perkembangan Negeri Sembilan, tradisi lisan yang terdapat itu merupakan persejajaran ketika masyarakat belum mengenal tulisan. Ia juga merupakan cara mengingat, menyimpan dan mempertuturkan sesuatu yang penting untuk dikekalkan dan dipelihara. Selain itu tradisi lisan yang ada dapat meneruskan sistem politik, ekonomi dan sosial atau sistem kepercayaan sesuatu masyarakat itu. Semua peraturan itu tidak tertulis di dalam buku atau sebagai perlembagaan sebaliknya wujud dalam bentuk-bentuk pengujaran seperti perbilangan, pepatah petiti atau kata-kata adat yang diwarisi turun temurun.

Seperti yang telah diketahui perbilangan adat adalah daya puisi yang mempunyai rangkap sajak, rentak dan pemilihan kata-kata yang indah. Sebaliknya undang-undang negara moden tidak lagi menimbulkan keperluan untuk mengingat sesuatu kerana semuanya tercatat dan termaktub tetapi undang-undang lisan memerlukan bahasa yang mempunyai sifat-sifat yang boleh menolong peringatan

⁶ Rujuk CARTA 1 tentang kelompok keturunan wilayah adat di Rembau dalam Bab IV muka surat 94.

(Mohd Taib Osman 1988:254). Perbilangan adat ini mempunyai pengaruh serta tujuan tertentu bagi faedah anggota masyarakatnya. Lantaran itu sesiapa sahaja yang menghuni daerah adat bebas menggunakannya tanpa sebarang pertikaian.

Nilai masyarakat yang sebahagiannya disimpulkan menerusi perbilangan adat diasaskan oleh masyarakat tani (Nordin Selat 1976:2). Metafora yang indah-indah diuntai dengan perangkatan nilai dan budaya dari persekitaran mereka seperti padi, bukit, lurah, gunung, gajah, ayam, aur, pembentung, lengkitang, sungai, pokok pinang, tunggul dan belut.

Kata perbilangan ini mempunyai erti yang mendalam dan mengikat nilai serta budi ke tahap yang tertinggi. Ia disampaikan dengan baik oleh orang Melayu malah tiada siapa yang menafikan kata perbilangan ini yang dianggap hak kepandaian masyarakat Melayu. Setiap bait yang dituturkan penuh luhur dan mengangkat nilai budi masyarakat ketika itu. Perbilangan adat ini diturunkan sebagai panduan dalam sistem politik, ekonomi dan sosial masyarakat Perpatih. Contohnya peraturan sosial seperti di bawah :

Seikat seperti sirih
 serumpun seperti serai
 seciap seperti ayam
 sedencing seperti besi
 malu tak boleh diagih
 suku tak boleh dianjak
 melompat sama patah
 menyerudup sama bongkok
 jalan sedundun
 selenggang seayun.

Perbilangan di atas mencerminkan keharmonian hidup dan adat yang dipupuk itu disimpulkan menjadi sebahagian daripada aturan hidup bermasyarakat. Peraturan-peraturan hidup ini disesuaikan dengan kehendak-kehendak hidup bersuku dan sentiasa terpelihara atas prinsip budi dan muafakat. 'Melompat sama patah,

menyerudap sama bongkok, jalan sedundun, selenggang seayun', menggambarkan hidup bermasyarakat saling bersangkutan dan harmoni dalam melakukan kerja seharian. Ini merupakan kesan mendalam Adat Perpatih yang sering mengangkat konsep *togetherness* dalam hal-hal berkaitan masyarakat tanpa mengurangkan kepentingan individu. Jalinan individu dan masyarakat yang sekian lama ini tidak dapat dipisahkan - 'tercencang puat, tergerak andilau' bermaksud sesuatu yang menyentuh individu akan turut menyentuh masyarakat dan sebaliknya (Nordin Selat 1976:2).

Dalam sistem politik tradisional, perbilangan adat dianggap falsafah adat yang keramat. Berikut adalah contoh perbilangan adat yang dituturkan ketika istiadat mengadap (menyalang) Undang Luak Rembau, Dato' Haji Adnan Maah⁷ pada hari Sabtu, 14 September 1996 :

Kalau anak pergi merantau
 induk semang cari dulu
 musuh jangan dicari
 kalau mandi diolak-olak
 kalau cakap dibawak-bawak
 bawalah resmi padi
 semakin berisi semakin tunduk
 jangan dibawa rasmi lalang
 makin tua makin jegang
 bawalah rasmi ayam betina
 kalau berkotak menandakan ia sudah bertelor
 jangan di bawa rasmi ayam jantan
 kokok berderai-derai
 ekor bergelomang tahi
 dalam mencari persesuaian
 hendaklah kita alah-beralah
 ibarat orang menyauk air
 cedoklah sumur yang jernih
 tetapi kalau ditutup bendar sawah
 dikisar tiang balas
 diubah batu sempadan

⁷ Merupakan Undang Luak Rembau ke-20 dan menyandang gelaran Undang selama 35 tahun. Meninggal dunia pada 1996 di Hospital Kuala Lumpur.

busungkanlah dada engkau
 perlihat kau anak jantan
 dalam mempertahankan hak dan kebenaran
 jangan selapak kau surut
 biar putus leher dipancong
 biar tanah bersimbah darah
 yang pertama kau akan hilang
 yang kedua kau akan terbilang

Maksud dalaman tidak hanya ditujukan kepada pemimpin sahaja malah kepada semua masyarakat yang berpegang kepada adat ini. Biasanya diturunkan kepada mereka yang layak menyandang pusaka, sebagai pedoman yang baik supaya dapat melahirkan suatu masyarakat yang teratur dan memenuhi syarat keamanan dan keadilan.

Sistem ekonomi memperlihatkan masyarakat Adat Perpatih berpegang teguh kepada konsep pemilikan tanah yang dianggap hak seseorang sebagai sumber hidupnya seperti kata perbilangan :

Sebingkah tanah terbalik
 Sehelai akar putus
 Sebatang kayu rebah

Walaupun tanah itu diandaikan 'seluas kangkang kera, rumah tiang empat batang, sawah selopak dua' namun nilainya amat tinggi bagi mendorong seseorang itu mendapatkan tanah cariannya sendiri tanpa mengharapkan tinggalkan pusaka. Dalam Adat Perpatih ekonomi dilambangkan sebagai 'emas' iaitu wang dan harta yang secukupnya untuk mengangkat kehormatan dan harga diri. Contoh perbilangan adat yang menggunakan istilah 'emas' ini :

Hilang rupa dek penyakit
 Hilang bangsa dek tak beremas

Perbilangan bermaksud rupa seseorang itu akan dimusnahkan dek penyakit yang ditanggungnya dan dapat disamakan dengan sesuatu bangsa itu yang akan jatuh maruah dan harga diri sekiranya tidak mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh. Oleh itu anak-anak muda yang tidak mempunyai sumber ekonomi yang kukuh digalakkan keluar mencari rezeki di rantau atau lebih dikenali dengan istilah merantau.

Dalam perbilangan adat, keseragaman kata tidak dipentingkan (Nordin Selat 1976:2) malah terdapat perbilangan yang berlaman kata dan olahannya. Apa yang menjadi keutamaan ialah idea di sebaliknya selain dapat menimbulkan keindahan berbahasa masyarakat lama turut memberi pengajaran dan panduan berguna apabila norma-norma hidup diselitkan.

Biar mati anak jangan mati adat
 Alam beraja
 Luak berpenghulu
 Suku bertua
 Anak buah beribubapa

Orang semenda tempat semenda
 Dagang bertempat perahu bertambatan
 Adat bersendikan syarak
 Syarak bersendikan Kitabullah
 Pada adat :
 Menghilangkan yang buruk
 Menimbulkan yang jernih
 Pada syarak :
 Menyuruhkan berbuat baik
 Menggahkan berbuat jahat.

Dalam mencari kebenaran dan keadilan, masyarakat disarankan membetulkan yang kusut dan sudah tentu tidak dapat memuaskan hati semua pihak. Masyarakat harus berkorban dan seharusnya menghadapi kenyataan, seperti kata perbilangan :

Yang elok dipakai
 yang buruk dibuang

yang usang diperbaharui
yang lapuk dikanjangi

supaya

limau tak masam sebelah
perahu tak karam sekerat
jangan tiba di mata dipicingkan
jangan tiba di perut dikempiskan.

Menerusi perbilangan yang dipaparkan adalah jelas bahawa Adat Perpatih yang disimpulkan dalam setiap baris memberi makna yang mendalam kepada kehidupan masyarakat di wilayah adat tersebut. Undang-undang adat memerlukan penelitian dalam menggunakan bahasa supaya pengertiannya tidak menimbulkan perbalahan. Ungkapan-ungkapan dalam Adat Perpatih umpamanya, menunjukkan daya puisi yang mempunyai rangkap, sajak, rentak dan pemilihan kata-kata yang indah. Unsur-unsur inilah yang mendorong kepada daya ingatan terhadap perkara yang hendak disampaikan itu (Mohd Taib Osman 1988:245).

Gambaran di atas menunjukkan keistimewaan Adat Perpatih itu, khususnya dalam perbilangan adat ini tergambarkan kehalusan, keluasan, kedalaman dan ketajaman pemikiran (Dharmawijaya 1998:45). Di samping menjadi panduan dalam melaksanakan sistem sosial masyarakat Adat Perpatih, himpunan kata-kata perbilangan itu juga tersirat cerita-cerita sejarah, khususnya sejarah asal-usul dan perkembangan pentadbiran adat dan negeri-negeri pengamal Adat Perpatih. Antara tradisi lisan wilayah adat, kata-kata perbilangan merupakan sumber sejarah yang tulen dan boleh dipercayai (Norhalim Ibrahim 1999:85). Walaupun dilihat sebagai satu sumber lisan yang sukar difahami, di dalamnya tersirat sistem perlambangan yang hanya dapat dimengertikan oleh masyarakat Perpatih.

Oleh itu pendekatan masyarakat dahulu terutama orang Melayu dalam menghubungkan baris dan citra ini bukan sahaja memberikan pengetahuan, bahkan

menyerlahkan pandangan terhadap suasana sezaman terutama jalinan hidup masyarakat dahulu kala. Sehingga kini perbilangan adat yang terkenal di Negeri Sembilan ini dapat berdiri dengan sendirinya tanpa pengaruh pola sintaksis bangsa asing dan sentiasa menjadi rujukan ketika memperkatakan tradisi lisan.

3.4.1 Tradisi Lisan Berbentuk Prosa : Cerita Rakyat

Penulisan tentang kesusasteraan Melayu selalunya bermula dengan huraian terhadap sastera rakyat atau sastera lisan (Mohd Taib Osman 1988:239). Sebelum terdapatnya tradisi menulis, semua hasil karya orang Melayu berbentuk lisan yang diwarisi oleh rakyat tani Melayu daripada nenek moyang berabad-abad lamanya (Mohd Taib Osman 1988:241). Cerita-cerita rakyat yang diperolehi biasanya adalah kutipan-kutipan lisan yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Kesahihannya tidak dapat dipastikan tetapi pencerita selalunya dapat memberikan gambaran tentang masyarakat yang dilihatnya, menggunakan cerita untuk menyatakan pendiriannya, secara tidak langsung merupakan cerminan masyarakat di zaman tersebut.

Menurut Mohd Taib Osman (1975:187-191), sumber lisan yang digolongkan sebagai sastera rakyat ini mempunyai berbagai-bagai jenis, antaranya ialah cerita rakyat yang mengandungi cerita mitos, legenda dan cerita penglipur lara, serta peribahasa, ungkapan, nyanyian rakyat, teka-teki, juga perlakuan seperti dalam adat resam dan lain-lain.⁸ Tujuan cerita rakyat adalah untuk membina semula sejarah kerohanian manusia, bukan seperti yang dicontohkan dalam karya-karya masyhur

⁸ Cerita-cerita yang berkaitan dengan kepercayaan, tetapi bukan kepercayaan agama rasmi orang Melayu. Cerita-cerita ini merupakan pengalaman masing-masing terhadap alam luar biasa (*supernatural*), seperti cerita-cerita hantu, pontianak, orang bunian, toyal dan sebagainya. Dikenali juga sebagai *memories* oleh pengkaji-pengkaji *folklore* kerana cerita sedemikian merupakan tradisi lisan dari segi isinya bukannya daya ceritanya. Berbanding dengan cerita kepercayaan agama yang dasar-dasar kepercayaannya termaktub dalam lisan, kepercayaan tentang hantu, pontianak, puaka dan sebagainya jarang bertulis dan hanya hidup dari satu generasi ke satu generasi menerusi tradisi lisan.

penyair-penyair dan ahli fikir, tetapi seperti yang digambarkan oleh rakyat yang mempunyai ruang sedikit untuk bersuara.

Salah satu fungsi sastra lisan⁹ ialah untuk hiburan dan sebab itu cara penceritaan tradisi lisan menjadi menarik iaitu cara bercerita secara lisan yang di dalamnya terdapat sifat-sifat tersendiri yang berkait rapat dengan pemakaian bahasa. Keindahan bahasa terbit daripada intonasi suara, tekanan dan rentak pengucapan yang berupaya menarik pendengar. Namun cerita-cerita yang disampaikan terselit ciri-ciri ajaran tentang nilai, budi dan sebagainya yang bertujuan untuk menjadikannya sebahagian daripada aturan hidup.

Cerita-cerita yang disampaikan oleh rakyat bawahan yang terdiri daripada golongan petani, nelayan atau rakyat yang tidak memegang sebarang jawatan pentadbiran selalunya akan bercerita tentang politik, pembesar-pembesar dan raja-raja. Cerita-cerita demikian dianggap sebagai hiburan utamanya bagi masyarakat tani. Menerusi cerita-cerita yang dikutip, ternyata semuanya menggambarkan kehidupan mereka sehari-hari sebagai rakyat yang 'kecil', tidak punya kuasa untuk menjadi 'besar'.

3.4.2 Cerita Rakyat Rembau

Di Negeri Sembilan sendiri selain daripada perbilangan adat, terombo, tersasul, puisi-puisi tradisional membawa kepada pelbagai tradisi teater jelas memperlihatkan sifat masyarakat yang banyak berhubung rapat dengan persekitaran. Cerita yang dikisahkan dari generasi ke generasi bukan sahaja sedap didengar tetapi telah mewujudkan satu amalan dan menimbulkan kesan kepada generasi yang menerimanya. Walau pun disampaikan dalam bentuk sinis tetapi tersirat maksud di sebaliknya bertujuan untuk memberi pengajaran kepada khalayaknya.

⁹ Cerita-cerita yang panjang dan rumit akan diceritakan oleh mereka yang ahli seperti penglipur-penglipur lara dan tuk-tuk selupit.

Gambaran tentang persekitaran hidup mereka sehari-hari diadun menjadi satu bentuk hiburan ringan. Sama ada isi cerita bercorak jenaka, sinis, lucu dan sebagainya ia masih menyelitkan makna dan nilai-nilai sebagai panduan hidup. Ada ketikanya cerita lisan yang diperolehi mencerminkan keadaan sosial antara daerah tertentu yang sengaja dihebahkan untuk tujuan santai. Kebanyakan cerita yang disampaikan memberi kesan kepada khalayak sewaktu ia disampaikan suatu ketika dahulu. Tradisi naratif ini menunjukkan bentuk pemikiran rakyat yang sederhana dalam menentukan hubungan antara masyarakat di daerah lain.

Walaupun sesetengah cerita yang didapati bersifat sinis dan egois tetapi berbalik kepada bentuk penceritaannya ia menanamkan rasa cinta masyarakat itu terhadap tempat asalnya. Pengetahuan dan pandangan terhadap alam semesta, hidup manusia serta nilai-nilai sosial dalam budaya masyarakat di kampung tidak sama dengan segala hal yang terdapat dalam budaya lain atau di kota (Mohd Taib Osman 1988:241). Oleh itu secara tidak langsung akan memberikan rasa keyakinan dan melahirkan kebanggaan terhadap kawasan yang didiami itu.

Cerita-cerita itu dituturkan secara sengaja dan tidak formal kadangkala merujuk kepada keadaan ketika cerita itu disampaikan bertujuan untuk menimbulkan suasana ceria dan riuh-rendah. Pelbagai peringkat umur dapat mendengar cerita-cerita yang dituturkan terutama jika berlangsungnya sesuatu majlis keramaian. Paling menjadi perhatian ialah si tukang cerita yang mungkin dengan menyampaikan cerita-cerita sedemikian akan terserlah kewibawaannya. Beliau berpengetahuan dan kadangkala keterlaluan kerana kebanyakan cerita yang disampaikan di majlis-majlis keramaian biasanya adalah hiburan yang ditokok tambah. Cerita yang menjadi tarikan tentunya berunsur humor yang bertujuan untuk menambah ceria suasana, semakin galak derai ketawa bermakna hebatlah si penuturnya. Contohnya satu cerita yang diperolehi daripada Hajah Habesah (77 tahun) dari Kampung Air Sekapas mukim Sepri di daerah Rembau.

Terdapat dua jajahan (kawasan), satu di Kuala Pilah dan satu lagi di Rembau. Penduduk di dua kawasan itu saling menunjuk-nunjuk akan kelebihan kampung masing-masing menerusi bermain kata dan sindir menyindir antara satu sama lain. Satu cerita yang dikisahkan berkaitan sumber alam antaranya ikan di kawasan jajahan. Seorang lelaki dari Kuala Pilah dengan lagaknya mengatakan bahawa di kawasannya amat kaya dengan ikan sehinggalah terceduk ikan setiap kali ketika mengambil air. Lelaki dari Rembau pula dengan rasa megahnya mengatakan bahawa di kawasannya penuh dengan ikan hatta terpaksa menceduk ikan untuk melihat air.

(Hajah Habesah Haji Iam, Jun:2002)

Sikap egois penduduk setempat terserlah dalam mempertahankan kawasan masing-masing tetapi di sebaliknya tersirat harapan masyarakat dahulu kala agar generasi muda yang mendengar cerita ini akan menyayangi dan berbangga dengan tempat tinggal mereka. Dari kronologinya akan menanam rasa dedikasi penghuni kampung terhadap tempat asal dan sebagai generasi baru, kita menerima cerita lisan tersebut sebagai ajaran yang berguna. Selalunya pencerita akan memenangkan satu pihak yang sebaliknya kerana heliau adalah dari kawasan berkenaan.

Pencerita yang terdiri daripada penduduk asal kampung selalunya akan menceritakan latar persekitarannya dan cerita-cerita tersebut ditimbulkan ketika suasana berkenaan agak hampir kepada pengalaman yang dilaluinya. Kadangkala cerita yang ditokok tambah akan memberi impak yang berbeza. Contohnya cerita di atas adalah tentang Rembau dan Kuala Pilah yang dikatakan sering bertelagah pendapat hatta menunjukkan keegoan. Jika dilihat menelusuri dari sudut geografi, dua daerah ini letaknya berjiran dan termasuk dalam kawasan Adat Perpatih. Seperkara yang menyokong kepada cerita di atas ialah bentuk muka bumi daerah Kuala Pilah yang memang merupakan antara kawasan kering kerana terletak dalam kawasan lindung hujan di Malaysia. Tiada bukti sahih yang dapat mengesahkan bahawa dua daerah ini pernah bersengketa dan kita yang mendengar menganggapnya sebagai satu hiburan ringan.

3.5 Tahap Sedar Adat

Tradisi lisan Adat Perpatih¹⁰ boleh disampaikan dengan baik kepada generasi muda sekiranya kaedah-kaedah tertentu dipermudahkan mengikut kesesuaian aras pengetahuan dan pemikiran mereka. Antara kaedah yang dikenal pasti ialah menerusi ujian menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan adat ini. Menemubual mungkin merupakan satu kaedahnya tetapi dengan memberi beberapa contoh soalan, pelajar-pelajar khususnya akan dapat berfikir dan memberi rasional disebalik jawapan yang dikemukakan itu. Kaedah ini juga didapati bersesuaian dengan pengalaman menjawab soalan di dalam kelas kerana faktor keselesaan masa.

Tahap kesedaran ini dapat diukur dengan jelas memandangkan soalan-soalan berkaitan adat seperti Adat Perpatih tidak pernah diajukan kepada mereka sebelumnya. Perkara yang sukar mungkin kesudian mereka untuk mengenali bentuk-bentuk yang dinyatakan itu dan sebagai contoh beberapa komponen tradisi lisan seperti prosa dan puisi diajukan untuk mengenal pasti sejauh mana tahap kesedaran mereka terhadap adat ini.

3.5.1 Perbilangan Adat

Perbilangan adat merupakan sastera lisan berbentuk puisi yang menjadi cerminan dalam kebanyakan sistem nilai masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Persampelan yang dijalankan adalah perlu dan penting sekali dalam menguji kefahaman dan memberi kesedaran betapa pentingnya kata-kata adat yang turut dikaitkan sebagai satu falsafah yang mendalam maksudnya. Sungguhpun perbilangan adat menggunakan sepenuhnya dialek Negeri Sembilan, loghat yang dikiaskan itu tidak harus dijadikan alasan. Adat yang ‘tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas’ ini umpama satu utusan bagi generasi muda menguasainya.

¹⁰ Sila rujuk maklumat 27-36 untuk melihat beberapa perbezaan antara sastera rakyat berbentuk prosa dan puisi.

Bagi generasi muda yang masih bersekolah, adalah satu alasan yang sukar diterima memandangkan mereka boleh menguasai dengan baik peribahasa atau perumpamaan Melayu yang ada ketikanya mempunyai berbaris-baris ayat. Sedangkan pula kata-kata adat yang pendek dan ringkas tidak dapat disebut jelas. Bahkan tidak ada daripada pelajar yang ditemui dapat menjawab dengan tepat falsafah adat yang dikemukakan. Ada ketikanya bahasa atau ayat yang terkandung dalam perumpamaan dan sebagainya lebih panjang daripada kata adat sebaliknya mereka boleh pula menghafalnya dengan baik.

Sepuluh perbilangan yang dipilih dan dimasukkan ke dalam jadual di sebelah merupakan contoh-contoh yang paling hampir dengan persekitaran wilayah adat Perpatih. Misalnya 'kalau kurik induknya, rintiklah anaknya' dianggap jalinan sosial yang menggambarkan ikatan dua generasi iaitu tua dan muda. Perbilangan ke-4, 'kok gadang jangan melenda, kok berdik jangan menjual' membawa pemahaman etika dalam bermasyarakat agar tidak menghimpit, menipu atau melanggar anggota yang lemah. Ini penting dalam mendidik pelajar-pelajar untuk memberi sumbangan sekiranya mempunyai kelebihan ilmu seperti perbilangan :

Kalau alim hendakkan doanya
 Kalau kaya hendakkan emasnya.

'Emas' yang dimaksudkan di atas memberi pengertian yang dalam dari segi ekonomi. Oleh itu perbilangan di atas juga menyeru orang berada agar sentiasa tampil memberi sumbangan. Sekiranya perbilangan ini disoal, pelajar-pelajar akan mengambil masa untuk menjawab kerana terikat dengan perkataan 'emas'. Oleh itu untuk memberikan jawapan yang tepat, adalah penting bagi pelajar untuk memahami maksud perkataan-perkataan tertentu terlebih dahulu. Bagi pelajar-pelajar di atas untuk memahami beberapa istilah lama atau dialek yang terselit pada perbilangan adat merupakan adalah satu perkara yang sukar dilakukan kerana beberapa istilah itu tidak dituturkan lagi.

JADUAL 3.1 Analisis Pengetahuan Maksud Perbilangan Adat.

bil	Contoh Perbilangan Adat	Betul	%	Salah	%	Tidak Jawab	%
1	Kalau kurik indukoya, rintiklah anaknya	7	21.8	11	8.7	2	4.8
2	Sehalaman sepermainan, seperigi sepermandian, sejamban setepian	2	6.3	15	11.8	3	7.4
3	Sehari hilang sehari dicari, sakit diubat luka ditasak	1	3.1	12	9.4	7	17.1
4	Kok gadang jangan melanda, kok cerdik jangan menjual	3	9.4	15	11.8	2	4.8
5	Menepuk air di dufang, mengoyak baju di dada	2	6.3	15	11.8	3	7.4
6	Sekenyang-kenyang banting, rumpunya dimamah jua, sejaul-jauh melanting, jatuhnya ke tanah jua	5	15.6	13	10.3	2	4.8
7	Kerbau gompong lepas di padang	1	3.1	6	4.7	13	31.7
8	Merantau belakang dapur	2	6.3	16	12.6	2	4.8
9	Adat Sentosa di dalam negeri	4	12.5	12	9.4	4	9.8
10	Bagai mentimun dengan durian, menggolek pun luka, kena golek pun luka	5	15.6	12	9.4	3	7.4
	Jumlah	32		127		41	

Keseluruhannya kajian yang berdasarkan soalan objektif aneka pilihan telah dijalankan dengan mengemukakan 25 contoh perbilangan adat. Daripada 25 soalan

yang dikemukakan tiada seorang pun yang menjawab semuanya dengan tepat.¹¹ Tinjauan yang telah dijalankan mendapati 70 peratus generasi muda ini tidak langsung memahami maksud dan makna-makna tersirat dalam perbilangan adat dengan baik. Kebanyakan mereka sekadar meneka jawapan yang dilampirkan berdasarkan pilihan aneka jawapan A, B dan C. Jadual di sebelah adalah analisis sepuluh contoh perbilangan adat yang ditujukan secara bertulis kepada 20 orang remaja.

Perbilangan yang disenaraikan memberi kesan mendalam dalam diri pelajar, tidak sekadar sepuluh soalan yang tertera di sebelah tetapi kesemua 25 soalan yang dikemukakan di lampiran. Walaupun mereka tidak dapat menjawab dengan baik, menerusi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas masalah ini akan dibincangkan sebagai isi kandungan pelajaran. Meskipun jumlah pelajar tidak dapat menjawab membimbangkan tetapi mereka dapat membuat andaian terhadap soalan-soalan tertentu secara lisan. Misalnya dengan mengaitkan perbilangan yang hampir sama maksudnya dengan peribahasa atau perumpamaan yang biasa dipelajari di dalam kelas. Contohnya ditunjukkan menerusi dua perbilangan yang peratusan menjawab betul adalah tinggi seperti 'kalau kurik induknya, rintiklah anaknya' dan 'sekenyang-kenyang banting, rumputnya dimamah jua, sejauh-jauh melanting, jatuhnya ke tanah jua'.

Oleh itu mudah bagi mereka menjawab soalan 1, 'kalau kurik induknya, rintiklah anaknya' yang mungkin hampir dengan 'kalau borek hapanya, rintiklah anaknya'. Pelajar dapat mengagak jawapan dengan mudah kerana Adat Perpatih mementingkan induk (ibu) manakala bapa lebih diutamakan oleh masyarakat luar Negeri Sembilan. Contoh lain pada soalan 6, 'sekenyang-kenyang banting, rumputnya dimamah jua, sejauh-jauh melanting, jatuhnya ke tanah jua' yang memberi maksud

¹¹ Rujuk lampiran untuk melihat contoh soalan-soalan yang telah dikemukakan. Setiap satu soalan diikuti dengan tiga pilihan jawapan iaitu A, B dan C. Soalan berbentuk objektif dipilih untuk merilei ingatan dan kepekaan menjawab dengan tepat.

seerti dengan 'setinggi-tinggi terbang bangau, ke belakang kerbau jua akhirnya'. Pelajar-pelajar juga beranggapan terdapat beberapa perbilangan adat yang menyamai perumpamaan Melayu seperti 'hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati' dan 'harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan gading, manusia mati meninggalkan nama'.

JADUAL 3.2 Analisis Sebab-Sebab 12 Pelajar Memberikan Jawapan Yang Tepat Kepada Dua Contoh Perbilangan Adat.

Contoh Perbilangan	Peratus	Sebab-sebab Jawapan Diberikan Tepat
Kalau korik induknya, rinaklah anaknya	25.8 %	1) Dapat mengaitkan dengan contoh satu perumpamaan 'bapa borek anak rinik' 2) Terdapat di dalam beberapa naskah rujukan Komponen Sastra 3) Soalan aras mudah dan senang untuk dikaitkan dengan jawapan 4) Sekadar meneka berdasarkan tahap pengetahuan sedia ada dalam diri
Sekenyang-kenyang banting, rumputnya dimamah jua, sejauh-jauh melanting, jatuhnya ke tanah jua.	15.6%	1) Dapat mengaitkan dengan contoh satu perumpamaan 'setinggi-tinggi terbang bangau, ke belakang kerbau jua akhirnya' 2) Terdapat di dalam beberapa naskah rujukan Komponen Sastra 3) Soalan aras mudah dan senang untuk dijawab dengan tepat

Puan Nafizah Wahab ¹²(2003) menyatakan bahawa jati diri pelajar terserlah melalui contoh-contoh perumpamaan yang diberikan. Dua contoh yang dinyatakan itu berhubung kait dengan nilai hidup bermasyarakat seperti hidup berbudi dan memelihara harga diri. Kecenderungan pelajar-pelajar memberikan contoh-contoh

¹² Beliau adalah Ketua Bidang Bahasa di sebuah sekolah menengah di Rembau.

berkenaan juga dipengaruhi oleh sikap menjaga nama dan maruah dengan merasakan diri mereka patut dihargai oleh rakan sebaya.

Manakala bagi jawapan yang kurang dijawab dengan tepat ialah perbilangan 'sehari hilang sehari dicari, sakit diubat luka ditasak' yang bermaksud mencari penyelesaian mengikut resam Adat Perpatih iaitu dengan cara berunding. Jadi penyelesaian dijalankan ibarat kehilangan yang harus dicari segera atau luka harus diubat secepat mungkin agar tidak melarai. Pelajar tidak dapat mengaitkan perbilangan sebagai satu sistem hukum adat dalam konsep penyelesaian masalah. Ada yang menjawab, seseorang (lelaki) yang merajuk dan lari akibat sesuatu perkara yang tidak boleh diselesaikan. Jawapan ini tidak tepat kerana konsep Adat Perpatih adalah jelas bahawa sesuatu masalah atau perselisihan dapat diselesaikan walau apa cara sekalipun, dalam konteks ini ialah rundingan dan mesyuararah.

Satu lagi perbilangan yang mendatangkan kekeliruan ialah 'kerbau gompong lepas di padang' yang bermaksud seseorang lelaki yang tidak tahu tanggungjawabnya di dalam adat dan tiada tempat mengadu.¹³ Timbul kekeliruan kerana pelajar tidak memahami maksud 'kerbau gompong' dan tidak dapat mengaitkan dengan 'sesuatu' yang berada 'di tengah padang'. Sehingga ada pelajar yang memberi maksud 'kerbau gompong' sama ertinya dengan kerbau liar dan babi hutan. Hanya seorang pelajar menjawab hampir tepat iaitu seseorang yang tidak tahu menahu perkara yang berlaku disekelilingnya terutama hal ehwal adat. Pelajar ini merupakan pelajar yang sama memberi jawapan tepat bagi perbilangan 'sehari hilang sehari dicari, sakit diubat luka ditasak'.

Sebahagian besar pelajar yang ditemui, proses pengenalan kepada bentuk-bentuk tradisi ini tidak berpusat di dalam kelas sahaja malah lebih terserlah ketika

¹³ Hal ini merujuk kepada anak dagang yang ingin melangsungkan perkahwinan, perlu membuat perjanjian dan segala pengisytiharan tentang harta untuk mengelakkan berlakunya perselisihan dan sekiranya ada perselisihan, si lelaki itu dapat mengadu kepada Busapak sukunya (Nordin Selat 1976:43-44).

berlakunya interaksi sesama rakan sebaya. Bagi mengesan sejauh mana pengetahuan pelajar, mereka diminta memberikan beberapa contoh perbilangan yang diketahui sama ada yang pernah dipelajari di sekolah dan sebagainya. Hasilnya mereka ini boleh menjawab dengan ringkas tetapi gagal menghayati simbolik di sebalik perbilangan yang dinyatakan itu. Berikut adalah lima contoh perbilangan yang ditulis oleh seorang pelajar daripada kelas yang berlainan. Jawapan yang diberikan adalah tepat kerana perbilangan yang diberikan merupakan yang biasa dipelajari di dalam kelas dan terkandung dalam teks Bahasa Melayu.

JADUAL 3.3 Contoh Perbilangan Adat Yang Dijawab Tepat Oleh Pelajar.

Pelajar 1	Contoh Maksud	Hidup sandar menyandar, bagai aur dengan tebing Sahabat yang setia dan saling bertolong-tolongan
Pelajar 2	Contoh Maksud	Adat lama dipakai usang Adat yang tidak berubah sejak dahulu
Pelajar 3	Contoh Maksud	Adat tegak muafakat Adat lama itu boleh diubah asal dengan muafakat
Pelajar 4	Contoh Maksud	Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung Tiap-tiap perbuatan ada peraturannya, tiap-tiap negeri mempunyai kebiasaannya
Pelajar 5	Contoh Maksud	Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah Selagi hidup, peraturan atau undang-undang hendaklah dipatuhi tetapi mati terserahlah kepada hukuman Tuhan.

Kebolehan mengingat apa yang disampaikan sama ada oleh guru, rakan-rakan atau orang tua dan menguasai setiap bait maksud perbilangan adat merupakan satu kelebihan kepada generasi muda. Proses penerimaan yang baik akan berterusan baik di dalam kelas mahupun di luar sekolah. Namun tidak semua di kalangan mereka yang mempunyai kebolehan mengingatinya sepanjang masa. Proses ini begitu

memakan masa kerana bebanan lain yang mendorong kepada kekangan itu seperti sesi pengukuhan yang terhad. Pelajar perlu menyesuaikan teknik belajar dengan menyeimbangkan beberapa mata pelajaran wajib dalam masa belajar mereka. Kebiasannya remaja akan mengingat perkara-perkara tertentu melalui pembelajaran di sekolah dan akan melupai sedikit demi sedikit setelah tamat persekolahan. Ketika di bangku sekolah mereka terikat dengan latihan dan ujian yang memerlukan sebahagian besar isi kandungan pelajaran dihafal seperti semua peribahasa, perumpamaan dan perbilangan sekiranya perlu.

Mengikut jadual di sebelah, kebanyakan pelajar tidak menjawab dengan baik contoh dan maksud yang dinyatakan tetapi beberapa pelajar terikat dengan perkataan 'keruh' dan 'jernih' yang membawa makna seakan-akan dengan peribahasa 'uang yang keruh, ambil yang jernih'. Tidak sekadar pelajar di bangku sekolah sahaja, beberapa remaja lepasan sekolah yang sedang mengikuti program matrikulasi anjuran Kementerian Pendidikan turut mengalami masalah yang sama. Selain tiada dorongan daripada pihak tertentu, mereka juga tersepit di antara tugasan kuliah yang menyebabkan tidak banyak ruang diperolehi untuk mempelajari dan mengingat kembali beberapa perbilangan adat yang suatu ketika mereka pelajari dengan baik di sekolah.

Berpandukan jadual di sebelah, aras pengetahuan di kalangan remaja lepasan sekolah jauh lebih ketinggalan berbanding pelajar-pelajar yang masih belajar di sekolah. Proses menghafal ini hanya kekal sewaktu pelajar menduduki peperiksaan dan akan melupakannya lama kelamaan setelah tamat sekolah. Berikut adalah satu contoh perbilangan adat yang dikemukakan bagi mengenal pasti sejauh mana ingatan dan kefahaman mereka. Analisis ini berdasarkan aras pengetahuan pelajar-pelajar tentang perbilangan yang diajukan kepada pelajar sekolah dan lepasan sekolah :

JADUAL 3.4 Analisis Aras Pengetahuan Satu Contoh Perbilangan Adat Di Kalangan Pelajar Sekolah.

Contoh Perbilangan Adat : Tidak ada keruh yang tak jernih, tidak ada kusut yang tak selesai.							
bil	Nama Pelajar	Umur	* Aras Pengetahuan				
			1	2	3	4	5
1	Mohd Zafuan	16			X		
2	Mohd Syazwan	15				X	
3	Mohd Hizbul Alifi	15		X			
4	NorHanis	16			X		
5	Nurul Aznyda	17		X			
6	Maryam Farhana	15			X		

* Aras Pengetahuan

- 1 Menjawab dengan tepat dan amat faham maksud perbilangan
- 2 Jawapan hampir tepat dan faham maksud perbilangan
- 3 Jawapan tidak tepat tetapi faham maksud perbilangan
- 4 Jawapan tidak tepat dan tidak faham maksud
- 5 Tidak memberi jawapan tanpa sebarang alasan

Berikut di muka surat sebelah pula adalah analisis aras pengetahuan bagi mengenal pasti sejauh mana remaja lepasan sekolah memahami satu contoh perbilangan adat seperti yang dikemukakan kepada pelajar sekolah tadi.

JADUAL 3.5 Analisis Aras Pengetahuan Satu Contoh Perbilangan Adat Di Kalangan Remaja Lulusan Sekolah.

Contoh Perbilangan Adat : Tidak ada keruh yang tak jernih, tidak ada kusut yang tak selesai							
bil	Nama Pelajar	Umur	Aras Pengetahuan				
			1	2	3	4	5
1	Fatin Lryana	20					X
2	Khairil Anbia'	19					X
3	Norhanisah	20				X	
4	Mohd Rusdi	18				X	
5	Hasanul Isyraf	19					X

Terdapat kejanggalan apabila contoh yang sama diajukan kepada lepasan sekolah dan mereka tidak memberikan jawapan yang memuaskan. Sedangkan mereka yang seharusnya lebih memahami maksud-maksud tersebut dan kesimpulan yang dapat dibuat ialah mudah melupakan sesuatu di luar topik pembelajaran. Kelima-lima orang remaja dalam jadual di sebelah adalah penuntut institusi pengajian tinggi yang mengambil kursus di luar bidang kebudayaan. Alasan ini dianggap tidak munasabah kerana pembabitan mereka dalam bidang kebudayaan tidak sekadar pengkhususan di universiti tetapi mencakupi segenap kegiatan sama ada di dalam mahupun di luar kampus.

Berikut adalah kekangan lain yang dapat menjelaskan antara sebab mengapa perbilangan adat tidak lagi mendapat tempat malah kurang dikenali oleh rakan-rakan sebaya mereka terutama dari luar Negeri Sembilan.

"... semua peraturan adat yang wujud tidak tertulis dalam bentuk buku atau perlembagaan khusus, tetapi wujud dalam bentuk perbilangan yang diwarisi turun-temurun. Kami memang meragui kesahihannya dan tentu kami buat perbandingan ketara dengan Adat Temenggung sebab Adat Temenggung nampak dominan.."

Tatini Iiyana Abu Bakar, Kolej Matrikulasi Londang, Melaka (Mei, 2003)

Socara umumnya mereka mengenali bentuk-bentuk puisi menerusi pembelajaran di sekolah, pembacaan dan sedikit sebanyak daripada penyampaian ibu bapa. Pembacaan diperolehi di perpustakaan dan tempat-tempat tertentu sahaja memandangkan kurangnya sumber bacaan yang sesuai di pasaran. Di samping itu, penggunaan dialek kedaerahan dalam merangkum maksud perbilangan adat masih diperkatakan oleh mereka :

"...perbilangan adat merupakan permainan bahasa sebab orang dulu suka berkias dalam menyampaikan sesuatu maksud. Kami faham tujuannya tetapi tidak semua yang dikatakan itu boleh difahami satu persatu, terpaksa rujuk kamus. Kami tidak faham bahasa lama yang digunakan dalam perbilangan adat. Kadang-kadang kami tak pernah dengar beberapa perkataan yang dinyatakan."

Hasanul Isyraf Othman, Universiti Putra Malaysia (Mei, 2003)

Jika diteliti ulasan di atas, masalah remaja yang kurang arif akan bahasa daerah ini bermula semenjak di bangku sekolah lagi kerana penggunaan bahasa standard yang meluas di kalangan pelajar dan guru-guru membataskan mereka mengenali bahasa lama dan dialek daerah. Menerusi persampelan linguistik yang telah dijalankan di dalam 14 buah kelas sekolah menengah, hanya segelintir yang menjawab dengan tepat. Responden berkenaan adalah mereka yang tinggal di luar bandar dan mempunyai ahli keluarga yang ramai. Interaksi yang baik di kalangan ahli

keluarga ini dapat memberi pengaruh besar dalam mengenal istilah-istilah yang kuno dan tidak dituturkan lagi.¹⁴

3.6 Cerita Rakyat : Bila Orang Muda Bercerita

Cerita lisan biasanya tidak mendapat tempat di kalangan pelajar-pelajar sekolah kecuali hal yang berkaitan dirinya. Mereka lebih gemar membaca buku cerita atau novel tebal daripada mendengar cerita terutama cerita berkaitan adat resam nenek moyang. Namun ada juga yang boleh menceritakan apa yang diketahuinya walaupun sekadar cerita pendek. Bagi mengenal pasti sama ada mereka mengetahui cerita-cerita rakyat, cara terbaik ialah dengan meminta mereka menceritakan kembali apa yang diketahuinya. Hasilnya tidak mengecewakan kerana mereka dapat menceritakannya dengan baik.

Meminta pelajar menceritakan asal-usul sesuatu tempat bukanlah perkara yang sukar kerana mereka sememangnya berkebolehan dalam soal tersebut. Bakat mereka terserlah semenjak di bangku sekolah rendah kerana program bercerita adalah satu cara membentuk penampilan dan keyakinan bercakap. Berikut adalah cerita asal-usul pekan Rembau¹⁵ dan Pedas yang telah diajukan kepada empat pelajar. Cerita tentang Pekan Rembau dan Pedas dipilih untuk mendekatkan pelajar mengenali kawasan yang dominan di daerah Rembau ini malah kebanyakan pelajar yang bersekolah di sini sering mengunjungi Pekan tersebut. Mereka telah memberikan cerita yang hampir sama walaupun daripada kutipan yang berlainan. Gaya penyampaian pelajar-pelajar ini menyerlahkan kemampuan mereka mengikuti cerita-cerita yang pernah didengar sebelum ini. Sungguhpun wujudnya berbagai versi dan sumbernya yang berbeza, ini menunjukkan bahawa setiap cerita itu disampaikan oleh penyampai yang berlainan latar dan ketika.

¹⁴ Lihat lampiran soal selidik 'Kajian Dialek Negeri Sembilan Di Kalangan Pelajar Sekolah'.

¹⁵ Sejarah perkembangan Rembau dan pembangunan yang berjalan di pekan ini telah dinyatakan dalam bab 1.

JADUAL 3.6 Cerita Asal-usul Pedas dan Rembau

Asal-usul Pedas	Asal-usul Rembau
1) Mashurah Zakaria (13 tahun, tingkatan 1 Ar-Razi)	
Penduduk di sebuah kampung sedang mengadakan kenduri. Mereka gemar memasak yang pedas-pedas. Suatu hari Raja singgah di situ dan menjamah makanan. Raja terkejut kerana makanan terlalu pedas dan seraya menamakan tempat itu sebagai Pedas. Sumber : Pelajar senior di asrama.	Satu tempat yang banyak kerbau. Penduduknya gemar berlaga kerbau dan memanggil tempat ini sebagai Kampung Kerbau. Akhirnya disebut orang sebagai Rembau. Sumber : Rakan-rakan di sekolah rendah.
2) Mohd Ikram Mohd Shah (14 tahun, tingkatan 2 Ibnu Sina)	
Satu kawasan yang dipenuhi dengan pokok cili api lalu dipanggil tempat ini Pedas. Sumber : Rakan-rakan sekelas.	Orang Minangkabau yang datang ke tempat ini memanggil Rombo dan akhirnya sebutan itu bertukar menjadi Rembau. Sumber : Buku Sejarah Negeri Sembilan.
3) Abdul Azizul Rahman (15 tahun, tingkatan 3 Ibnu Taimiyyah)	
Berdirinya pokok kerdas di tengah-tengah kawasan ini. Penduduk di sini memanggilnya Pedas kerana kerdas agak susah untuk disebut. Sumber : Peniaga Pasar Tani di Rembau	Berasal daripada pokok terentang yang banyak di kawasan ini. Tetapi penduduk memanggilnya Rembau kerana bersempena sebatang pokok merbau tua yang besar di antara pokok-pokok terentang. Sumber : Ibu / Bapa

4) Mohd Najmi Abdullah (16 tahun, tingkatan 4 Al-Ghazali)	
Terdapat sebuah kawasan lain di Negeri Sembilan yang bernama Labu. Untuk membezakan kawasan tersebut maka dinamakan Pedas bersesuaian manis lawannya pedas. Sumber : Saudara mara	Panglima Hitam telah mengembara ke satu tempat. Setelah letih berjalan dia dan rombongan merenatkan diri di bawah pokok merbau yang sangat besar dan tempat itu dinamakan pula bersempena pokok merbau tersebut. Sebutan merbau lama kelamaan bertukar kepada Rambau. Sumber : Buku rujukan Sejarah dan guru mata pelajaran.

Cerita asal-usul Pedas didapati banyak versinya walaupun kandungannya sama. Ini disebabkan begitu ramai yang mengaitkan nama Pedas mengikut kesesuaian perkataan 'pedas' itu sendiri. Beberapa versi cerita asal-usul Rembau¹⁶ pula memperlihatkan kebolehan mereka memperoleh sumber yang hampir dengan nama pekan itu. Cerita yang disampaikan oleh dua orang pelajar (Mohd Ikram dan Mohd Najmi) di atas hampir menyamai dengan beberapa versi yang terdapat dalam naskhah yang pernah diterbitkan. Ternyata sumber yang diperolehi oleh mereka adalah kutipan yang berdasarkan kronologi sebenar yang diceritakan oleh beberapa pengkaji sebelum ini seperti yang ditulis semula oleh Norhalim Hj Ibrahim (1995:41):

Pada awal abad ke-16 orang Jakun di Rembau (dulunya dikenali dengan nama 'Perabu') diketuai oleh Batin Sekudai yang berkahwin dengan anak perempuan Batin Chepa yang tinggal di Sungai Ujong. Perkampungan yang terkenal semasa pemerintahan Batin Sekudai ialah Relong, Kebun Lada, Gombira dan Paya Merbau. Kampung Gombira telah dijadikan petempatan oleh Batin Pak Nilu, iaitu anak Batin Chepa dan ipar kepada Batin Sekudai. Semasa meneroka hutan itu Batin Pak Nilu telah bertemu sebatang pokok merbau yang luar biasa besar dan tingginya. Setelah habis hutan ditebas tebang, tinggalah pokok merbau yang besar itu. Kawasan yang diteroka itu besar dan luas maka dijadikan dua buah petempatan. Sebuah dinamai Kampung Gombira dan sebuah lagi dinamai Paya Merbau. Batin Pak Nilu telah menetap di Kampung Gombira. Tidak lama selepas Kampung Gombira dibuka,

¹⁶ Rembau awal bernama Perabu, satu istilah bahasa Sanskrit Jawa bererti daulat, yang dipertuan dan anak raja (Wilkinson 1955:882).

nirulah Batin Chepa mendapatkan anaknya. Semasa kedatangannya pokok merbau itu masih belum ditebang kerana dianggap keramat. Batin Chepa telah ditempatkan oleh anaknya di Kampung Paya Merbau. Setelah Batin Chepa menetap di situ maka bermuafakallah mereka untuk menebangnya, mengikut tradisi lisan Rembau telah mengambil masa 'dua kali tujuh hari'. Dengan bantuan ilmu Batin Chepa, akhirnya pokok itu tumbang. Oleh kerana pokok itu besar, di atas perebangan tunggulnya boleh dihidu dua belas hidangan nasi. Cerita tentang pokok merbau itu telah merebak dan kawasan tersebut telah dinamakan Merbau Tua (ada juga menyatakan Merbau Tua Buah). Tunggul pokok tersebut dipercayai terletak di Kampung Api-api, dalam Mukim Gadong. Dengan timbulnya nama Merbau Tua itu hilanglah nama Perabu dan kemudiannya diringkaskan menjadi Rembau.

Urutan cerita di atas diajukan kepada satu kelas tingkatan dua seramai 31 orang untuk mengenal pasti pengetahuan mereka terhadap cerita tersebut. Di kalangan mereka terdapat pelajar yang memang mengetahui asal-usul nama Rembau tetapi tidak memahami perjalanan cerita itu mengikut kronologinya. Secara ringkas mereka memperoleh cerita itu daripada gambaran yang diceritakan sewaktu pembelajaran di sekolah. Sepanjang 20 minit bercerita yang lebih mirip kepada sesi pengajaran mata pelajaran Sejarah ini, pelajar-pelajar keseluruhannya kelihatan beria-ia memperdengarkan versi yang diketahui mereka melalui sumber lisan lain yang mungkin dikutip daripada saudara mara, rakan-rakan, guru atau ibu bapa masing-masing.

Sebagai seorang pelajar, mereka tidak boleh dianggap penutur yang mahir memandangkan apa yang telah diterima masih cetek. Penutur amatir seperti mereka memerlukan lebih banyak pendedahan dengan diperdengarkan kepada mereka cerita-cerita yang belum pernah diketahuinya. Urutan-urutan cerita yang pernah diketahui dan didengar sebelum diceritakan sepenuhnya petikan lisan di atas kepada mereka Didapati sebahagian daripada plot-plot yang tertera ini mempunyai beberapa persamaan dengan cerita asal yang dikutip oleh Norhalim Hj. Ibrahim. Muka surat sebelah menunjukkan beberapa kronologi yang pernah didengar oleh pelajar-pelajar berkenaan.

JADUAL 3.7 Kronologi Cerita Lisan Asal-usul Rembau.

Plot	Unitan Perkembangan Cerita	Jumlah
1	Awai abad ke-16 Rembau didiami oleh orang asli keturunan Jakun	31/31
2	Dulunya Rembau dikenali dengan nama Perabu	16/31
3	Perabu diketuai oleh ketua orang asli bergelar Batin Sekudai	13/31
4	Batin Pak Nilu iaitu ipar Batin Sekudai telah menemui sebatang pokok merbau yang besar sewaktu menerokai hutan	31/31
5	Batin Pak Nilu menebas semua pokok hutan kecuali pokok merbau yang besar itu	9/31
6	Kawasan itu dijadikan dua petempatan	2/31
7	Satu kawasan dinamakan Kampung Gombira dan satu lagi dinamakan Kampung Paya Merbau	7/31
8	Batin Pak Nilu menempatkan bapanya, Batin Chepa di Kampung Paya Merbau	0/31
9	Pokok merbau masih belum ditebang kerana penduduk menganggapnya keramat	31/31
10	Batin Chepa bermaksud untuk menebang pokok merbau	0/31
11	Proses menebang pokok merbau mengambil masa dua minggu	25/31
12	Pokok merbau berjaya ditebang berkat ilmu Batin Chepa	29/31
13	Pokok itu amat besar sehingga tunggalnya boleh diletakkan 12 hidangan nasi	13/31
14	Kawasan itu dinamakan Merbau Tua atau Merbau Buah Tua	30/31

15	Tunggulnya dipercayai terletak di Gadong	19/31
16	Perabu bertukar kepada Merbau Tua dan akhirnya dikenali sebagai Rambau	31/31

Daripada 15 urutan perkembangan cerita yang dilampirkan terdapat pelajar yang mengetahui hampir keseluruhan isi cerita tersebut manakala sebahagiannya pula sekadar mengetahui secara ringkas. Pada urutan tertentu, contohnya urutan 1, 4, 9 dan 16 didapati keseluruhan pelajar di dalam kelas tersebut seramai 31 mengetahuinya walaupun tidak sepenuhnya mengikut urutan yang dinyatakan. Urutan pada plot 1 umpamanya semua pelajar mengetahui bahawa penduduk asal Rambau adalah suku kaum asli¹⁷ tetapi mereka kurang pasti tentang abad ke berapakah orang Jakun¹⁸ menghuni di daerah ini.

Keseluruhan pelajar mengetahui bahawa ada seseorang yang telah menemui sebatang pokok merbau yang besar dan tinggi tetapi mereka masih kabur tentang siapakah orang tersebut. Mengikut mereka ada versi yang didengar orang itu ialah Panglima Hitam. Ada pula yang mengatakan orang tersebut ialah seorang sufi, pedagang, orang Minangkabau dan berbagai versi lagi. Kenyataan ini datangnya daripada pembelajaran di sekolah kerana sumbernya diperolehi daripada seorang guru mata pelajaran Sejarah di sekolah berkenaan. Hanya dua orang pelajar yang berpendapat bahawa orang itu ialah kaum asli di daerah Rambau ketika itu. Tiada seorang pun daripada 31 orang pelajar ini yang pernah mendengar nama Batin Pak Nitu kerana individu ini jarang diketengahkan dalam teks sekolah.

¹⁷ Merujuk kepada sebahagian penduduk kampung berketurunan asli termasuk di Kampung Sepri dan Kampung Chuni di Rambau. Sebilangan kecil telah diislamkan pada awal tahun 2000 sewaktu lawatan Menteri Perpaduan Masyarakat ketika itu Dato' Napsiah Omar.

¹⁸ Menurut Newbold (1834:253) orang asli Jakun yang datang ke Rambau terpecah kepada dua kumpulan :

- i) kumpulan yang menerima kedatangan penghijrah yang telah tinggal berhampiran atau bersama mereka.
- ii) orang Jakun yang tidak dapat menyesuaikan diri telah berpindah ke dalam hutan.

Pada plot 9, semua pelajar berpendapat pokok merbau itu dianggap keramat disebabkan satu faktor kepercayaan kuno orang Melayu tentang perkara-perkara pelik. Kejadian luar biasa seperti kewujudan pokok besar itu dikaitkan dengan amalan animisme, iaitu kepercayaan bersifat magis yang berpaksi sebelum kedatangan Islam. Hampir 20 orang daripada mereka menyatakan bahawa pokok merbau itu boleh memberikan kuasa luar biasa kepada individu yang 'memelihara' pokok tersebut dan persekitarannya. Manakala plot 16 semua pelajar seramai 31 orang itu tahu bahawa Rembau berdasarkan kepada pokok merbau yang tumbuh dengan banyak di kawasan tersebut. Kenyataan ini diperolehi daripada teks pembelajaran di sekolah.

Hanya seorang pelajar¹⁵ pada urutan plot 14 yang percaya setelah seseorang menemui pokok merbau, kawasan petempatan itu terus dinamakan Rembau bukan Merbau Tua. Menurutnyanya Rembau sebelum itu dikenali sebagai Rombo, iaitu mengikut catatan sejarah sewaktu jatuhnya Melaka ke tangan Portugis. Beliau juga bersetuju dengan satu lagi catatan sejarah yang mengatakan Rembau sebelumnya dikenali sebagai Perabu yang bermaksud kedaulatan. Ketua bagi daerah ini adalah penduduk asli di kawasan itu tetapi tidak ramai pelajar mengetahui dan mendengar akan Batin Sekudai sebelum teks tersebut diceritakan.

Secara umumnya generasi muda mengetahui asal-usul nama Rembau berdasarkan cerita lisan pokok merbau. Cerita-cerita yang diketengahkan sebelum ini (rujuk Jadual 4.8) ada kaitannya dengan versi yang dinyatakan. Ini jelas memperlihatkan kemampuan serta kebolehan generasi muda mengetahui cerita tersebut. Mereka boleh menguasai dengan baik berbagai cerita dan mempersembahkan tanpa mengikut kronologi kerana maklumat yang diperolehi adalah terhad walaupun beberapa aspek tertentu seperti catatan sejarah, tarikh peristiwa dan nama-nama tokoh tidak dapat dinyatakan dengan baik kerana kurangnya pendedahan dan maklumat berkaitan.

¹⁵ Mohd Zulidham pernah mewakili sekolah dalam Pertandingan Kix Sejarah Peringkat Negeri.

Kecenderungan beberapa pelajar dalam cerita asal-usul memang mengagumkan kerana sesuatu perkara itu menjadi menarik dengan pengetahuan latar sejarahnya. Contohnya cerita tentang kewujudan sesuatu tempat, sebuah kampung misalnya, telah menghubungkan kepercayaan yang setiap isinya akan dibuktikan oleh tanda, rupa, bentuk, tempat tertentu serta hukti-bukti lain.²⁰ Biar pun ceritanya agak bersahaja, motifnya ialah untuk menghargai sesuatu tempat. Secara tidak langsung generasi tua menanam rasa tanggungjawab, bangga dan megah terhadap kampung mereka ke hulu generasi muda. Generasi terdahulu ini akan menjangka bahawa mereka adalah peneroka dan penghuni asal kampung tersebut, hal ini adalah sesuatu yang harus dihargai oleh generasi seterusnya.

Di bawah ini adalah contoh cerita yang disampaikan oleh pelajar tingkatan 4, Mohd Afif Salami Marzuki²¹ tentang asal-usul Kampung Air Sekapas. Kronologi ceritanya hampir sama dengan seorang penyampai dari Kampung Tengah, Sepri yang telah ditemui. Setelah diteliti, tiada perkaitan sahih yang menyokong cerita dua generasi ini.

Seorang peneroka dari tanah seberang telah menemui satu tempat yang banyak pokok kapas di Rembau. Beliau membawa sanak-sandaranya bertujuh ke sini kerana kawasannya subur dan dikelilingi air. Kampung yang tidak bernama ini sesuai untuk penanaman padi sawah. Orang kampung mengerjakan sawah yang dikelilingi pokok kapas dan memanggilnya kampung yang banyak pokok kapas. Gabungan air dan kapas terbentuknya Kampung Air Sekapas hingga sekarang.

(Mohd. Afif Salami Marzuki : 2003)

Pelajar ini memperoleh sumber ini daripada neneknya yang merupakan penduduk asal kampung berkenaan. Tidak dapat dipastikan sama ada versi ini adalah benar kerana maklumat sahih dari Jabatan Pertanian mengatakan tidak terdapatnya pokok kapas di sekitar kampung ini. Kemungkinan ditanam oleh orang perscorangan juga tidak dapat diterima kerana penanaman kapas memerlukan tanah regur dan iklim

²⁰ Lihat Mohd Taib Osman (1983:99).

²¹ Lihat LAMPIRAN A (19) untuk rujukan biodata.

tropika. Beberapa andaian yang boleh diterima iaitu pokok kapas yang dimaksudkan ialah pokok kekabu kerana pokok kekabu masih hidup subur di sebahagian besar kawasan pedalaman di Rembau sehingga ke hari ini. Mengukuhkan keadaan, masyarakat dahulu juga menggunakan kekabu dengan meluas untuk membuat tilam dan bantal serta tidak pernah menggunakan kapas.

Air yang dinyatakan dalam petikan di atas membawa kepada dua kepentingannya iaitu sebagai sumber pengairan untuk mengairi sawah padi. Isipadu air yang mencukupi membolehkan penanaman padi yang memerlukan tanah aluvium itu dapat diusahakan. Manakala di satu pihak pula sebaliknya mengatakan air amat kurang di kampung ini dan menyebabkan kegiatan pertanian termasuk penanaman padi terpaksa dihentikan. Sawah dan semua tanah di seluruh kawasan menjadi kering dan hanya ditumbuhi rumput renek yang sesuai untuk diragut kerbau. Cerita pertama boleh diterima kerana nama kampung ini telah wujud sebelum masalah kekeringan air iaitu sekitar 50 tahun dahulu. Kekeringan air di kampung ini disebabkan oleh kesilapan jurutera daerah yang melebarkan sungai tanpa perancangan strategik. Sehingga kini didapati sungai yang sebelumnya dipenuhi air kelihatan kering dan bertukar menjadi parit yang sempit.²²

3.7 Kesedaran Terhadap Pengisian Cerita Lisan

Kebiasaan generasi muda bercerita tidak boleh dinafikan walaupun cerita yang disampaikan masih diragui kesahihannya. Di sebaliknya tujuan mereka bercerita itu terselit nilai hudi yang tinggi selain konsep bermasyarakat yang tampak ada kesannya. Kemahiran beberapa orang daripada mereka bercerita turut dikongsi oleh rakan-rakan yang menokok-tambah cerita tertentu. Akhirnya cerita yang asalnya

²² Mengikut fakta geografi, kawasan Negeri Sembilan di sebelah barat seperti Jelabu, Tampin, Kuala Pilah dan Rembau terletak di bahagian Pantai Barat Semenanjung Malaysia menerima Angin Monsun Barat Daya dari bahagian tengah Sumatera dengan jumlah hujan tahunan kurang daripada 2000 mm. Kawasan ini menerima hujan lebat pada bulan Mei hingga September dan pedalaman Kuala Pilah serta Jelabu diisytiharkan sebagai kawasan lindung hujan dan paling kering di Semenanjung Malaysia.

pendek telah menjadi panjang akibat penambahan itu. Walaupun terdapat jalan cerita itu telah diubahsuai, keaslian isi cerita dan pengajaran di sebalik cerita tersebut tetap terpelihara. Keseluruhan cerita yang telah disampaikan mempunyai pengajaran disebaliknya terutama cerita-cerita yang berkait dengan kejadian sesuatu tempat dan asal-usul nama sesuatu tempat atau objek.

Sesebuah cerita lisan itu boleh menggambarkan satu sudut dan gaya hidup masyarakat dahulu. Pelajar menyedari bahawa untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu tempat misalnya, cerita yang disokong dengan bukti-bukti yang masih wujud boleh dijadikan tanda atau petunjuk. Cerita lisan yang ditambah dengan pelbagai versi tetapi masih kekal sebahagian plot ceritanya boleh diambil kira untuk mengenal pasti kesahibannya. Bagi masa depan cerita lisan demikian, perlu ada pendokumentasian yang jelas kerana maklumat yang ada sekarang hanya berdasarkan kepada sumber lama yang mungkin telah diubahsuai semenjak beberapa keturunan. Generasi muda yang akan datang boleh mempertikaikan kewujudan versi asal dan memadankan serta membuat perbezaan dengan versi terbaru yang mereka terima.

3.8 Kesimpulan

Adat Perpatih mempunyai ciri yang tersendiri, antaranya bentuk pemerintahannya, bentuk hukuman yang digunakan dan sistem jurai keturunan serta perwarisan harta. Dari segi pemerintahan, ciri pemerintahan demokratik iaitu kuasa pemerintahan tidak berada di tangan seorang sahaja. Di samping itu, ketua-ketua di pelbagai peringkat adalah dipilih dan dilantik oleh kumpulan ketua dari peringkat bawah ke atas. Anak buah memilih Buapak, Buapak memilih Lembaga dan Lembaga memilih Undang. Seterusnya Undang pula memilih dan melantik Yamtuan atau Yang Dipertuan Besar. Sehingga kini Adat Perpatih masih kekal sebagai satu sistem yang mengutamakan nilai hidup bermasyarakat.

Adat Perpatih ada caranya untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul, iaitu melalui perbincangan atau muafakat. Nilai hidup masyarakat yang harmonis terselidh menerusi konsep sedemikian. Adat Perpatih juga bertaut pada konsep budi yang dalam, disifatkan sebagai beradab atau bertertib. Konsep ini memainkan peranan penting bukan sahaja setakat tingkahlaku bahkan keseluruhan ruang hidup masyarakat yang mengamalkannya.

Sememangnya upacara adat telah dilakukan sejak dahulu lagi dan masih hidup di kalangan masyarakat sekarang bermula sejak dalam buaian (Ismail Hamid 1998). Antara yang masih diamalkan di kampung sekitar Rembau ialah adat seperti melenggang perut, upacara bersalin, menanggal tali pusat, bercukur, memijak tanah, naik buaian, perkahwinan dan kematian. Seringkali dalam upacara perkahwinan diselitkan adat bercukur yang disertai naik buaian. Suasana demikian masih teguh dijalankan di beberapa kampung di daerah Rembau dan pengamal dan pelaku buaiannya terdiri daripada golongan berumur. Penglibatan kaum muda juga tidak terkecuali walau pun hanya mengambil bahagian dengan membantu dalam kerja-kerja 'belakang dapur' dalam upacara-upacara keramaian ini.

Adat yang masih dipegang dengan baik sehingga kini akan terus subur sekiranya pengamalnya semiasa bersikap rasional dengan tidak menepis hukum adat yang diwarisi turun-temurun ini. Adat Perpatih yang dinyatakan dalam bentuk terombo atau perbilanggan adat adalah sebahagian daripada cara hidup masyarakat. Adat yang berakar umbi daripada tradisi lisan ini akan terus hidup jikalau ia masih mempunyai pengamalnya. Setelah tradisi lisan ini diberi tempat yang sebaiknya, anak-anak muda akan dapat melihat dan menyaksikan dengan mata sendiri dan ini dapat memberi ingatan serta pengetahuan yang jelas berbanding hal-hal lain yang bersifat lisan kerana remaja tidak dibentuk untuk membaca dan mendengar semata-mata.

Keseluruhannya penerimaan tradisi lisan terutama dalam bentuk sastra rakyat di kalangan generasi muda boleh dibanggakan. Ini dibuktikan mereka daripada petikan dan tindakbalas yang diterima setelah diajukan beberapa soalan dan temubual. Kaedah penyampaian mereka mereka kelihatan mudah tetapi jelas menunjukkan bahawa setiap pengetahuan yang diterima itu adalah lahir daripada pengalaman hidup seperti memperolehnya sewaktu bersantai bersama keluarga, rakan-rakan, pembacaan dan faktor persekitaran.

Terdapat kalangan pelajar sekolah peringkat menengah rendah yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap penguasaan cerita-cerita lisan ini. Sumber penerimaannya bergantung kepada hubungan kekeluargaan yang menarunkan cerita-cerita itu secara tidak sengaja. Perit pentingnya hubungan antara generasi tua dan generasi muda dapat menyerlahkan kesungguhan anak-anak muda untuk mendekati tradisi kerana kejanggalan dalam sesuatu hubungan antara dua generasi ini yang mengakibatkan berlakunya jurang budaya yang ketara. Hasilnya kebanyakan generasi muda yang ditemui sememangnya melahirkan rasa terima kasih terhadap generasi sebelumnya yang mampu mendampingi mereka.

Berkembangnya pengaruh media-massa menjadikan generasi muda lebih kalut meningkatkan pengetahuan. Namun pengetahuan yang akan membawa perubahan tidaklah semuanya bersifat keburukan malah lebih kreatif dengan tidak menolak nilai-nilai tradisinya. Sifat-sifat tradisional itu masih wujud dalam sastra rakyat yang telah dikomersialkan untuk memudah perantara. Generasi baru perlu peka dan mempunyai iltizam untuk memelihara kemurnian kehidupan budaya yang kini telah banyak di dokumentasikan.

BAB IV

TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH DALAM KONTEKS BUDAYA BENDA DAN PERLAKUAN

4.1 Pengenalan

Perubahan budaya yang timbul daripada perubahan sosio ekonomi dan struktur masyarakat menjadikan anak-anak muda Melayu bagai melukut di tepi gantang, langsung tidak mengenal asal-usul. Persoalannya apakah benar anak-anak muda ini secara rasional dapat menerima sepenuhnya bahawa apa yang disampaikan oleh nenek moyang mereka merupakan aturan hidup yang telah digunakan semenjak mereka dituang buaian? Sedang mereka yang dewasa dan membesar sekian lama di daerah penuh tradisi ada kalanya menepis citra Melayu terutama hal-hal berkaitan adat resam lama apatah lagi anak-anak remaja yang rata-rata menerima agenda globalisasi seadanya.

Bangsa Melayu kini dikuasai oleh ilmu, ekonomi dan teknologi lalu masyarakat seperti generasi muda umpamanya sering meminarkan bentuk dan pola tradisinya sekadar picisan. Kemasukan pengaruh dari luar semenjak zaman sebelum penjajahan dan terbukanya peluang-peluang komunikasi selepas kemerdekaan menyebabkan susun galur adat resam semakin terpinggir. Ketibaan teknologi diterima dengan baik dan di masa yang sama generasi muda harus berpegang kepada nilai-nilai kebudayaan kebangsaan. Antara yang dikkalkan disebalik kekalutan dunia

tanpa sempadan ini ialah norma-norma tradisi yang mengukuhkan jati diri bangsa Melayu.

Generasi muda kini sama ada di bandar mahupun di luar bandar berhadapan dengan masa depan yang dipengaruhi oleh teknologi maklumat sebagai gaya interaksi sosial. Ada ketikanya akan adat resam lama akan mengalami perubahan akibat penerimaan unsur-unsur baru ini. Maklumat itu mudah disampaikan memandangkan kebanyakan remaja mahir dalam penggunaan sistem informasi ini. Dakwaan bahawa adat itu akan ditinggirkan terus tidak munasabah kerana usaha-usaha mempertingkatkan pengetahuan budaya telah dijalankan oleh golongan muda sendiri. Usaha yang berteraskan kesedaran adat ini akhirnya muncul dalam bentuk cakera padat dan laman web.¹

Sungguhpun begitu, usaha setahun jagung yang diketengahkan itu seakan tidak menampakkan kematangan sekiranya kesedaran untuk mendekatinya tidak diasah semenjak di bangku sekolah. Menyalahkan mereka sepenuhnya adalah tidak adil sekiranya tidak dikaji sebabnya memandang generasi muda belum terserlah pemikirannya terutama anak-anak yang masih di bangku sekolah. Kebimbangan ini akan menemui noktahnya jika ada usaha untuk melerai dan merapatkan jurang ini. Usaha-usaha yang dijalankan akan membuka kesedaran bahawa mereka adalah sandaran untuk dipertanggungjawabkan memelihara nilai-nilai tersebut. Sekurang-kurangnya dapat membiasakan diri dengan ruang hidup senek moyang mereka.

4.2 Budaya Benda

Memperkenalkan budaya benda kepada generasi muda adalah tugas yang mudah kerana mereka lebih senang dengan sesuatu yang bersifat konkrit dan boleh dilihat

¹ Rujuk beberapa usaha *Alasiumi Seni Kebangsaan* dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang menerbitkan cakera padat mengenai dokumentari Festival Kesenian untuk edaran sekolah-sekolah.

dengan mata kasar. Unsur-unsur dalam budaya benda ini membolehkan generasi muda mendekati diri berbanding tradisi berbentuk pengajaran yang lain seperti adat resam, kepercayaan, upacara pemujaan dan sebagainya. Dalam konteks Adat Perpatih semibina adalah elemen yang paling menonjol kerana keunikan dan kelainannya yang ketara itu dapat membezakannya dengan struktur binaan di negeri-negeri lain di Malaysia.² Malah ramai pelajar dapat membuat banding-beza bentuk-bentuk yang terpancar ini kerana pengetahuan sedia ada dan pengalaman yang tidak terbatas dalam binaan yang telah sekian lama menjadi identiti Negeri Sembilan ini.

Masyarakat Minangkabau juga seperti mana orang Melayu lain pada dasarnya mempunyai beberapa peraturan dan pantang-larangnya dalam soal pembinaan sesebuah rumah. Upacara yang berkaitan alam metafizik seperti proses pemilihan tapak, pemilihan kayu, pemilihan pokok yang ditebang hinggalah untuk memilih pawang yang perlu dipanggil binsanya diadakan secara muafakat (Lokman Mohd Zen 1998:114). Namun pelbagai ciri dapat dibezakan antara binaan-binaan rumah tradisional ini dan kelainan ini disebabkan faktor persekitaran yang melingkari kehidupan masyarakat ketika itu. Faktor-faktor yang saling mempengaruhi inilah yang memberikan nilai dan mitos bagi binaan-binaan itu.

Masyarakat Rembau dianggap antara penduduk yang kekal membikai budaya tradisi khususnya dalam beberapa bentuk kerja-kerja pertukangannya seperti membina rumah, mengukir dan kerja-kerja kraftangan tempatan. Sebagai masyarakat yang menyanjung tradisi ini, setiap ciptaan dan kerja-kerja itu memenuhi niat estetik³ yang menyentuh jiwa setiap pandai tukangnyanya. Misalnya pembinaan sesebuah rumah dapat dikaitkan dengan dekorasi dan keindahan yang bertaut. Bentuk rumah yang

² Lihat ilustrasi yang dihasilkan oleh beberapa pelajar di muka surat 75 dan contoh-contoh ilustrasi lain di bahagian lampiran.

³ Konsep estetik merupakan teori keindahan yang telah lama dikembangkan oleh filsafat Barat mahupun Timur. Pengertiannya juga berkebiasaan mengikut menurut pandangan hidup setiap bangsa (Lokman Mohd Zen 1995:105).

dimiliki oleh sesuatu bangsa dengan bangsa lain, sama ada tradisional mahupun moden menunjukkan kelainan yang mudah dibezakan

Rumah tradisional Negeri Sembilan umpamanya memperlihatkan kelainan dari sudut fungsi dan estetika yang dapat membezakannya dengan struktur rumah di negeri-negeri lain. Namun pelbagai ciri dapat dibezakan antara binaan-binaan rumah tradisional ini dan kelainan ini disebabkan faktor persekitaran yang melingkari keludupan masyarakat ketika itu. Faktor-faktor yang saling mempengaruhi inilah yang memberikan nilai dan mitos bagi binaan-binaan tersebut.

4.2.1 Keunikan Senibina Rumah Minangkabau

Masyarakat Minangkabau juga seperti mana orang Melayu di negeri lain pada dasarnya mempunyai beberapa peraturan dan pantang-larangnya dalam soal pembinaan sesebuah rumah. Upacara yang berkaitan alam metafizik seperti proses pemilihan tapak, pemilihan kayu, pemilihan pokok yang ditebang hinggalah untuk memilih pawang yang perlu dipanggil biasanya diadakan secara muafakat (Lokman Mohd Zen 1998:107). Meskipun setiap aspek yang berhubung dengan pembinaan sesebuah rumah itu berhubung kait dengan keperluan, kemudahan dan kemampuan pemiliknya namun rumah-rumah yang terdapat di beberapa buah kampung di Rembau masih terpelihara estetikanya.

Di Kampung Sawah Lebar, Rembau sebuah rumah tinggal masih mengekalkan ciri-ciri tradisional antaranya meletakkan motif ayan berlagu di bahagian hadapan tangga. Abdul Halim Nasir (1987:69) menjelaskan bahawa motif ini memberi nilai moral yang tinggi bagi mengingatkan masyarakat agar tidak bertelagah. Lazimnya motif ini diletakkan di tangga dan bahagian hadapan rumah agar mudah dilihat. Motif-motif lain yang terdapat pada senibina rumah Melayu di sini termasuklah 'awan selimpat', 'awan telipuk', 'pagar tinggalung', 'maha risi', 'awan

boyan', 'awan jawa' dan 'awan sa'mayang' yang dipengaruhi unsur-unsur daripada Jawa.

Hampir kebanyakan rumah yang terdapat di sini mengekalkan bentuk bumbung yang melengkung serta memadankan pola ukirannya yang seragam terutama pada bahagian serambi rumah. Keistimewaan ukiran ini dipengaruhi oleh konsep yang dibawa dari Minangkabau, menurut Abdul Halim Nasir (1987):


Some houses in Negeri Sembilan depict carving that reflects some philosophical connotations that are commonly exhibited on the Minangkabau traditional house. This can be seen from the use of pattern that contain such as the following motif : 'itik pulang petang', 'kucing lalok' (sleeping cat), 'badak mudik', 'beruk bergayut', 'tupai tatagan' (squirrel on a branch), 'kuda menyepak', 'ayam berlaga', and etc.

Sehingga kini rumah-rumah yang didirikan sekitar Sepri mengekalkan ukiran-ukiran terutama pola ukiran jenis tebuk tembus yang biasanya diletas di bahagian cucur atap, kekisi tingkap dan serambi. Ragam hias yang lazim diukir ialah motif 'itik pulang petang', 'ayam berlaga' dan 'badak mudik' yang mempunyai pengaruh Minangkabau. Kebanyakan rumah-rumah ini berkonsepkan pembahagian ruang antara lelaki dan wanita seperti pada bahagian hadapan (rumah ibu) meskipun telah ramai penduduk yang membuat perubahan pada struktur rumah kerana rumah kayu yang asal sudah uzur. Perubahan sosial dan ekonomi di kawasan kampung turut mempengaruhi bentuk rumah. Contohnya rumah kayu dicantum dengan ruang tambahan seperti dapur atau bilik bertujuan bagi menampung jumlah penghuninya yang bertambah ramai. Mereka juga bebas berulang-alik antara ruang-ruang tertentu.


Secara umumnya generasi sekarang mengenai rumah Minangkabau berdasarkan beberapa aspek yang jelas seperti bumbung runcing yang mempunyai pengaruh langsung dengan Minangkabau dan membezakannya dengan struktur rumah lain yang terdapat di Malaysia. Reka bentuknya ini dapat dibezakan dengan baik oleh pelajar-pelajar sekolah kerana ciri-ciri ini sering dijadikan produk komersial seperti

am rekaan. Bahkan rumah-rumah persendirian juga mengekalkan ciri-ciri tersebut ain beberapa bangunan kerajaan sekitar bandar Seremban.

Walaupun rumah-rumah sekitar Rembau mengalami perubahan seperti reka ituk moden, penggunaan bahan dan konsep ala Inggeris, generasi muda masih eh mengekalkan ciri-cirinya melalui pendedahan daripada buku-buku teks sekolah. agai contoh dalam sebuah kelas tingkatan satu seramai 32 orang, semua pelajar boleh memberi gambaran tentang rumah tradisional ini. 24 daripada 32 orang ajar boleh menceritakan cara pembinaan rumah tersebut dan menyatakan lima ainan yang terdapat pada senibina ini seperti yang dapat dilihat di sebelah.



Lakaran oleh Anis Hamizah Abdul Rahman.



Lakaran oleh Abdul Ifwad Mohd Ruslee.

Pelajar-pelajar tadi mampu mengembalikan pemahaman mereka ke dalam bentuk estetik iaitu melukis kembali imej senibina Minangkabau ini. Beberapa contoh di sebelah adalah hasil lakaran dua orang yang dapat melukis dengan baik tanpa merujuk mana-mana sumber. Kemampuan mereka melukis dalam jangka masa singkat (slap dalam tempoh 10 minit) tanpa berfikir panjang untuk mengolah idea memberi gambaran bahawa anak-anak muda ini boleh membanding beza ciri budaya yang terdapat di tempat mereka. Seterusnya melahirkan rasa bangga akan ciptaan yang menjadi identiti Negeri Sembilan.

Ciri-ciri yang terdapat pada senibina rumah Minangkabau begitu diingati oleh kebanyakan pelajar sama ada pelajar sekolah. Faktor ketara yang menyebabkan penerimaan ini menjadi mudah ialah peragaan bentuk ini di merata lokasi yang memudahkan pelajar-pelajar melihatnya. Enam orang pelajar pula mencirikan perbezaan dan keistimewaan rumah Minangkabau di Negeri Sembilan. Antara yang disenaraikan termasuklah :

JADUAL 4.1 : Huraian Ringkas Ciri-ciri Rumah Minangkabau.

	Huraian
Pelajar 1	Bumbung runcing ke atas macam tenduk kerbau
Pelajar 2	Tidak guna paku
Pelajar 3	Depan rumah ada anjung panjang
Pelajar 4	Selalu ada ukiran kayu, lubang-lubang kat atas tingkap
Pelajar 5	Tiang pendek, nampak rumah macam rendah
Pelajar 6	Dibuat daripada kayu yang keras

Kenyataan di atas menunjukkan pelajar mengetahui beberapa ciri utama yang terdapat pada senibina ini walaupun fungsi dan rasional sebenar disebalik rekaan itu tidak dijelaskan dengan baik. Mengikut Lokman Mohd Zen (1998:116), bentuk bangunan yang simetris dengan jumlah meruncing yang sama di kiri dan kanan, memperlihatkan keseimbangan membawa maksud keadilan. Bentuk bumbung inilah yang memberikan keunikan dan memudahkan pelajar-pelajar membezakannya. Puncak yang tinggi melangit itu menggambarkan pujian kepada Yang Esa.

Ciri-ciri yang dinyatakan oleh pelajar di atas ada terdapat pada rumah tradisional lain di Perak, Selangor atau Melaka seperti kenyataan Pelajar 4, terdapat ukiran pada lubang-lubang di atas tingkap. Ini menunjukkan masyarakat dahulu mementingkan keselesaan penghuninya dengan mengukir ukiran panel pada bahagian kekisi tingkap untuk memudahkan pengaliran udara keluar masuk. Perbezaan bagi rumah-rumah yang terdapat di Malaysia ialah pengayaan motif dan ragam hias pada ukiran tersebut. Misalnya senibina Minangkabau menggunakan motif 'bada mudiak', 'tik pulang pelang', 'kude menyipak' dan 'taniadu menyosok bungo'. Sedangkan rumah lain di negeri lain lebih gemar menggunakan motif kosmos iaitu motif seperti bulan, bintang dan tumbuh-tumbuhan.⁴

Pelajar 6 pula mengatakan kebanyakan rumah didirikan menggunakan kayu yang memberi gambaran bahawa masyarakat dahulu bijak mengaplikasikan persekitaran ke dalam fungsi kehidupan mereka. Malah pembinaannya juga tidak menggunakan paku tetapi secara pasak yang juga dibuat daripada kayu keras. Pada dasarnya setiap ruang di dalam rumah Minangkabau mempunyai fungsinya dan pembahagian ini yang menggambarkan hierarki sosial masyarakat berkenaan.

⁴ Motif-motif dalam ukiran Melayu dipenjarakan dengan pengambilan sumber alam kerana larangan-larangan tertentu kepada penciptaan haiwan atau makhluk bernyawa. Di antara motif yang dianjurkan ialah geometri dan *arabesque*. Sehingga kini terdapat senibina rumah Melayu menggunakan motif fauna yang dikatakan adalah pengaruh daripada pandai tukang yang terdiri daripada orang Siam dan bukan Islam.

Contohnya rumah di bahagian anjung dikhususkan untuk kaum lelaki manakala bahagian tengah rumah atau ibu rumah untuk kaum wanita.

Secara umumnya generasi muda memang telah mempunyai kesedaran dalam mengetahui binaan ini secara langsung kerana masih terdapatnya identiti ini di segenap Negeri Sembilan. Walaupun mereka tidak memahami lebih dekat akan konsep seni dekorasi, fungsi dan teori keindahan yang terpancar di sebalik keunikannya, sekurang-kurangnya pelajar-pelajar ini mampu menghuraikan dengan jelas secara fizikalnya binaan yang tersohor ini. Beberapa unsur lain yang jelas diketahui oleh sebahagian generasi muda meliputi penggunaan ruang, cara memilih hiasan ukir, penyesuaian dan ketertiban seluruh isi rumah. Ini berdasarkan pengalaman mereka terhadap kajian Sejarah yang telah dijalankan di peringkat sekolah.

Kesedaran terhadap pemeliharaan dan pemuliharaannya tidak dapat dijalankan oleh generasi muda sekiranya tiada sokongan daripada beberapa pihak. Beberapa langkah telah dibentuk di peringkat sekolah dengan membina hiasan lanskap yang bercirikan rumah tradisional Negeri Sembilan dan paling nyata ialah bentuk runcing pada bumbung rumah itu diadaptasikan sepenuhnya bagi menggambarkan konsep estetik binaan ini yang membezakannya dengan rumah-rumah lain di Malaysia. Setidak-tidaknya mereka mengetahui dengan baik akan bentuk dan estetik Minangkabau kerana sedikit-sebanyak nilai dan citra tradisi itu akan wujud menerusi penyebaran dan pendekatan lain memandangkan pelajar-pelajar yang ditemui baru berusia 13 tahun.

4.3 Tradisi Perlakuan : Seni Persembahan

Sesuai dengan masyarakat yang berpegang kepada adat, terdapat berbagai upacara adat yang diamalkan di negeri ini. Bagi kebanyakan generasi muda, penglibatan

mereka dalam aktiviti kebudayaan merupakan satu peluang menambah ilmu selain menunjukkan bakat. Antara cabang budaya yang digemari ialah mengarak pengantin sambil memalu kompang dan rebana.⁵ Remaja perempuan pula lebih tertarik pada seni tari yang menggabungkan bunyi dan pergerakan seperti randai, cak lempong dan tumbuk kalang. Randai umpamanya merupakan permainan budaya yang sering dimainkan di majlis-majlis tertentu.⁶ Tarian tradisional Melayu yang berasal daripada Minangkabau ini adalah gabungan seni tarian, lakonan, watak, muzik, plot dan identiti penceritaan. Tarian randai yang merupakan satu tarian pembukaan atau persembahan awal seni silat yang dikenali juga sebagai silat gelombang.

Ketika satu persembahan randai, beberapa orang anak gadis yang mengambil bahagian kelihatan bersedia dan mempersembahkannya dalam satu bulatan dengan bilangan penari tidak kurang daripada 12 orang, melambangkan jumlah suku yang terdapat dalam masyarakat Adat Perpatih. Kalimat randai berasal daripada merandai yang bererti melingkari satu kawasan lapang seolah-olah untuk mencari sesuatu yang hilang. Tarian ini memerlukan pergerakan yang seiring dengan serunai selain gong dan gendang. Persembahan tarian ini diselit dengan syair dan pantun yang menggambarkan keharmonian hidup bersuku di Negeri Sembilan. Kekuatan persembahan ini terletak kepada gerak tari oleh gadis-gadis walaupun ramai penggerak muzik yang terdiri daripada kaum lelaki.

Kekuatan idea-idea sastera dan pementasannya dengan isu-isu semasa serta menyelitkan mesej-mesej yang berkembang dalam masyarakat hari ini. Struktur pertunjukannya masih tetap selari dengan pertumbuhan daripada cerita-cerita gerak tarian dan lakonan watak-watak tertentu. Hingga kini genre randai masih menjadi perbincangan yang berterusan dalam konteks perkembangan tradisi lisan Melayu dan Minangkabau. Unsur-unsur dalam budaya itu meskipun akan berubah mengikut

⁵ Rujuk LAMPIRAN A (4) tentang budaya benda oleh Haji Hamzah Katik untuk mengetahui secara lanjut rebana yang dimainkan di Negeri Sembilan.

⁶ Rujuk LAMPIRAN A (7) tentang kelesahan remaja dalam mengenal budaya perlakuan khususnya randai seperti yang didedahkan oleh Tie dan seorang rakannya.

sosialisasi generasi sekarang, namun ia tetap berdiri sebagai satu elemen yang bernilai dari segi sosial mahupun estetika (Mohd. Taib Osman 1988:7). Kebanyakan upacara-upacara ini dijalankan seiring dengan budaya sedia ada masyarakat setempat kerana sifat budaya itu sendiri tidak statik tetapi dinamis. Sehingga kini budaya masyarakat di Rembau masih terpelihara lantaran adanya generasi yang berusaha mengekalkannya. Unsur-unsur ini akan terserlah ketika berlangsungnya upacara-upacara tertentu yang melibatkan beberapa generasi untuk bersama.

4.4 Sistem Kekeluargaan

Tradisi berbentuk perlakuan termasuklah adat resam, upacara pemujaan, perayaan, teater tradisional, tarian, permainan rakyat dan sebagainya. Sistem politik, sosial dan hubungan kekeluargaan dalam Adat Perpatih misalnya telah banyak diperkatakan oleh sarjana tetapi kupasannya tidak merangkumi kesedaran generasi muda dalam memahami saling kaitan adat tersebut. Contohnya masih ramai remaja tidak tahu susun galur keturunan keluarga mereka dari peringkat awal iaitu bagaimana satu kelompok keluarga dibezakan mengikut status atau pangkat.

Dua orang pelajar, Mumirah dan Umi Azzahra⁷ tidak mengenali asal-usul nenek-moyang mereka kerana sanak saudara yang tidak menetap di satu tempat. Bagi mereka tiap-tiap suku itu mempunyai ahli yang tidak terkira bilangannya kerana percambahan penduduk. Adalah sukar untuk mengenali asal-usul nenek-moyang kecuali jika seseorang induk atau kelompok itu sendiri berusaha mempertahankan salasilahnya. Walaupun sering mengunjungi saudara jauh ketika kenduri-kendara, mereka agak segan bertegur sapa lantaran tidak pernah bertemu sebelumnya. Keadaan inilah yang menyulitkan proses 'berkenalan' kerana sifat malu bertanya akan menyebabkan sesat sepanjang jalan.

⁷ Lihat LAMPIRAN II (8) dan (9) untuk rujukan biodata.

JADUAL 4.2 Peranan Dalam Pecahan Adat Perpatih.


Ketua	Luak	Peranan
Lembaga	Suku	Memilih Undang, menjaga keselamatan dan keamanan, menyelesaikan pertelingkahan antara suku, menjadi orang perantaraan antara anggota sukunya dengan Undang.
Buapak	Perut	Ketua Perut, tempat rujukan soal yang berkaitan dengan adat dan hukum serta memilih Lembaga.
Besar	Ruang	Ketua kerajaan/raja bagi Negeri Sembilan dan berkuasa penuh di Seri Menanti.
Kadim	Rumpun	Kerabat saudara yang terdekat

Keengganan dua remaja ini untuk mengetahui lanjut salasilah keluarga akan membawa kebuntuan contohnya dalam memperkatakan peranan-peranan jawatan penting dalam institusi Adat Perpatih. Sedangkan adalah satu kemestian bagi anak-anak Negeri Sembilan untuk mengetahui dan menyebut dengan lancar peranan-peranan dalam pecahan Adat Perpatih. Berikut adalah satu contoh lampiran pecahan Adat Perpatih yang telah dikemukakan kepada Munirah dan Umi Azzahra. Mereka boleh mengulas lancar peranan-peranan asas yang dinyatakan walaupun tidak dapat memperincikan semua empat jawatan yang dilampirkan.

Jawapan yang diberi oleh mereka menunjukkan bahawa mereka tahu disebabkan pembelajaran di sekolah bukanlah pendedahan yang diperolehi daripada generasi sebelumnya. Peranan Lembaga, Buapak dan Kadim ada dinyatakan di dalam buku teks dan jawapan yang diberikan adalah seperti mana yang tertulis di dalam teks tersebut. Kedua-duanya sekadar meneka peranan seorang Besar di dalam Adat

Perpatih kerana ianya tidak terdapat di dalam teks.⁸ Dua pelajar ini mewakili beberapa orang rakan yang daif tentang peranan tersebut yang ternyata sekadar mengetahui untuk lulus ujian dan peperiksaan sedangkan tidak mendalami sepenuhnya pecahan di atas.⁹

Dalam teks Sejarah telah dijelaskan peranan-peranan tersebut dan disertakan carta bagi memudahkan pelajar-pelajar membuat perbezaan bagi setiap jawatan itu. Sebagai contoh, masyarakat Melayu di beberapa wilayah adat di Rembau terbahagi kepada kelompok-kelompok sketurunan yang berbentuk seperti piramid. Kelompok-kelompok keturunan ini dapat dilihat melalui carta di sebelah :



CARTA 1 Kelompok Keturunan Mengikut Wilayah Adat di Rembau.

Berdasarkan carta 1 di atas, kelompok sketurunan yang paling kecil di Rembau ialah rumpun yang merupakan sebuah keluarga yang luas dan diketuai oleh Kadim. Kelompok keturunan ruang mengandungi beberapa rumpun dan diketuai oleh

⁸ Orang Besar secara umum digunakan bagi orang-orang kenamaan Adat atau pemegang-pemegang jawatan Adat seperti Orang Besar Empat, Orang Besar Delapan dan sebagainya. Orang Besar tidak dipilih tetapi dilantik misalnya Orang Besar Undang dilantik oleh Undang atau Penghulu (Nordin Selat 1976-75).

⁹ Rujuk lampiran soal selidik untuk melihat contoh-contoh jawapan yang lain bagi soalan ini.

Besar. Besar juga bertugas sebagai pegawai di Balai Lembaga dan mewakili Datuk Lembaga dalam pengendalian sesuatu adat istiadat dan bayaran denda (Norhalim Ibrahim 1995:8). Besar memberi kawalan kepada tugas dan aktiviti Buapak dan Lembaga. Perut terbentuk daripada beberapa buah ruang dan pemimpinnya dipanggil Buapak yang bertanggungjawab ke atas kelompok perutnya. Seorang Buapak dipilih dengan kebulatan dari anggota-anggota perutnya yang dewasa dan pemilihannya disahkan oleh Lembaga (Nordin Selat 1976:74).

Sebahagian daripada pelajar faham dengan maksud suku iaitu kelompok keturunan yang terbesar dan diketuai oleh Lembaga. Walaupun begitu mereka tidak mengetahui dengan jelas bahawa satu suku mengandungi lebih daripada satu peras dan peranan Lembaga itu antara lainnya ialah mewakili sukunya dalam perundingan dengan Undang. Sebilangan besarnya mengetahui dan dapat menyatakan beberapa suku daripada dua belas suku di Luhak Rembau iaitu Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tanah Datar, Batu Belang, Anak Melaka, Tiga Batu, Tiga Nenek, Selemak, Semelenggang dan Anak Acheh.¹⁰ Dalam setiap luhak ada satu suku yang diberi keistimewaan mencalonkan Undang atau Penghulu daripada anggotanya iaitu suku Biduanda. Adat istiadat melantik Undang pula merupakan satu masalah besar bagi kebanyakan remaja kerana proses itu kurang diketengahkan untuk tatapan umum.

4.5 Budaya Merantau

Budaya merantau bagi orang-orang Minangkabau telah menjadi salah satu daripada ciri sosial mereka selain daripada taat kepada agama Islam dan berpegang kuat kepada sistem kekeluargaan nasab ibu. Merantau juga adalah hasil dari galakan adat yang diamalkan. Penghijrahan ini mempunyai dua tujuan utama iaitu untuk mencari ilmu pengetahuan supaya mereka menjadi matang apabila kembali ke tanah air,

¹⁰ Lihar LAMJIRAN A (26) dan (28) bagi temubual tentang jumlah suku-suku di Negeri Sembilan.

manakala tujuan kedua adalah untuk meneroka kawasan-kawasan baru bagi mendapatkan kekayaan untuk dibawa pulang ke tanah air. Anjuran dasar supaya setiap orang mencari kekayaan ini telah dipantunkan sehagai :

Ke rantau madang di hulu,
Berbuah berbunga belum,
Merantau bujang dahulu,
Di rumah berguna belum.

Dengan merantau setiap ahli masyarakat Minangkabau, khususnya lelaki muda, sentiasa digalakkan supaya memperkukuhkan atau meningkatkan martabat kaum kerabat agar setaraf atau melebihi orang lain. Selain untuk tujuan kompetitif seperti yang dipantunkan itu, sistem sosial masyarakat Minangkabau sememangnya mendorong ahli lelakinya supaya merantau.¹¹ Sebagai orang bujang, status sosial kaum lelaki Minangkabau adalah rendah dan tidak sempurna sekiranya tidak memiliki kekayaan. Mochtar Naim (1984:2) mengatakan bahawa merantau kepada masyarakat Minangkabau berfungsi sebagai satu upacara peralihan (*rite de passage*) untuk membuktikan telah terjadinya proses pondewasaan ke atas seseorang anak lelaki, dan kiranya telah boleh memasuki kehidupan yang lebih tinggi lagi iaitu berumah tangga.

Persekitaran moden yang menyapa kini, tidak menggugat budaya merantau dan masih diteruskan seperti satu putaran (*cycle*) – golongan muda keluar mencari rezeki dan pengalaman manakala golongan tua pulang ke kampung. Golongan muda dikatakan terlalu mentah untuk memberi tunjuk ajar atau diajak berunding dan mereka digalakkan keluar dari kampung untuk menimba pengalaman. Malah untuk menikah juga tidaklah mudah kerana setiap orang tua tidak akan membenarkan anak gadisnya menikah dengan seorang yang tidak mempunyai sumber hidup, pekerjaan atau kekayaan. Keluar merantau bagi orang-orang muda turut menyumbang masalah

¹¹ Masyarakat Minangkabau tidak harapi mengenali seseorang lelaki yang belum berkahwin. Lazimnya dia akan disebut atau dipanggil 'bujang' atau 'buyang'. Lihat LAMP(RAN A (36).

bagi keluarga yang tinggal di luar bandar kerana tanpa orang lelaki beberapa kegiatan tidak dapat dijalankan. Kesanunya dapat dilihat menerusi rumah-rumah yang ditinggalkan dan tanah-tanah adat yang tidak diusahakan. Masalah ini akan beralih kepada sistem adat yang mengutamakan pemilikan tanah untuk kaum wanita.

4.5.1 Kesan Orang Muda Merantau

Desakan ekonomi memerlukan anak-anak muda menuntut ilmu sebelum melangkah keluar merantau jauh.¹² Kebanyakan generasi muda di kampung dianggap kumpulan yang bermigrasi secara sementara kerana meninggalkan tempat asal dalam jangka waktu singkat. Contohnya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau bekerja dan mereka akan pulang bertemu keluarga. Di beberapa kawasan, sikap penentangan masyarakat kampung tertentu terhadap adat tradisi itu yang masih kuat dipegang oleh golongan tua di mana golongan muda kelihatan ingin melepaskan diri dari ikatan tradisi tersebut. Sepuluh pelajar telah diminta menulis implikasi merantau dikalangan orang lelaki. Antara implikasi yang dinyatakan :

a) Muhammad Syazwan Sidek (16 tahun)

Pihak lelaki yang menetap di kampung kurang komitmen terhadap tanah pertanian yang dipunyai oleh ibu bapa mereka. Di tempat saya berdekatan Bahau, berlainan kerana anak-anak muda memang berkeinginan untuk menetap di kampung sekiranya berpeluang tetapi desakan tugas dan pelajaran membuat mereka hanya sesekali muncul di kampung masing-masing terutama apabila berlangsungnya kenduri kendara. Desakan hidup di bandar terutama di Lembah Klang memaksa anak-anak muda berfikir tentang wang ringgit terutama mereka yang baru bekerja. Pulang ke kampung dan bekerja di bandar-bandar berdekatan boleh menjimatkan kos. Saya sendiri ingin tinggal bersama ibubapa setelah selesai belajar dan mula bekerja kerana dapatlah saya mendampingi mereka kerana kebanyakan warga tua sekarang takut bersendirian lantaran kejadian jenayah yang semakin menjadi-jadi.

¹² Rujuk LAMPIRAN A (36) tentang merantau oleh Cikgu Mohd Isa Noh.

b) Mohd Faiz Aznam (17 tahun)

Bidang pertanian dianggap sebagai kurang penting ; yang dikira hanya untuk mereka yang bersara dari makan gaji dan untuk kaum perempuan. Jadi budaya merantau ini antara penyebab tanah pertanian di sesetengah tempat terbiar tanpa dikanjurkan. Tetapi konsep menanti kepulangan kaum lelaki untuk pulang mengerjakan tanah pertanian tidak dititik beratkan kerana kaum ibubapa (kebanyakan terdiri daripada warga tua dan pesara) memilih untuk mengusahakan tanah tersebut secara bergotong-royong. Ada juga di kalangan mereka yang memajakkan tanah terbiar diusahakan oleh usahawan-usahawan kecil di bawah program IKS dengan bantuan Jabatan Pertanian. Antara projek yang telah dijalankan kini seperti membuka kolam ternak ikan air tawar, menanam sayur-sayuran dan menanam rumput untuk industri.

c) Izzina Sanusi (16 tahun)

Saya akan cuba untuk menetap di kampung dalam 12 tahun lagi itu pun sekiranya kerajaan telah menaikkan taraf jalanraya, komunikasi, frasarana lain dan segala kemudahan yang sama seperti di bandar-bandar kerana kerajaan perlu membalagiskan peluang dan kelebihan sesiapa sahaja warga negara tidak mengiru lokasi. Buat masa sekarang, keadaan di Titi, Jeloba tidaklah begitu memberangsangkan dari segi pembangunan. Mungkin perlu ada kelonggaran untuk orang muda memiliki tanah adat. Sekiranya semua itu menjadi realiti, tentu ramai orang muda tidak meninggalkan tanah adat yang dikatakan tidak berfungsi apabila status tanah menjadi milik wanita. Sesiapa sahaja boleh tinggal menetap di tanah air sendiri tetapi kerajaan kena buat sesuatu untuk tarik minat orang muda.

d) Wan Mohd Faheem Wan Mohd Noor (17 tahun)

Terdapat banyak rumah tinggal dan tanah yang tidak diusahakan. Sebaiknya konsep merantau di kalangan orang muda tidak sesuai dipraktikkan kerana baik golongan tua atau muda tetap merantau. Contohnya orang muda merantau kerana mencari rezeki dan sebagainya manakala orang tua mungkin berpindah dari kampung haluan masing-masing kerana mengikut anak-anak tinggal di tempat lain. Sudahnya rumah asal yang didiami keluarga itu akan usang dan jadilah rumah tinggal seperti yang diperkatakan sekarang. Banyak tanah terbiar dan rumah tinggal di Negeri Sembilan. Tanah dan rumah yang kosong itu sebaiknya dipelihara dengan baik oleh sanak-saudara yang ada kerana ia adalah lambang kehidupan asal mereka. Sayangnya saya melihat rumah baru yang cantik tidak dijaga rapi, banyak lagi dekat kampung asal saya, Kampung Parit Terachi, Kuala Pilah.

c) Alia Khalid (17 tahun)

Di setiap kampung penghuninya terdiri daripada warga tua termasuklah nenek saya yang tinggal bersendirian. Beliau enggan bersama kami di Seremban kerana lebih banyak nostalgia tersimpan di Tanjung Ipoh (Kuala Pilah). Kampung baluan yang padat tanah kebun itu masih banyak hasil dan semua saudara mara akan pulang setiap hujung bulan. Nenek (induk) merasakan lebih tenang sehingga akhir hayat di tanah miliknya walaupun kami risau mengenangkan dirinya yang sendirian. Walaupun ada jiran-jiran tetapi mereka semua sudah tua. Semenjak 2 tahun lalu, kami membuat giliran, setiap ahli keluarga akan pulang seminggu menemani nenek. Tetapi ramai lagi warga tua di kampung-kampung lain tinggal sendirian. Kita tidak tahu lewat sesuatu atau cepat sesuatu, apa sahaja boleh berlaku tanpa disedari kerana kita jauh.

Kebanyakan pelajar mengemukakan kesan yang hampir sama iaitu masalah yang terpaksa dihadapi oleh warga tua yang menetap di luar bandar. Di beberapa kawasan wujudnya suasana warga tua yang menetap bersendirian, rumah tinggal dengan tanaman sara diri yang tidak seberapa hasilnya. Walaupun beransur-ansur kelihatan kelibat anak-anak muda yang bekerja di bandar berdekatan seperti Seremban kini pulang menetap di kampung, tanah adat masih tidak diusahakan kerana beberapa kekangan tertentu. Masalah pembangunan tanah adat telah disentuh dengan ringkas oleh tiga orang pelajar. Masalah yang dinyatakan itu ada kaitannya dengan kekangan yang terpaksa dihadapi oleh pihak-pihak tertentu dalam membangunkan semula tanah adat di Negeri Sembilan. Antara pihak-pihak yang terlibat termasuklah pihak pemaju, tuan tanah, ketua adat dan pemimpin moden (Norhalim Hj Ibrahim 2002:84-87).

Masalah pembangunan tanah ini juga disentuh oleh Irina Sanusi yang mencadangkan agar kelonggaran diberi untuk memudahkan pemilikan tanah adat yang selama ini dimiliki oleh kaum wanita sahaja. Pendapat ini ada benarnya kerana keluasan tanah adat menjadi persoalan yang tidak ada penghujungnya. Bagi menggambarkan betapa luasnya tanah adat, berikut adalah jadual keluasannya berbanding dengan keluasan Negeri Sembilan mengikut dacrah bagi tahun 2002.

JADUAL 4.3 Keluasan Tanah Adat Berbanding Dengan Keluasan Negeri Sembilan Mengikut Daerah 2002.

Bil	Daerah	Keluasan N. Sembilan		Keluasan Tanah Adat	
		Hektar	Peratus	Hektar	Peratus
1	Jempol	138,569	20.85	680.68	0.10
2	Jekebu	136,756	20.58	157.58	0.02
3	Kuala Pilah	109,042	16.41	6418.37	0.97
4	Seremban	95,133	14.31	-	-
5	Tampin	87,805	13.21	751.09	0.11
6	Port Dickson	55,868	8.41	-	-
7	Rembau	41,418	6.23	5269.01	0.79
	Jumlah	664,591	100.00	13276.73	1.99

(Sumber : Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan dan Majlis Daerah)

Di Rembau sahaja keluasan tanah terbiar adalah seluas 1157.75 hektar berbanding 1362.52 hektar yang telah diusahakan dengan berbagai jenis tanaman pasar. Antara usaha-usaha yang dijalankan seperti menanam sayur-sayuran, buah-buahan, kelapa sawit, rumput dan ternakan ikan. Penglibatan orang muda dalam kerja-kerja berkaitan tanah mula mendapat perhatian setelah mereka mengorak langkah menerokai tanah terbiar sekitar pekan Rembau. Kesungguhan mereka menampakkan hasil iaitu selain untuk menampahi pendapatan malah dapat pula memberi pulangan kepada tuan tanah terbiar.¹³

Kepekaan menguruskan tanah adat membolehkan anak-anak muda meneruskan pencarian sampingan di kampung halaman sendiri. Kecenderungan mereka untuk mencari rezeki di bandar pula belum tentu ada gunanya, sedangkan di tempat sendiri keringat ditagih. Jika ilmu panjang sejengkal, mereka perlu berfikir

¹³ Rujuk LAMPIRAN A (34) tentang konsep gotong-royong di kalangan masyarakat kampung di Rembau oleh Puan Nazifah Wahab.

panjang sebelum ke kota mencari pekerjaan kerana perubahan ekonomi negara tidak menjanjikan pulangan yang diharapkan. Keadaan ini boleh membuatkan mereka tewas di perantauan, maka persiapkan diri atau diam di kampung sendiri kerana tenaga dan sumbangan generasi muda cukup tinggi nilainya di sini.

4.6 Kesimpulan

Pendedahan sistem adat ini di mata umum seperti mendokumentasikannya ke media elektronik banyak membantu golongan muda untuk mengenal budaya yang berakar sekian lamanya. Hasilnya kini telah bertambah pelajar yang bijak bercerita, berinteraksi soal adat dan mengekalkan pengetahuan itu ke bentuk yang lebih kreatif seperti mengadakan kuiz, membuat mural dan sebagainya. Usaha berterusan daripada pelbagai pihak akan membara anak-anak muda fasih tentang adat sendiri dan dapat memindahkan maklumat yang diperolehi kepada rakan-rakan dari luar Negeri Sembilan.

Selain generasi muda yang prihatin, generasi tua Adat Perpatih dilihat boleh membantu dalam menggerakkan matlamat ini. Kekerabatan antara dua generasi ini dalam menyampaikan bentuk-bentuk lisan membolehkan generasi muda mengambil manfaat mempermudah ilmu yang diperolehi itu. Mereka yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar sekolah ini akan menterjemahkan ilmu itu ke dalam ruang yang lebih luas seperti mengembangkannya ke media cetak atau elektronik. Generasi muda juga sebenarnya bijak berkomunikasi dan adalah pertuturan yang baik sekiranya mereka sendiri yang mendekati rakan-rakan kerana komunikasi antara rakan sebaya adalah langkah terbaik dan penyampaian menjadi lebih jelas.

Bagi mengukuhkan kekerabatan ini generasi muda yang muncatap bersama keluarga atau menjalinkan interaksi sosial di kalangan jiran tetangga terutama di luar bandar dilihat mempunyai kelebihan. Pengamal budaya yang masih aktif di beberapa

kampung dan kesediaan mereka menurunkan sedikit ilmu kepada saudara yang jauh lebih muda ini amat ditargai. Hasilnya beberapa orang pelajar boleh menguasai bentuk-bentuk budaya yang dinyatakan itu seperti menyenaraikan perkakasan memukul rambut, keperluan menyalang, berolek atau bercerita tentang asal-usul kampung nenek moyang masing-masing.

Mereka juga mampu menggambarkan konsep estetik senibina rumah Minangkabau dan menghargainya sebaik mungkin. Kesenian tradisi yang dijemakan oleh masyarakat lampau seperti senibina membolehkan generasi muda kini memahami keperluan dan fungsi astetika reka bentuknya. Kemahiran masyarakat lama menyambung pasak, melarik dan mengukir dapat difahami dengan jelas kerana bentuk ini telah dikomersialkan menerusi binaan-binaan dan hiasan lanskap sekitar Negeri Sembilan.

Antara ideologi Adat Perpatih yang meninggalkan kesan kepada generasi muda ialah merantau. Walaupun masih di bangku sekolah tetapi kesan langsung akibat konsep merantau melibatkan golongan ini. Kebanyakan generasi muda mengenali konsep merantau sebagai jalan keluar bagi seseorang lelaki untuk mencari rezeki di tempat orang. Sebahagian daripadanya memahami peranan wanita untuk meneruskan zuriat dan mereka juga diangkat sebagai pemegang amanah harta suku. Keadaan ini mendorong mereka merantau khususnya yang muda keluar kampung mencari nama, ilmu dan kekayaan. Tetapi konsep merantau dikalangan masyarakat Melayu dewasa ini pula dikaitkan dengan faktor pekerjaan dan sebagainya. Pelajar-pelajar yang mengulas tentang merantau menggambarkan sikap terbuka mereka terhadap konsep ini yang menurut mereka perlu disesuaikan mengikut kohendak globalisasi.

Berdasarkan beberapa lampiran, jadual dan jawapan-jawapan yang telah diutarakan oleh generasi muda, dapatlah dinyatakan bahawa tahap sedar adat di

kalangan mereka ini telah mula berkembang. Sekiranya diberi masa, pengenalan yang lebih lanjut dan aktiviti pengayaan adalah tidak mustahil pengetahuan ini akan bercambah seiring dengan teknologi semasa. Akhirnya akan wujud penyampai adat yang terdiri daripada generasi muda, tidak lagi sekadar menjadi penonton kepada upacara adat seperti yang kerap disuarakan sebelum ini. Oleh itu anak-anak muda perlu diberi pendedahan sepenuhnya kerana minat yang dipupuk itu akan terus subur. Sungguhpun menyuntik kesedaran generasi muda secara ironinya adalah melalui pendidikan tetapi setiap pihak digesa memainkan peranan.

Tidak perlu kita pergi jauh dengan merubah sistem yang telah lama dipraktik seperti menggandakan masa (*credit hours*) bagi mata pelajaran tertentu. Setakat ini sistem pendidikan adalah sempurna dan yang menjadi puncanya ialah sikap anak-anak muda sendiri yang berat untuk mengangkat adat sebagai satu tradisi yang perlu mereka kuasai. Golongan muda yang mempunyai jati diri yang teguh biasanya meneruskan keintiman budaya asing dan di waktu yang sama membenarkan budaya tradisi berjalan seiring. Usah biarkan warisan Melayu sepataung tampak regi, hendak diajar piang kepalang sudahnya umpama limau masam sebelah.

BAB V

KELANGSUNGAN DAN KEKANGAN TRADISI LISAN ADAT PERPATIH

5.1 Pengenalan

Generasi muda di negara ini sememangnya sudah lama menghayati konsep satu bangsa yang bersatu padu. Nilai demokrasi, keadilan sosial dan tolak ansur yang progresif disemaikan dalam setiap diri mereka melalui Rukunegara. Kelezimannya penerapan nilai ini diperolehi dengan baik melalui proses pembelajaran di sekolah. Sistem pendidikan ini secara langsung akan menambahkan lagi penekanan kesedaran kebangsaan. Keadaan ini akan melahirkan generasi berjiwa kenegaraan, memiliki kesedaran hak dan tanggungjawab terhadap negaranya. Menerusi pendidikan, anak-anak remaja juga berpeluang menyapa wadah tradisi menerusi usaha-usaha seperti merakam, mengeluarkan rekod-rekod, kaset dan penerbitan lagu-lagu rakyat dan etnik. Data-data dokumentasi itu juga turut direkodkan bersama pencapaian dan perancangan strategik untuk generasi muda terutama bangsa Melayu.

Bagi anak-anak remaja, pelaksanaan kegiatan kebudayaan dan pengumpulan bahan-bahan tradisional merupakan peluang untuk menyapakan nilai-nilai tradisi. Bentuk-bentuk kegiatan yang telah dan sedang dijalankan termasuklah bidang muzik, nyanyian, tarian, teater dan permainan. Kerajaan juga turut menggalakkan usaha mengetengahkan unsur-unsur tradisional seperti perubatan tradisional, artifak, kepercayaan, undang-undang, tokoh, pertubuhan dan budaya setiap suku kaum. Tidak

ketinggalan juga tradisi Melayu lama seperti adat istiadat, puisi, perbitangan, peralatan dan pakaian.

5.2 Kelangsungan Dalam Mengenal Adat Perpatih

Beberapa perubahan yang dicetuskan oleh kelangsungan teknologi akan merubah minda generasi muda ini tetapi tidak semua mengundang implikasi negatif kerana maklumat-maklumat itu perlu disesuaikan mengikut keperluan. Ketika ini peranan pembimbing budaya diperlukan bagi memacu generasi muda ini agar dapat mengimbangkan peluang yang mampu digapai menerusi maklumat-maklumat tersebut. Sekiranya remaja-remaja ini tidak dipantau, beberapa peluang yang digapai itu pastinya tidak akan menuju haluannya. Dalam hal ini Zainal Kling (1991:18) menyatakan bahawa kesanggupan mencerna budaya asing tanpa keseimbangan ini menjadikan remaja-remaja Melayu seperti kiambang yang entah di mana bertaumnya.

Percanggahan pendapat akan timbul apabila generasi muda ini menolak nilai-nilai tradisi. Di pihak lain, generasi tua umpamanya, seolah menagih agar nilai-nilai ini berjalan seiring dengan kecanggihan teknologi. Masalah ini disundarkan pula pada beberapa faktor antaranya institusi keluarga. Umpamanya sesebuah keluarga yang moden tidak menyarankan ahli keluarga membudayakan adat resam sebagai aturan hidup. Beberapa hal berkaitan nilai-nilai tradisi dianggap tidak mendatangkan kesan terhadap kehidupan seharian. Walaupun begitu daripada bentuk perlakuan yang dijalankan didapati dapat mengeratkan golongan tua dengan anak-anak muda. Penyampaian itu biasanya bersifat sementara dan tidak kekal lama kerana generasi baru ini akan menghadapi suasana moden yang memudahkan mereka meminggirkan adat resam tersebut. Beberapa pengaruh tertentu membantu menambah kepada masalah ini seperti media, gaya hidup, komunikasi, pendidikan dan keseluruhan keperluan yang ingin dicapai oleh generasi muda.

Dalam memperkatakan kata-kata atau perbilangan adat, faktor pengalaman sedia ada merupakan kelemahan yang menghadkan pengetahuan anak-anak muda. Pengalaman-pengalaman ini biasanya diperolehi daripada penyampaian oleh generasi sebelumnya seperti ahli keluarga, ibubapa atau sumber-sumber lain yang terdekat.¹ Kurangnya pendedahan di peringkat awal akan menyebabkan mereka tidak memahami keistimewaan di sebalik perbilangan ini. Ini telah pun berlaku kepada ramai pelajar-pelajar sekolah menengah kerana didapati tidak ramai di kalangan mereka yang mampu memberikan contoh-contohnya meskipun mengetahui bahawa setiap perbilangan itu mempunyai erti dan maksudnya yang khusus serta tafsiran tertentu dari segi adat dan falsafah hukum serta perataran.

Mereka beranggapan bahawa adat yang diamalkan terutama dalam konteks perbilangan adat adalah sebahagian isi sastera lama yang bertujuan untuk berhibur. Sebahagian besar daripada pelajar-pelajar ini menyamakan fungsi dan estetik perbilangan adat ini terletak kepada permainan bahasa yang hampir sama dengan pantun, seloka dan sebagainya. Oleh itu, selain tidak memahami ungkapan-ungkapan dalam perbilangan adat, pelajar-pelajar di atas cenderung memberikan beberapa contoh peribahasa atau perumpamaan kerana mereka lebih mendapat pendedahan melalui pembelajaran selain sering mendengar dan diperbuatkan. Faktor kurangnya pendedahan sama ada menerusi media mahupun badan-badan tertentu boleh menyebabkan kurangnya minat remaja ini. Bahan yang terdapat di pasaran kini telah dipelbagaikan dan pelajar-pelajar tidak boleh memberi alasan kerana pemilihan sumber bacaan misalnya adalah terletak pada citarasa masing-masing. Tentunya mereka memilih variasi majalah dan sumber-sumber hiburan seperti yang sering diperhatikan di kedai-kedai buku sekitar Rembau.

Beberapa orang pelajar menengah atas yang ditemui memang telah biasa dengan perbilangan adat dan maklum bahawa kata-kata tersebut suatu ketika

¹ Lihat Bab 3 muka surat 56.

merupakan undang-undang yang sangat dipatuhi dan dihormati. Tetapi masalah sama berulang iaitu secara implisitnya maksud dalaman tidaklah begitu difahami dan kalau ada yang dapat menyebut dengan jelas, adalah hasil usaha menghafal. Manakala sebahagian lagi pelajar tidak bersetuju bahawa kata-kata perbilangan ini boleh dianjurkan dan diserap ke dalam cara hidup masyarakat kini dan menganggap undang-undang dan peraturan adat boleh mengikat corak kehidupan. Konsep ini tidak boleh disamakan dengan masyarakat lampau yang sememangnya tiada garis khusus dalam menyusun sistem sosial, ekonomi dan sebagainya. Jadual di sebelah adalah sebahagian daripada faktor yang menyebabkan remaja tidak dapat memahami beberapa contoh perbilangan adat yang ditujukan.

JADUAL 5.1 Analisis Masalah Mengenal Perbilangan Adat

bil	Masalah	Responden	Peratus
1	Tidak faham dialek kedaerahan yang terdapat dalam perbilangan adat	42	33.1
2	Sukar untuk mengingatnya kerana telah lazim dengan perumpamaan dan peribahasa	41	31.5
3	Menganggapnya tidak sesuai dituturkan kerana bersifat kenegerian	22	16.9
4	Tiada pendedahan melalui media dan kurang maklumat tentang adat	15	11.6
5	Tidak mengambil endah serta tiada dorongan daripada sesiapa	9	6.9
	Jumlah	130	

Masalah penggunaan laras bahasa daerah di dalam perbitangan adat sepatutnya tidak boleh dijadikan faktor untuk tidak memahami perbitangan adat kerana pelajar yang ditemui ini merupakan anak Negeri Sembilan dan kebanyakannya menetap bersama keluarga. Adalah mustahil sekiranya mereka tidak langsung memahami walau sebaris kata adat sedangkan mereka lahir di wilayah adat yang tersohor ini melainkan tiada interaksi antara ahli keluarga di rumah. Hanya sembilan orang pelajar secara seriusnya mengakui tidak mengambil endah dan menganggap persekitaran yang dilalui tidak menyumbangkan kepada aila ini. Malah mereka telah dikenal pasti merupakan pelajar-pelajar yang berada dalam kelas hujung (corot) dan pastinya tidak memberi perhatian ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.²

Pelajar yang bijak juga tidak semestinya mengenali sepenuhnya perbitangan adat ini. Sebaliknya menerusi daya ingatan yang kuat dan sedikit pengetahuan sedia ada telah membolehkan mereka menuturkan dan menulis contoh-contoh yang lazimnya didapati dalam buku-buku rujukan dan teks. Sebagai contoh dalam beberapa siri ujian bulanan, terdapat pelajar yang telah menggunakan perbitangan adat sebagai penerangan ayat yang dibina dalam kertas soalan tatabahasa. Contoh-contoh yang dinyatakan itu dilihat mempunyai kecenderungan memaparkan persekitaran mereka.

Jika diteliti contoh yang dinyatakan di sebelah, jelas terdapat hubungkait perbitangan tersebut dengan kehidupan seharian mereka sebagai seorang pelajar. Mereka dapat mengaitkan pengalaman, latihan atau aktiviti yang lazimnya dijalankan sewaktu pembelajaran berlangsung. Misalnya Akmal Hakim memberi contoh 'kelapa muda tidak berminyak' yang boleh memperingatkan rakan-rakan sebaya tentang usia

² Pengajaran merupakan aktiviti yang bertujuan untuk mendedarangkan pembelajaran, iaitu satu perubahan tingkah laku dan kekuatan semua individu. Bagi membolehkan pembelajaran itu berlaku, seseorang guru perlu memikirkan tentang murid, proses pembelajaran dan situasi pembelajaran. Seseorang guru tidak akan dapat menyedikan satu-satu isi pelajaran atau aktiviti pembelajaran yang sesuai tanpa mengambil kira kebolehan, pengetahuan sedia ada, minat dan kehendak murid (Gagne 1977:36).

Masalah penggunaan laras bahasa daerah di dalam perbilangan adat sepatutnya tidak boleh dijadikan faktor untuk tidak memahami perbilangan adat kerana pelajar yang ditemui ini merupakan anak Negeri Sembilan dan kebanyakannya menetap bersama keluarga. Adalah mustahil sekiranya mereka tidak langsung memahami walau sebaris kata adat sedangkan mereka lahir di wilayah adat yang tersohor ini melainkan tiada interaksi antara ahli keluarga di rumah. Hanya sembilan orang pelajar secara seriusnya mengakui tidak mengambil endah dan menganggap persekitaran yang dilalui tidak menyumbangkan kepada adat ini. Malah mereka telah dikenal pasti merupakan pelajar-pelajar yang berada dalam kelas hujung (corot) dan pastinya tidak memberi perhatian ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.²

Pelajar yang bijak juga tidak semestinya mengenali sepenuhnya perbilangan adat ini. Sebaliknya menerusi daya ingatan yang kuat dan sedikit pengetahuan sedia ada telah membolankan mereka menuturkan dan menitis contoh-contoh yang lazimnya didapati dalam buku-buku rujukan dan teks. Sebagai contoh dalam beberapa siri ujian hulanen, terdapat pelajar yang telah menggunakan perbilangan adat sebagai penerangan ayat yang dibina dalam kertas soalan tatabahasa. Contoh-contoh yang dinyatakan itu dilihat mempunyai kecenderungan memaparkan persekitaran mereka.

Jika diteliti contoh yang dinyatakan di sebelah, jelas terdapat hubungkait perbilangan tersebut dengan kehidupan seharian mereka sebagai seorang pelajar. Mereka dapat mengaitkan pengalaman, latihan atau aktiviti yang lazimnya dijalankan sewaktu pembelajaran berlangsung. Misalnya Akmal Hakim memberi contoh 'kelapa muda tidak berminyak' yang boleh memperingatkan rakan-rakan sebaya tentang usia

² Pengajaran merupakan aktiviti yang bertujuan untuk mendorong pembelajaran, iaitu satu pembabab tingkah laku dan kebiasaan semua individu. Bagi membolehkan pembelajaran itu berlaku, seseorang guru perlu memikirkan tentang murid, proses pembelajaran dan situasi pembelajaran. Seseorang guru tidak akan dapat menyediakan satu-satu isi pelajaran atau aktiviti pembelajaran yang sesuai tanpa mengambil kira kebolehan, pengetahuan sedia ada, minat dan kehendak murid (Gagne 1977:30).

Masalah penggunaan laras bahasa daerah di dalam perbilangan adat sepatumnya tidak boleh dijadikan faktor untuk tidak memahami perbilangan adat kerana pelajar yang ditemui ini merupakan anak Negeri Sembilan dan kebanyakannya menetap bersama keluarga. Adalah mustahil sekiranya mereka tidak langsung memahami walau sebaris kata adat sedangkan mereka lahir di wilayah adat yang tersohor ini melainkan tiada interaksi antara ahli keluarga di rumah. Hanya sembilan orang pelajar secara seriusnya mengakui tidak mengambil endah dan menganggap persekitaran yang dilalui tidak menyumbangkan kepada adat ini. Malah mereka telah dikenali pasti merupakan pelajar-pelajar yang berada dalam kelas hujung (corot) dan pastinya tidak memberi perhatian ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.¹

Pelajar yang bijak juga tidak semestinya mengenali sepenuhnya perbilangan adat ini. Sebaliknya menerusi daya ingatan yang kuat dan sedikit pengetahuan sedia ada telah membolehkan mereka menuturkan dan menulis contoh-contoh yang lazimnya didapati dalam buku-buku rujukan dan teks. Sebagai contoh dalam beberapa siri ujian bulanan, terdapat pelajar yang telah menggunakan perbilangan adat sebagai penerangan ayat yang dibina dalam kertas soalan tatabahasa. Contoh-contoh yang dinyatakan itu dilihat mempunyai kecenderungan memaparkan persekitaran mereka.

Jika diteliti contoh yang dinyatakan di sebelah, jelas terdapat hubungkait perbilangan tersebut dengan kehidupan seharian mereka sebagai seorang pelajar. Mereka dapat mengaitkan pengalaman, latihan atau aktiviti yang lazimnya dijalankan sewaktu pembelajaran berlangsung. Misalnya Akmal Hakim memberi contoh 'kelapa muda tidak berminyak' yang boleh memperingatkan rakan-rakan sebaya tentang usia

¹ Pengajaran merupakan aktiviti yang bertujuan untuk mendampingi pembelajaran, iaitu satu perubahan tingkahlaku dan kelakuan semua individu. Bagi membolehkan pembelajaran itu berlaku, seseorang guru perlu memikirkan tentang murid, proses pembelajaran dan situasi pembelajaran. Seseorang guru tidak akan dapat menyediakan satu-satu isi pelajaran atau aktiviti pembelajaran yang sesuai tanpa mengambil kira kebolehan, pengetahuan sedia ada, minat dan kehendak murid (Gagne 1977:10).

dan sumbangan mereka kepada masyarakat. Di satu sudut beliau mewakili rakan-rakan untuk sentiasa menilai diri sebagai seorang remaja. Manakala Mohamad Firdaus mengaitkan kisah peribadinya sebagai anak yatim menerusi perbilangan yang sentiasa diingatnya iaitu 'langit runtuh, bumi cair' yang bermaksud hilang tempat untuk bergantung hidup. Berikut adalah pelajar-pelajar yang telah dikesan menggunakan perbilangan adat dalam pembinaan ayat mereka. Sila rujuk sebahagian contoh dalam jadual di sebelah :

JADUAL 5.2 Analisis Penggunaan Perbilangan Adat Dalam Ujian Bulanan.

Bil.	Nama Responden	Contoh
1	Muhammad Azim Hamir (Ujian bulanan Mac 2003)	<i>Lepas kaki leher terjera</i> (Orang jahat tidak dapat menutup perbuatan jahatnya)
2	Syafinaz Razak (Ujian bulanan Mac 2003)	<i>Cakap sejengkal di bawa sehasta</i> (Perkara kecil diperbesar-besarkan)
3	Nadzirah Abdul Halim (Ujian bulanan Mac 2003)	<i>Cincin emas takkan patah bermata kaca</i> (Gadis jelita dan mulia tidak layak berkahwin dengan lelaki miskin)
4	Nur Madhiah Mohammad (Ujian bulanan Mei 2003)	<i>Barat pahit-pahit peria dimakan juga</i> (Walaupun pahit, ada manfaadnya)
5	Akmal Hakim A Khalik (Ujian bulanan Mei 2003)	<i>Kelapa muda tidak berminyak</i> (Orang muda belum banyak pengalaman)
6	Bekis Nordin (Ujian bulanan Mei 2003)	<i>Kecil bahan besar pentampunya</i> (Lebih belanja daripada pendapatan)
7	Nadhirah Bistaman (Ujian bulanan Julai 2003)	<i>Langau di ekor gajah</i> (Si penakut akan ikut kehendak si kuat)
8	Mohd Firdaus Mihat (Ujian bulanan Julai 2003)	<i>Langit runtuh bumi cair</i> (Hilang tempat bergantung hidup)
9	Mohd Alif Haikal Razali (Ujian bulanan September)	<i>Mulut manis, hati berkaut</i> (Kata-kata manis tetapi niatnya jahat)

Sebahagian besar pelajar-pelajar di atas telah memberi sebab kenapa mereka menggunakan perbilangan adat dalam pembinaan ayat walaupun tiada arahan yang dinyatakan dalam soalan. Antaranya kerana pendedahan menerusi pengajaran dan pembelajaran selain pengetahuan sedia ada dan kesanggupan mempelajarinya dengan baik. Tiada seorang pun daripada pelajar di atas menyatakan sumber diperoleh daripada generasi tua atau daripada keluarga. Disebabkan kurangnya penegasan oleh generasi sebelumnya menjadikannya masalah ketara dalam memahami istilah kedaerahan yang dicetuskan oleh beberapa orang pelajar sebelum ini.

Kesimpulannya kebanyakan kata-kata adat yang terkandung itu adalah bahasa lama yang sukar untuk difahami oleh anak-anak muda belasan tahun. Sekiranya pelajar-pelajar ini mendampingi generasi lama, tidak akan timbul masalah kerana mereka boleh memahami dan mempelajari sedikit sebanyak loghat yang dituturkan. Banyak ungkapan-ungkapan lama yang tidak jelas dalam kehidupan semasa disebabkan gaya pertuturan tersebut jarang lagi digunakan. Masyarakat yang mengasas ungkapan-ungkapan tersebut biasanya adalah golongan tam. Setelah pekerjaan tertentu seperti menoreh dan bersawah berkurangan, pengamalannya juga beransur kurang disebabkan sudah meninggal dunia atau uzur. Namun begitu beberapa syarikat penerbitan telah menerbitkan buku-buku seperti kamus dan brosur penerangan mengenai pemahaman dialek daerah ini. Pelajar-pelajar yang ingin memahami dialek ini tidak lagi menabur alasan lantaran usaha-usaha pengekalan tradisi lisan telah dijalankan.

5.3 Generasi Tua Adat Perpatih

Adat Perpatih disandarkan pada sistem nilai, sama ada baik atau buruknya perlakuan itu akan terpancar menerusi individu yang seterusnya menggambarkan keseluruhan masyarakat di dalamnya. Memelihara nilai tentang hidup bermasyarakat lebih merujuk kepada nilai hidup bermuafakat yang membawa berbagai-bagai tujuan

antaranya bertimbang rasa, tolong-menolong, perselahaman, bahagi membahagi, sama rata, bertatatertib, patuh dan setia, jujur dan saling menghormati. Menurut Norazit Selat (1995:120), nilai ini tidak mungkin dicapai serentak dengan pengalaman-pengalaman lain tetapi harus dipelajari melalui proses sosiolisasi, sama ada sosiolisasi asas atau sekunder. Sosiolisasi asas merujuk kepada tunjuk ajar atau bimbingan orang tua atau generasi tua manakala sekunder didapati daripada orang lain yang bukan ahli keluarga seperti melalui guru atau rakan-rakan.

Dalam proses penyampaian tradisi lisan daripada generasi tua kepada generasi baru, keserasian hubungan antara dua pihak itu amat penting. Penyampai yang baik terdiri daripada kalangan saudara terdekat seperti datuk, nenek, saudara selain ibu bapa. Menerusi teknologi yang canggih, penyampaian boleh disalurkan dalam berbagai bentuk tanpa hadnya. Namun proses penyampaian melalui generasi yang lebih tua biasanya akan lebih harmonis kerana ianya berlangsung dalam keadaan yang sepatutnya memandangkan generasi tersebut merupakan pemegang tradisi yang sebenar di wilayah yang didudukinya. Manakala maklumat yang diterima dari luar mungkin berdasarkan sumber yang telah diolah semula dan bukan datangnya daripada pengamal budaya sebenar dan dalam konteks ini budaya Adat Perpatih.

Sekiranya lebih ramai orang tua yang tidak segan menghulur maklumat dan lebih ramai anak muda yang sedia mendengar, tentunya adat ini akan terpelihara dalam tempoh yang lama. Penyampaian oleh generasi tua kepada golongan muda biasanya terjalin ketika santai, ketika majlis-majlis tertentu apabila mereka berpeluang bertemu dan ketika inilah wujudnya tradisi lisan. Menerusi pertuturan tidak formal, anak-anak muda tidak segan bertanya dan secara tidak langsung mereka mudah mendengar dan menerima apa yang disampaikan. Golongan tua ini sebaiknya bersikap terbuka kerana kemungkinan persoalan yang ditujukan agak jerih untuk dijawab. Kerumitan yang kadangkala berlaku ialah penuturan generasi tua yang seakan tidak jelas kerana penyampaian disampaikan dalam intonasi berbagai.

Kekeliruan akan bertambah sekiranya generasi muda tiada pengetahuan sedia ada terhadap bahasa-bahasa daerah yang telah menjadi kelaziman kepada warga tua.

Penyampaian tradisi lisan ini mudah disampaikan di kalangan masyarakat luar bandar kerana kebanyakan informannya merupakan pengamai sebenar Adat Perpatih dan menghuni wilayah adat itu. Remaja yang menetap di luar bandar lazimnya lebih terdedah kepada tradisi lisan antaranya Syazwani atau Firdaus³ yang menetap bersama datuk dan nenek di Kampung Kelemak Dalam. Namun telah wujud migrasi antara negeri di mana generasi tua meninggalkan kampung kerana menetap bersama anak-anak di bandar. Penyampaiannya kini agak terhad kerana tidak ramai di kalangan anak-anak muda (meskipun anak-cucu sendiri) di bandar ingin mengenali tradisi lisan dengan lebih lanjut, kalau ada pun mungkin dari kalangan pelajar pengajian tinggi yang menghasilkan kajian ilmiah.

Generasi muda seperti Nurul Hidayah dan Shamsul Fadli⁴ yang berusia 10 dan 12 tahun tidak segan bertanya dan bijak membawa penyampainya ke dalam suasana yang selesa. Jika tepat orang yang diajak berbual, perlu pula meyakinkan penyampai budaya itu bahawa mereka ingin berguru pada yang pandai, biasanya golongan tua dalam kelompok masyarakat ini sedia memberi tunjuk ajar. Seterusnya Rizzuwan, Syazwani dan Firdaus mengakui selesa dan lebih 'dekat' tatkala menjadi pendengar kepada datuk dan nenek masing-masing. Biar pun mereka merasakan bahawa tradisi lisan termasuk cerita-cerita lama ini adalah sebahagian mitos iaitu cerita-cerita yang menjadi sandaran sistem-sistem kepercayaan agama yang kudus, sekurang-kurangnya sumber yang diperolehi itu datangnyanya daripada keluarga masing-masing.

Di Kampung Air Sekapas contohnya memperlihatkan Hajah Habesah berusia 77 tahun (dikatakan lahir pada 08.11.1927), seorang veteran politik cukup bangga

³ Lihat LAMPIRAN B (2) dan (11) bagi rujukan biodata.

⁴ Lihat LAMPIRAN B (12) dan (14) bagi rujukan biodata.

sekiranya ada anak-anak muda bersedia mendengar cerita-cerita rakyat yang banyak dikumpunya semenjak 1920-an. Biar pun tidak boleh membaca tulisan Rumi dan hanya tahu menulis Jawi namun merupakan pencerita yang begitu menghiburkan. Gaya penceritaannya juga bersahaja dan menarik seakan seorang penghipur lara. Bezanya Hajah Habesah menceritakan cerita rakyat Negeri Sembilan yang sarat dengan hukum dan sistem Adat Perpatih. Penyampaian yang tidak berstruktur diselami jenaka kecil itu menyebabkan ramai yang dapat memahami dan menerimanya dengan mudah.

Generasi tua seperti Hajah Habesah memperolehi maklumat-maklumat ini daripada pendengaran dan pengamatan yang diturunkan oleh generasi sebelumnya iaitu ibu bapanya yang berasal daripada Tanah Minang. Proses penyampaian yang dilaluinya juga berlaku tidak mengira waktu dan tempat, kadangkala di surau, majlis kenduri atau ketika santai di waktu petang. Ada ketikanya penyampaian berlaku ketika bekerja di sawah. Pada masa itu orang dahulu memang gamar berdendangan dan menyanyi sebagai hiburan sambil kerja seperti berpantun dan lagu-lagu rakyat. Perlakuan ini dilihat sebagai satu monoteisme⁶ dalam mendekatkan diri dengan Pencipta alam yang memberi rezeki. Contohnya perbilangan adat di bawah menunjukkan betapa masyarakat dahulu merujuk kepada persekitaran mereka dalam menyatakan rasa kesyukuran.

Pohon rendang di tengah padang
Batangnya untuk bersandar
Dahannya untuk bergantung
Buahnya untuk dimakan
Daunnya untuk berlindung

Hanya dikiaskan menerusi sebatang pokok yang rendang, perbilangan di atas menggambarkan betapa intimnya masyarakat dahulu kala mendampingi persekitaran mereka, lalu menyuarakannya sebagai satu utusan hidup yang harmonis dan penuh

⁶ Ajaran Tawhid yang menjurus kepada cipuan-ciptaan dalam memuji Yang Maha Esa

keinsafan. Dalam persekitaran yang serba mendesak ini, peluang untuk menyaksikan dendangan warga tua di sawah tidak mungkin menjadi kenyataan. Antaranya kerana suasana yang tidak mengizinkan demikian serta keadaan pemegang tradisi itu yang semakin dimamah usia dan tentunya sawah ladang kini telah bertukar kering dek tidak berair. Seseekali akan bergema banya di majlis kenduri kendara, yang memberi peluang kepada hadirin untuk mengetahui bagaimana nenek moyang menghabiskan masa santai suatu ketika dulu.

Walaupun secara rasionalnya kita melihat gaya mereka bersenandung itu sekadar hiburan sambil bekerja tetapi segala yang tersirat di dalamnya mempunyai makna yang mendalam. Jika diamati ia jelas berperanan sebagai agen pendidikan yang khusus bagi generasi ke generasi berikutnya. Benarlah bahawa uralan kata perbilangan ini diasaskan oleh masyarakat tani yang merasakan diri mereka begitu sinonim dengan persekitaran. Bagi generasi ini, menerusi perbilangan adat nilai terhadap sesuatu dalam masyarakat itu dapat diterjemahkan. Hajan Habesah serta rakan-rakan seusia hanya tahu susun galur pada yang gadang (iahu yang gadang pada yang tua) selebihnya tahu dek menengok dan membuat.⁶

Sekumpulan pelajar menengah atas yang ditemukan dengan 'tok mukim' di Kampung Air Sekapas, menyedari bahawa tradisi lisan ini patut diketengahkan dengan meluas. Pelajar-pelajar ini laka mendengar keistimewaan kata-kata adat yang dilakukan oleh Haji Hamzah⁷ walaupun dilangsungkan dalam jangka waktu yang singkat, penuh ringkas dan santai. Menurutny, suatu ketika setiap kata-kata adat yang diujarkan mempunyai pengaruh kuat bagi ruang lingkup hidup masyarakat ketika itu. Menerusi kata-kata adat seperti satu perbilangan yang sebaris cuma akan mencerminkan keperibadian masyarakat itu. Di sebaliknya terangkum falsalah adat

⁶ Perlakuan tertentu dianggap sehingga diulangi setiap ada yang menantu. Penyanyian dilangsungkan dalam suasana yang tidak terhad dan pengemalnya menganggap adat resam adalah sebahagian daripada cara hidup dan dituntut agar dijalankan sebaik mungkin kerana akan mendapat malu.

⁷ Lihat LAMPIRAN B (3) bagi rujukan biodata.

yang boleh dicontohi oleh generasi muda. Contohnya beberapa patah perkataan boleh memberi tafsiran yang mendalam. Ketika menjatuhkan hukum, kata-kata adat diterima sebagai kesahihan bukti. Misalnya contoh di sebelah ini :

a) Enggang lalu ranting patah

Dikiaskan sekiranya burung enggang lalu dan didapati ranting patah, wajarlah disyaki enggang yang menyebabkan ranting itu patah kerana saiz dan beratnya yang tidak dapat menampung ranting tersebut. Maksudnya, jika orang yang sedang bergaduh telah kehilangan barang sejurus selepas seseorang itu lalu, maka orang itu bolehlah dikenakan syak wasangka.

b) Bertunggul penebangan, bersasuk jerami

Adanya kesan tunggul-tunggul yang jelas menunjukkan pokok itu telah ditebang dan adanya sasak jerami menunjukkan padi telah dituai. Maksudnya seseorang telah didapati dengan tanda-tanda tertentu telah melakukan jenayah, misalnya terdapatnya darah atau mayat ditemui.

c) Tersindang jejak menurun, tertukik jejak mendaki

Sebarang tanda-tanda di tanah bukit dapat dilihat sekiranya terdapat orang sedang menuruni bukit itu atau sedang mendakinya. Maksudnya seseorang itu boleh disyaki sekiranya dengan tiba-tiba menjadi kaya setelah berlaku kecurian di tempat yang sama.

Pertemuan petang itu memperlihatkan proses penyampaian berlangsung dalam suasana yang murni dan menjadi riuh apabila pelajar-pelajar itu mengusik rakan masing-masing menggunakan kata-kata adat seperti 'terlelah terkejar', 'runcing tanduk', 'gali urat', 'uang hilang' dan sebagainya. Walaupun kelihatan bersahaja, suasana begini tampak ada positifnya kerana mereka mula menerima kelainan

perbilang adut tatkala kerap didedahkan dengan perumpamaan dan peribahasa yang indah-indah di sekolah. Diharapkan pelajar-pelajar berkenaan dapat pula menyampaikan tradisi ini kepada ahli keluarga serta rakan-rakan dan tidak sekadar menyelesaikan projek kerja kursus Sejarah.

Di Kampung Sepri, Rembau, penyebaran lisan sedemikian telah lama pudar, bukan kerana sawah ran gadang kering kontang tetapi pembawa tradisinya sudah uzur dan tidak aktif untuk menyambunginya walaupun anak-anak muda yang ada sudi menjadi pendengarnya. Walaupun hanya bergema ketika majlis keramaian, golongan muda sedia menjadi penontonnya dan menganggap penyampaian tradisi sedemikian merupakan satu pengalaman dan pendedahan yang baru. Anak-anak kecil pula bagi bingung disuruh-suruh, turut mencelah menyusulkan ayah atau ibu. Manakala sebahagian yang prihatin menganggap menjadi penonton kepada sesuatu persembahan adalah aktiviti yang tidak membosankan memandangkan ianya bersifat pengetahuan yang sukar diperolehi daripada buku atau sebagainya. Tahap sedar adat di sini ternyata masih baik terutama bagi penerimaan bentuk-bentuk budaya perlakuan seperti mengenal tarian, alat muzik tradisional dan seni bina.⁸ Walaupun dapatan daripada penerimaan tersebut seakan kabur, masa perlu diberikan untuk generasi muda mengikutinya tanpa kekangan.

5.4 Generasi Muda Adat Perpatih

Walaupun sistem Adat Perpatih mungkin berada di persimpangan globalisasi, namun sistem ini sentiasa berdiri dan masih wujud dalam beberapa hal terutamanya dalam konteks adat-istiadat. Apa yang sukar ialah mengundang anak-anak muda untuk mendukung tradisi ini. Kesukaran itu bukan bermakna bahawa orang Melayu Negeri Sembilan tidak faham adat sendiri tetapi gaya hidup moden yang mendesak ini akan menyebabkan berlakunya beberapa perubahan terhadap budaya masyarakat tempatan.

⁸ Kesan terhadap penerimaan bentuk-bentuk budaya akan dibincangkan dalam bab yang berikutnya.

Memang terdapat segelintir golongan muda yang jahil tentang adat di daerah sendiri lalu mendorong mereka bersama-sama dengan masyarakat di luar lingkungan adat mengatakan bahawa adat itu bersifat regresif dan tidak relevan dengan kemajuan.

Sistem sosial ini dirumuskan sebagai panduan hidup yang mendedahkan teladan yang baik untuk membina mental yang sempurna berasaskan nilai-nilai akhlak terpuji. Sekiranya generasi muda memberi gambaran tidak tepat tentang masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih, akan pincanglah peraturan-peraturan yang suatu ketika merupakan hukum adat yang dipatuhi oleh orang-orang Melayu. Hanya mereka yang tidak memahami sahaja yang mampu mempertikaikannya seperti kata perbilangan :

Kata adat banyak kiasan
Ditunjuk dia tetapi bukan
Bergulung pendek panjang direntang
Tak faham kalau tak direnungkan

Sebagai bangsa yang bermaruah, generasi muda harus mempunyai sifat jati diri yang tinggi dan menepis rasa malu terhadap budaya sendiri. Seperti kata adat di atas, mereka boleh merujuk pada yang berpengalaman dan meremungkan maksud dalamannya seketika kerana ilmu itu tidaklah dapat difahami dengan mudah jika tidak diberi tumpuan sepenuhnya. Terdapat golongan baru seperti Mohd Rizzuwan⁹ yang telah berusaha untuk memelihara ciri-ciri budaya Melayu dan memahami tanggungjawab bagi mengekalkannya selama mungkin. Beberapa aktiviti yang digerakkan akan cuba diselit dengan nilai-nilai tradisi. Antara yang dijalankan di peringkat sekolah atau pengajian tinggi seperti persembahan yang menjurus kepada unsur-unsur tersebut. Contohnya dalam bengkel kerja atau khemah motivasi, unsur-unsur ini diketengahkan seperti berbalas pantun, memalu rebana atau tumbuk kalang.

⁹ Seorang bekas pelajar yang aktif dalam kegiatan budaya khususnya tarian dan telah mewakili Negeri Sembilan ke beberapa pertunjukan dan pertandingan peringkat kebangsaan. Kini sedang mengikuti kursus Seni Lukis dan Senircika di UiTM, Shah Alam.

Rizzuwan sendiri mempunyai pengalaman melakukan istiadat menyalang ketika menghadiri program motivasi di sebuah institusi.

Latar belakang keluarga merupakan antara faktor yang boleh memperlihatkan kecenderungan generasi muda mengenal adat resam dan budaya. Banyak faktor yang menyumbang kepada kecenderungan ini, contohnya jenis pekerjaan ketua keluarga dan pendapatan isi rumah. Pengalaman dan pekerjaan seseorang ini mempengaruhi minda anak-anak dan dapat menyumbang perkembangan dan peningkatan aras pengetahuan anak-anak mereka. Contohnya ibu bapa yang terdiri daripada golongan profesional selalunya kurang meluangkan masa mendekatkan anak-anak dengan hal-hal budaya yang dianggap picisan. Mereka akan menyerahkan kepada anak-anak untuk menerokai sendiri ilmu tersebut menerusi pendidikan di sekolah atau dengan melayari internet. Tidak semua remaja ini memiliki rangkaian maklumat moden tersebut yang menyebabkan mereka agak ketinggalan berbanding rakan-rakan. Pelajar yang dinyatakan itu biasanya akan memperoleh maklumat daripada ibu bapa mereka kerana ianya dianggap sumber paling dekat.

Faktor-faktor sosial yang boleh mempengaruhi pencapaian termasuklah taraf sosio ekonomi sesebuah keluarga. Contohnya keluarga yang mampu menyediakan segala kemudahan boleh mendorong pencapaian seseorang pelajar itu. Bahan-bahan pembelajaran seperti buku dan sebagainya dapat disediakan dengan lengkap. Secara amnya, dalam sekolah di sekitar Rembau, ibu bapa yang berpendapatan di bawah RM1000.00 adalah lebih ramai berbanding yang berjawatan tinggi dengan pendapatan melebihi RM3000.00 sebulan. Ibu bapa berpendapatan rendah yang terdiri daripada peneroka FELDA dan bekerja sendiri tetapi dapat meluangkan masa dengan anak-anak hampir setiap hari. Berikut adalah beberapa contoh pekerjaan bapa/penjaga pelajar :

JADUAL 5.3 Jenis Pekerjaan Bapa / Penjaga.

	Pekerjaan	Bilangan	Persatus
1	Bekerja sendiri	32	33.7 %
2	Kakitangan Kerajaan	26	27.4 %
3	Pekerja Kilang	17	17.8 %
4	Tentera / Polis	8	8.4 %
5	Peneroka FELDA	5	5.3 %
6	Berniaga	3	3.2 %
7	Pekerja Rendah Am	2	2.1 %
8	Pesara	2	2.1 %
	Jumlah	95	100%

Kebanyakan responden (75.8 %) tidak dapat meluangkan masa bersama keluarga walaupun sejam dua dalam sehari. Selarang interaksi yang menjurus kepada persoalan budaya tidak berlaku sama sekali dalam tempoh tersebut. Hanya beberapa orang pelajar sekitar 23 orang (24.2 %) yang menetap bersama keluarga mengatakan interaksi berlaku ketika waktu malam atau petang dan lebih kerap ketika hujung minggu. Bagi keluarga ini, walaupun pertemuan tidak lama, ada ketikanya perbualan menjengah isu-isu yang tidak terbatas. Seseekali yang tua akan menyentuh isu persekitaran seperti hal-ehwal kampung yang remeh, tanah ladang, kekeluargaan dan cerita-cerita lain yang seiringan dengan hal-hal tersebut. Cerita-cerita yang tidak sengaja dituturkan ini selalunya disampaikan dalam bentuk teka-teki dan cerita pendek diselami humor.

Pelajar-pelajar yang menetap di kampung pula mempunyai kelebihan kerana mereka berpeluang menemui pengamal adat yang masih aktif sama ada yang terdiri daripada saudara mara atau pun jiran terdekat. Lazimnya masyarakat desa ini

mempunyai struktur organisasi yang mudah dan jalinan sistem kekeluargaan yang rapat antara satu sama lain. Institusi sosial yang lebih dekat seperti keluarga, kaum kerabat, kampung dan jiran ini dapat memupuk penerimaan budaya tradisional.

Pelajar lain yang ditemubual mengatakan faktor segan bertanya dan menghormati masa terluang ibu bapa sebagai kekangan untuk mendampingi mereka. Dalam tinjauan lain di sekolah yang bertlainan, 54 orang pelajar (75 %) jarang dan kadangkala tidak langsung menyapa ibu bapa/penjaga. Kewujudan dua hubungan tersebut tidak dirasai lantaran tidak berlaku interaksi walaupun seminit dua. Pengisian masa yang tidak sempurna disebabkan oleh kekangan kerja seperti tugas sekolah dan kesibukan ibu/bapa. Waktu terluang yang berbaki beberapa jam akan dihabiskan dengan berehat. Bagi sebahagian ketua keluarga, berehat adalah masa untuk mengasingkan diri daripada keluarga. Rutin ini berlangsung beberapa lamanya kecuali jika tiba musim buah-buahan dan kenduri kecil di mana seluruh ahli keluarga akan berkumpul. Responden lain seramai 18 orang (25 %) langsung tidak bertegur sapa dan situasi ini berlanjutan selama berminggu-minggu dan ada sehingga sebulan dua. Keadaan ini amat membimbangkan memandangkan interaksi sosial yang jarang berlaku di antara keluarga merupakan sumbangan kepada masalah sosial di kalangan remaja.

Pelajar-pelajar yang tidak mempunyai hubungan baik dengan generasi tua didapati sukar untuk berinteraksi dengan berkesan ketika menjalankan temubual untuk memperolehi maklumat lisan bagi menghasilkan tugas sekolah seperti kerja kursus Sejarah, Geografi dan sebagainya. Mereka akan beralih kepada sumber lain seperti melalui internet, buku-buku rujukan di pasaran dan maklumat-maklumat bertulis di sekolah. Kajian yang dijalankan sungguhpun memberikan markah yang baik tetapi kesan persampelan yang berkualiti tidak kesampaian. Noraziz Selat (2001:32) mengatakan tanpa bimbingan sebenar daripada pengamal adat ibarat memperjudikan budaya di pena asing, walaupun tujuan dan maksudnya adalah sama

tetapi penyampaiannya tidak lagi asli. Beliau berpendapat, orang yang tidak memahami sistem adat, apatah lagi untuk memahami falsafah yang tersirat di sebalik sistem tersebut adalah jahil. Perbincangan di bawah menyatakan :

Kalau berguru kepalang ajar
 umpama bunga kembang tak jadi
 kalau hanya sekadar dapat didengar
 tidak akan dapat di dalam dan difahami
 mengeruk tidak sehabis gaung
 meraba tidak sehabis rasa
 banyak fahamnya yang tidak langsung
 sehingga bertukar tujuan dan maksudnya.

Kesimpulannya generasi muda bukanlah keberatan untuk mempelajari sesuatu daripada nenek moyang masing-masing tetapi kekangan masa, tugas sekolah dan aktiviti seharian merupakan satu faktor kurangnya interaksi sesama mereka. Bagi pelajar-pelajar yang tinggal di asrama, tiada persampelan diambil memandangkan kekerapan bersama keluarga tidak berlaku secara harian. Bagi pelajar yang tidak berkira dengan masa, pelepasan pulang bermalam sebulan sekali di rumah dimanfaatkan dengan betul. Mohd Rizzuwan yang mempunyai latar belakang rapat dengan pengamal adat di kampungnya amat bangga kerana dapat menerangkan kembali perjalanan beberapa istiadat yang dijalankan seperti menyalang, kerjan, adat tempat semenda (empek mondo), sistem perwarisan harta dan hukum-hukum adat yang berkaitan lingkungan Adat Perpatih.¹⁰ Walaupun tidak begitu mendalam ternyata mereka memperoleh pengetahuan ini secara lisan daripada orang tua masing-masing.

Bagi bekas pelajar, Mohd Firdaus Arif¹¹ yang kini melanjutkan pelajaran dalam jurusan undang-undang di peringkat sarjana muda di sebuah universiti tempatan, melahirkan rasa bangga dengan pilihan kursusnya. Menurutnya, mengkaji

¹⁰ Rujuk Abu Chik Sarom (1962:48-72).

¹¹ Rujuk LAMPIRAN B (2) bagi melihat biodata.

undang-undang sama ada Perpatih Naniug mahu pun dalam Adat Temenggung, memberikan beliau satu pengalaman berharga iaitu mendalami salasilah terutama suku keluarganya sendiri. Tidak bertujuan mendabik dada, beliau menyifatkan dirinya sebagai satu kesinambungan yang sepatutnya harus ada dalam setiap diri pelajar-pelajar Melayu sekurang-kurangnya mengambil tahu akan sejarah kewujudan adat-istiadat tersebut.

5.5 Kekangan Generasi Muda Mengenal Adat Perpatih

Generasi muda amnya memahami bahawa adat itu bersifat dinamis dan boleh berubah setelah disesuaikan mengikut peredaran zaman, cuma bezanya mereka tidak dapat mengaitkan adat dengan kehidupan moden yang dilalui. Antara contoh mudah, tidak dapat menterjemahkan fungsi Tiang Balai ketika istiadat kerjan dijalankan, sedangkan istiadat ini masih dipakai ketika pelantikan seseorang Undang sehingga ke hari ini. Sekiranya pihak tertentu memberi peluang kepada mereka untuk menonton dan melakonkan istiadat-istiadat lama, pastinya pendedahan ini membuka pengalaman kepada mereka.

Misalnya ketika diminta menceritakan beberapa cerita rakyat dengan ringkas, pelajar-pelajar ini dapat memperlihatkan kemampuan bercerita walaupun kurang lancar. Sedangkan rakan-rakan lain menganggap cerita begini tidak mempunyai makna dan tidak membantu dalam proses mempertajarkan minda. Pelajar-pelajar sekolah juga dilihat kurang menguasai cerita-cerita lisan ini disebabkan proses pengajaran lebih tertumpu kepada kebolehan merangka logik matematik. Maka tidak ramai pelajar yang dikesan menggunakan kepelbagaian verbal linguistik¹² bagi mengaplikasikan pengetahuan yang sedia ada dalam situasi dan konteks yang baru. Ini dibebani pula dengan kekurangan penutur yang sesuai boleh menceritakannya.

¹² Kebolehan menggunakan kata-kata secara berkesan dalam lisan dan penulisan, termasuklah kebolehan mengingat maklumat yang telah disampaikan dan bercakap tentang bahasa yang dinyatakan itu. Contohnya pelajar memberi interpretasi baru mengenai sesuatu cerpen, pantun atau hasil kesasteraan.

Sebahagian kecil penyampai yang ada kurang memberikan kerjasama kerana menganggap keberkesanannya dalam menyampaikan cerita dipandang remeh oleh generasi muda. Oleh itu sebahagian besar pelajar yang ditemui memperoleh cerita daripada sumber yang hampir sama iaitu menerusi pembacaan dan rakan-rakan.¹³ Analisis yang dilampirkan di sebelah ini menunjukkan bahawa kebanyakan daripada mereka mendapatkan cerita-cerita tersebut daripada sumber-sumber yang tidak sah. Sumber cerita yang diterima didapati tidak sama kerana beberapa faktor. Antaranya seperti latar belakang pelajar berkenaan yang berlainan seperti persekitaran, tempat tinggal dan hubungan mereka dengan persekitaran tersebut.

Penyebaran demikian dapat diperolehi dengan meluas melalui penyampaian di tempat yang sesuai seperti persekitaran yang diperolehi oleh Rabiatal Adawiyah. Jumlah pendengar yang ramai itu akan menyebabkan sesuatu cerita yang pendek akan menjadi panjang berjela-jela kerana ramainya penyampai spontan yang mencelah cerita. Biasanya pencerita yang baik akan menyelitkan nilai hidup berkeluarga menjadikan suasana lebih harmonis. Malangnya tidak semua dapat merasai semua pengalaman dan suasana yang dilalui oleh Rabiatal Adawiyah ini. Tidak sekadar cerita lisan, malah pengetahuan lain turut diperolehi daripada berbagai sumber seperti datuk, nenek, ibu bapa, saudara mara dan menerusi bacaan. Ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang suka bertanya dan tidak segan berinteraksi dengan penutur di sekelilingnya. Cerita yang dinyatakan dalam Jadual 5.4 di sebelah ini misalnya disampaikan ketika ahli keluarga berkumpul pada suatu malam ketika satu majlis berolek¹⁴ yang diadakan di rumah induk keluarganya. Berikut adalah cerita-cerita yang telah disampaikan oleh beberapa orang pelajar dan bagaimana sumber cerita tersebut diperolehi.

¹³ Ulasan selanjutnya pada Bab IV.

¹⁴ Berolek atau berolat adalah majlis kahwin yang lengkap dengan adat istiadat mengikut suku masing-masing seperti perbisan, alas kebesaran dan diadakan kenduri hingga tiga hari tiga malam mengikut kemampuan.

JADUAL 5.4 Penyebaran Tradisi Lisan (Centa Rakyat).

Bil	Nama Pelajar dan Tajuk Cerita	Sumber Cerita			
		Datuk/ Nenek	Ibubapa	Saudara- mara	Lain-lain (nyatakan)
1	Mohd Alif Firdaus <i>Kenapa Puyuh Berekor Pendek dan Kerbau Tidak Bergigi</i>		X	X	
2	Mohd Afifi <i>Asal-usul Jalan Terentang</i>		X		Peniaga Pasar Tani
3	Rabiatul Adawiyah <i>Kepuh Menangis (Semangat Padi)</i>	X	X	X	Buku Cerita
4	Fairuz Hussaini <i>Asal-usul Minangkabau</i>			X	Buku teks
5	Siti Amiranul Huda <i>Asal-usul Sepri</i>		X	X	
6	Nor Afifah Zakaria <i>Ayam Sabung Kalah di Kuala Pilah</i>		X		Buku Cerita
7	Aizat Fikri Saharudin <i>Bongau dan Wak-wak</i>			X	Rakan sebaya
8	Mohd Zaini Zainal <i>Pak Kadok Negeri Sembilan</i>				Rakan sebaya

Beberapa pelajar yang dipilih seperti Rabiatul Adawiyah dilihat sebagai seorang yang cenderung dalam hal kebudayaan dan berupaya menggunakan kelebihan ini untuk menyampaikan sesuatu secara berkesan. Baik secara lisan atau penulisan, beliau mudah berbahasa bagi melahirkan pendapat serta pandangan dan

gemar kepada makna yang kompleks seperti cerita-cerita lisan ini. Sementara kebolehan pelajar-pelajar lain pula mampu mempelbagaikan interaksi sesama rakan sebaya. Selain penyampaian yang berbeza latar, pelajar-pelajar yang disenaraikan di sebelah juga bergantung kepada imaginasi iaitu menokok tambah cerita yang diperolehi menerusi perbualan dengan rakan sebaya. Cara penyampaian di dalam kelas juga ada ketikanya diubahsuai agar kelihatan menarik tetapi isi ceritanya tetap tidak berubah. Teknik pembelajaran ini mampu membawa pelajar-pelajar mengikutinya. Guru itu dikira memahami kehendak atau charasa kliennya yang berusia muda dan cuba menyesuaikan pengajarannya.¹⁵

Namun persoalannya apakah hanya dengan mendedahkan kronologi sebegini akan mendekatkan golongan muda pada kampung mereka? Generasi baru ini melihat keadaan semasa dengan lebih realistik, mereka berkebolehan mendengar dan boleh memperturunkan kepada rakan-rakan daripada negeri yang lain tetapi tidak menaruh kepercayaan terhadap isi kandungan cerita-cerita itu. Mereka tidak begitu terikat dengan fahaman lama yang mengaitkan beberapa perkara tentang sejarah atau asal-usul wilayah adat orang tua mereka.

Ada yang berpendapat bahawa cerita-cerita yang disampaikan oleh golongan tua hanya bermotifkan hiburan setelah penat bekerja maka masyarakat dahulu perlukan suasana relaks yang dapat mengelakkan mereka daripada bosan kerana melakukan pekerjaan yang sama saban hari. Oleh itu generasi muda menganggap cerita tersebut sebagai hiburan dan tiada fungsi untuk mengaitkan dengan perkembangan semasa. Bagi mereka apa yang berlaku adalah kebetulan dan kebetulan itu tidak akan hadir lagi bersama arus teknologi sekarang.

¹⁵ Guru mampu mewujudkan proses pembelajaran pelbagai bagi menyesuaikan pengetahuan yang diterima untuk membina pengetahuan baru. Proses pembelajaran ini berdasarkan beberapa pandangan baru yang terhasil akibat fikiran bebas pelajar dan guru menerima inisiatif tersebut. Strategi pengajaran guru ini dengan memberi peluang kepada pelajar membina idea-idea dan mencungkil pengetahuan sedia ada akan melahirkan pelajar-pelajar yang kreatif.

5.6 Peranan Sistem Pendidikan Dalam Menyampaikan Tradisi Lisan

Generasi muda banyak bergantung kepada pembelajaran di sekolah dan keserasian mengikuti beberapa pelajaran berkaitan budaya menjadi penentu kepada kesinambungan ini. Guru boleh bertindak sebagai model yang sangat hampir dengan pelajar, selain ibu bapanya dalam menterjemahkan bentuk-bentuk tradisi. Ini dimanifestasikan melalui budi bahasa, penguasaan bahasa yang betul dan dapat mengasah potensi yang ada dalam diri pelajar-pelajarnya. Tidak memadai dengan hanya mengharapkan buku teks, guru dan pelajar harus mendekatkan minda dengan pengetahuan baru. Misalnya mempelbagaikan maklumat yang diperolehi menerusi media cetak mahupun elektronik.

Bab Budaya Melayu dimasukkan ke dalam teks tetapi ianya agak terhad iaitu sekadar sub topik untuk memenuhi keperluan pendidikan. Kebanyakan pelajar yang mengikutinya pula lebih cenderung untuk memenuhi syarat peperiksaan, boleh menghafal dan mengingat bagi tempoh tertentu tetapi tidak mengaplikasikannya di sekitar hidup mereka. Bagi yang mengikutinya dengan baik, dapatlah mengulas sedikit sebanyak sejarah perkembangan Adat Perpatih ini secara ringkas biarpun hanya menyebut beberapa bait contoh perbilangan adat atau sebagainya. Selebihnya hanya mengikuti menerusi aktiviti ko-kurikulum di sebelah petang.

Pengalaman cetak yang diperolehi menerusi tradisi bertulis dalam sistem pendidikan ini boleh memberi pengalaman dan membuka ruang bagi mereka yang langsung tiada pendedahan mengenainya. Meskipun menyedari bahawa pelajar-pelajar berkenaan akan membawa haluan mengikuti pengkhususan masing-masing, pengalaman yang ada itu sudah memadai sebagai satu pendedahan awal. Kenyataannya, pelajar-pelajar pengajian tinggi seakan tiada ruang untuk mendalami adat ini apatah lagi untuk menyertai aktiviti yang seumpamanya. Anak muda yang

panjang akal akan memilih kursus undang-undang di peringkat tinggi kerana kursus ini mempunyai pengkajian Adat Perpatih sebagai mata pelajaran wajib.

Mempelajari sesuatu tanpa merujuk kepada media elektronik seakan tidak lengkap kerana media kini dianggap antara penghubung dunia pendidikan. Generasi muda dan gelombang siber pula bagaikan air dengan tebing, tidak boleh dipisahkan kerana saling memerlukan. Bagi pelajar inilah caranya mereka memperoleh ilmu tanpa batasan. Melaluinya maklumat dan kritik sosial dapat disalurkan secara meluas serta kesannya didapati menyeluruh tetapi kerja pendokumentasian tentang Adat Perpatih dibuat sekadar dokumentari yang longgar. Media cetak juga seakan tidak kesampaian akibat kebanjiran majalah-majalah komersil. Kalau ada pun tumpuan lebih kepada hal-hal popular seperti jenis masakan, tempat-tempat menarik atau lain-lain produk pelancongan. Remaja yang berkesempatan hanya mereka yang mempunyai kemudahan komunikasi terkini seperti internet mampu menorkai lebih jauh menerusi laman web yang disediakan oleh penggiat budaya. Misalnya beberapa orang pelajar memperoleh pengalaman-pengalaman tradisi menerusi kaedah tersebut memandangkan remaja ini telah menetap di bandar semenjak kecil lagi.

Akhir-akhir ini peranan media elektronik terutama melalui radio dan televisyen tampak menggalakkan kerana telah giat memaparkan isu-isu budaya tempatan selaras dengan kempen bercuti di Malaysia yang ditekankan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Antaranya yang pernah disiarkan adalah seperti istiadat pertabalan Undang Luak Rembau, Jejebe dan Johol, istiadat menyalang, Karnival Adat Perpatih serta program-program budaya yang berjaya memberi pengetahuan kepada penonton luar Negeri Sembilan. Namun kesesuaian masa, lokasi dan siaran tidak menepati masa yang sepatutnya kerana tayangan dan persembahan diadakan pada waktu persekolahan yang menyukarkan mereka mengikutinya.

5.7 Kesedaran Generasi Muda Untuk Mengekalkan Adat Perpatih

Generasi muda tidak mengira latar belakang merupakan penyambung warisan budaya yang ditinggalkan oleh generasi sebelumnya. Jika peranan ini tidak diendahkan oleh generasi muda maka akan tinggalah mereka yang dianggap sebagai pendukung budaya itu dalam keadaan tercabai-cari identiti bangsa sendiri. Mereka tidak akan upaya menghadapi perubahan dan peredaran zaman secara kreatif dan inovatif. Lebih parah lagi mereka akan hanya mencari kejengkelan (*congruity*), terasa hilang fungsi dan sekadar menjadi penonton yang tidak tahu tajuk persembahan dalam daerah sendiri. Walaupun mereka dilihat sebagai kurang sensitif terhadap usaha memartabatkan budaya namun masih ada segelintir daripada kalangan mereka memperlihatkan minat untuk mendalami budaya tradisional ini. Berikut adalah kesedaran mereka dalam usaha mengekalkan budaya Adat Perpatih yang dapat dilihat dalam beberapa aspek.

Antara usaha-usaha yang telah dijalankan termasuklah mengambil inisiatif untuk menubuhkan kumpulan budaya yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah belasan tahun. Bermula dalam usia yang muda memerlukan perhatian dan mereka dilatih serta dibentuk oleh rakan-rakan senior. Kumpulan budaya ini selain bergerak di sekolah, juga ditubuhkan di kawasan-kawasan perumahan yang antara lain aktiviti utamanya seperti bermain alat muzik, tarian dan nyanyian lagu-lagu rakyat Negeri Sembilan. Sekumpulan bekas pelajar dari sebuah sekolah di sini telah menubuhkan alumni yang antara lain membentuk kumpulan budaya yang menyaksikan mereka mengadakan promosi dan penganjuran ceramah budaya, tarian tradisional, permainan tradisi dan sebagainya. Remaja-remaja ini yang ratanya telah melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi akan mengadakan persembahan dan atur cara ketika cuti semester memandangkan masa luang yang terhad. Kumpulan ini mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak termasuk Dato' Undang Lubak Rembau, Jabatan Penerangan dan Jabatan Pendidikan Daerah.

Membaca juga boleh membantu anak-anak muda ini menambah pengetahuan. Kelemahan yang dapat dikesan selalunya berakar daripada pembacaaan ilmiah yang amat kurang di kalangan pelajar-pelajar. Kekurangan minat membaca bahan budaya dikalangan mereka juga disebabkan tiada rangsangan daripada ibu bapa. Sepatutnya ibu bapa menunjukkan teladan yang boleh mencambah minat anak-anak mereka ke arah bacaan yang lebih berpengetahuan. Contoh yang mudah, anak-anak sering meniru jejak ibu bapa kerana daripada pengaruh awal yang diterima akan sentiasa berkekalan sepanjang hayat. Begitu juga dalam soal adat, generasi muda akan meniru perlakuan tersebut sekiranya tepat cara penyampaiannya.

Bagi mengatasi masalah ini Jabatan Pendidikan khususnya telah menjalankan satu program giat membaca yang dikenali sebagai program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) dan penyertaan adalah wajib bagi semua pelajar. Antara bahan bacaan yang dikenalpasti dalam program ini termasuklah yang bercorak sejarah, informasi, teknologi dan kebudayaan. Menerusi program peningkatan membaca seperti NILAM, tahap pembacaan pelajar dapat dikenal pasti selain menambah pengetahuan akademik. Bahagian rujukan dan rekod pinjaman di Pusat Sumber tersebut mencatatkan kadar pinjaman yang tinggi bagi buku-buku sejarah Negeri Sembilan.

Menerusi program NILAM dianggarkan potensi seseorang pelajar yang membaca meningkat dari 5 hingga 15 buah buku setahun. Jumlah pinjaman turut meningkat terutama bagi novel-novel dan antologi cerpen remaja. Bahan bacaan sastera juga turut popular seperti buku-buku cerita hikayat, remaja dan fiksiyen. Kesan positif melalui program ini ialah pelajar sendiri lebih memahami apa yang telah dibaca kerana setelah selesai sesebuah buku dibaca, pelajar-pelajar ini dikehendaki membuat karangan pendek berdasarkan topik tersebut. Pengiktirafan NILAM akan diberikan kepada pelajar-pelajar yang telah mencapai tahap pembacaan maksimum mengikut jumlah buku yang dibaca seperti Jadual 5.4 di bawah.

JADUAL 5.5 Contoh Borang Data Program NILAM bulan April 2003
di SMKA Pedas.

Bil	Nama	Tingkatan	Pengiktirafan	Jumlah Buku
1	Munirah	5 Ibnu Sina	420	Nilam
2	Zareeha Yuhaida	4 Al- Ghazali	412	Emas
3	Ahmad Farhan	5 Ibnu Khaldun	335	Perak
4	Siti Fachanah	3 Ar-Razi	310	Gangsa

Pengetahuan sastera juga amat mengkagumkan apabila kebanyakan pelajar cenderung memilih buku-buku sedemikian. Kini lebih ramai pelajar yang mengetahui isi cerita *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Misa Melayu*, *Sejarah Melayu* dan sebagainya. Namun disebalik keberkesanan program ini masih ramai lagi pelajar yang ketinggalan kerana sikap tidak minat membaca bahan-bahan ilmiah. Guru-guru sebagai pembimbing diharap tidak mengabaikan pelajar-pelajar sedemikian kerana kalau keruh air di hulu, sampai ke muara keruhnya. Guru-guru yang menjadi pembimbing mencatat data dalam borang disediakan seperti contoh di sebelah ini.

Di samping itu kebanyakan sekolah telah diminta untuk membina satu pondok bacaan atau lebih dikenali sebagai Balai Ilmu yang menempatkan bahan bacaan ringan seperti majalah-majalah sastera, budaya dan kerjaya. Sambutan yang diterima amat baik dan begitu menggalakkan di mana hampir setiap petang dipenuhi dengan pelajar-pelajar yang mungkin tidak berkesempatan ke perpustakaan. Gaya bersantai seperti ini seakan berpanjangan di beberapa buah sekolah lain kerana terdapat syarikat menjual buku dan Persatuan Ibu bapa dan Guru tampil memberi sumbangan berupa buku dan majalah. Kebanyakan usaha ini dimulakan oleh pelajar-pelajar sekolah sendiri yang prihatin terhadap kekurangan bahan bacaan santai.

Pelajar-pelajar Persatuan Sejarah dan Bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah di Rembau pula mengambil inisiatif mengadakan sesi percambahan minda kepada warga sekolah dengan memberi tazkirah berupa ajaran-ajaran budi dan nilai yang didasarkan daripada sistem Adat Perpatih. Sesi yang dijalankan setiap pagi Selasa ini mendapat sambutan daripada pelajar selain merebut cenderamata yang ditawarkan oleh pihak panitia sekolah. Kuiz pendek sekadar tiga minit turut diselitkan yang antara lain pengisiannya mengajukan beberapa soalan ringkas dan padat seperti meneka maksud perbilangan adat dan mengenal dialek daerah. Panorama biasa perhimpunan pagi ini mempunyai makna yang tersirat dalam menyemarakkan kesungguhan pelajar-pelajar untuk mengenali budaya bangsa. Ianya merupakan usaha yang membanggakan dan seharusnya diadakan di semua sekolah.

5.8 Kesimpulan

Perlakuan budaya dianggap penting apabila masyarakat memainkan peranan untuk menghidupkannya. Pengaruh-pengaruh tersebut akan membentuk model (golongan pemegang tradisi) yang membolehkan golongan muda memahami kehendak kelompok masyarakatnya berdasarkan budaya setempat. Sebagaimana orang Melayu meniru alam sekeliling untuk mewujudkan pola-pola estetik, begitu juga dengan perilaku budaya. Ia merupakan satu proses berterusan sekiranya ada usaha generasi muda untuk mengekalkannya. Generasi muda akan menilai perlakuan itu dan menganggapnya sebagai satu ajaran budi bak kata adat meniru pada yang ada, meneladan pada yang sudah.

Generasi muda khususnya yang masih bersekolah akan memperoleh pelbagai perspektif mengenai perkara yang diterima kerana sikap menerima maklumat ketika pembelajaran di dalam kelas banyak mempengaruhi mereka untuk menghasilkan sesuatu. Ilmu yang diterima itu akan mewujudkan pengetahuan baru yang boleh dikongsi bersama rakan sebaya dan masyarakat sekitarnya. Contohnya telah ada

dijalankan sesi percambahan minda, pertandingan dan gerakerja yang melibatkan daya kreatif pelajar mempelbagaikan bentuk-bentuk tradisional. Sistem pendidikan yang memusatkan kepada guru kini tidak lagi praktikal kerana pelajar-pelajar sudah pandai meneroka pengetahuan baru. Kini semakin bercambah pondok-pondok bacaan yang dihiasi mural menggunakan kata-kata adat dan taman lanskap bereirikan bumbung Minangkabau.

Walau pun pembelajaran di sekolah adalah punca kecerdasan pelbagai namun ilmu itu harus bermula di rumah. Dalam institusi keluarga yang ideal, generasi muda sebaiknya perlu ada kesatuan antara anak dan ibu, anak dan ayah atau saudara mara yang membatasi perhubungan dan pergaulan sesama mereka. Interaksi yang baik sesama keluarga membolehkan generasi muda menerima maklumat tidak formal dan mampu mengaplikasikan pengetahuan itu ke dalam situasi dan konteks yang baru. Antara perkara yang dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar ialah menggunakan dialek dan istilah lama yang pernah digunakan oleh nenek moyang dahulu kala. Beberapa orang pelajar pula dikesan menggunakan perbilangan adat dalam pengisian pelajaran Bahasa Melayu. Malah terdapat pelajar yang mampu bercerita, menari atau mengajuk semula puisi dengan sebutan dan intonasi yang menarik. Kebanyakan mereka yang kerap mendampingi keluarga dan jiran didapati berkebolehan dan mampu menguasainya.

Remaja tertentu memanfaatkan kedatangan gelombang siber dengan cara mereka sendiri iaitu menghasilkan laman web mengenai perbilangan adat dan sebagainya. Setakat ini sambutan kurang menggalakkan kerana masih di peringkat awal. Teknologi moden jelas mempunyai peranan penting dan dapat menyelesaikan banyak masalah dalam penyebaran kepercayaan tradisional memandangkan penggunaanya terdiri daripada remaja. Walau pun suatu hari nanti kita terpaksa menyetepikan penyebaran lisan kerana ketiadaan penyampainya, namun penyebaran berinformasi ini akan berterusan kerana jaringan kegunaannya yang tidak terhad.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 1987. *Kevenan dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Nasir. 1987. *Traditional Malay wood carving*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman bin Hj Muhammad. 1964. *Dongeng-dongeng Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Abdullah Taib. 1985. *Asas-asas antropologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Chik Mai Sarori. 1962. *Asal-usul Adat Perpatih Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Malay Press.
- Braginski V.I. 1994. *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku panduan pengayoran mikro*. 1985. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyung Adik. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gagne, R.M. 1977. *The conditions of learning*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Hanapi Dollah dan Lokman Mohd Zen (pnrt.). 1995. *Kebudayaan Melayu di ambang abad baru - Satu kumpulan makalah*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu tradisional: Satu perbincangan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Din Ali. 1957. *Sambaan cakap dan pepatah adat Melayu*. Kuala Lumpur : Economy Press.
- Mohd Taib Osman. 1974. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur : Federal Publications.

- Mohd Taib Osman. 1988. *Bunga rampai kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1991. *Pengkajian sastra rakyat bercorak cerita*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman dan Hamdan Hassan (pnvt.). 1993. *Bingkisan kemegahan untuk pendeta*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Hashim. 1992. *Teks sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Hj Salleh. 2000. *Puitika sastra Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadzan Haron. 1984. *Tradisi lisan sebagai sumber pengkajian sejarah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newbold, T.J. 1968. 'Sketch of the four Adnangcabawe states in the interior of Malacca'. dlm J.M. Moors (ed.). *Notices of Indian Archipelago and Adjacent Countries*. Singapore : 1834, cet. semula. London: Frankcass.
- Norazit Selat. 1995. *Nilai dan kepimpinan Adat Perpatih*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Norazit Selat, Ibrahim Abdullah dan Md Zeau Abu Aziz. 1990. *Negeri Sembilan dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, United Selangor Press.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Utusan Printcorp.
- Norhalim Hj Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih - perbezaan dan persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- Norhalim Ibrahim. 1996. *Negeri yang sembilan - daerah kecil pusaka adat warisan kerajaan berdaulat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Susanto, A.S. 1987. *Komunikasi, Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sweeny, Amin. 1994. *Malay world music: A celebration of oral creativity*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Umar Junus, 1986, *Ceratan si Malin Kuning*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim Wan Teh dan Ismail Hamid, 1998, *Nilai budaya masyarakat desa - kajian etnografi di Wang Keliang, Perlis*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilkinson, R.J. (selected and introduced by P. L. Burns), 1971, *Notes on Negri Sembilan (Papers on Malay Subjects)*, Kuala Lumpur/Singapore : Oxford University Press.
- Wilkinson, R.J. 1955, *A Malay-English dictionary*, Part II, London : Macmillan & Co. Ltd.
- Winstedt, R.O. 1939, History of Negri Sembilan, *Journal of the Malayan Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 12 (3), Kuala Lumpur.

LAMPIRAN A (TEMU BUAL)

1) Undang Rembau (Dato' Dr. Rani Ujang).

...Undang Rembau, asal-usul galurnya memang ado darah-darah Minang jugak. Minang ni tuan asal luak Rembau, dia ada hak mana-mana tanah kat Rembau, termasuk yang dah diusahakan oleh sesapo kek Rembau. Hal-hal ugama sunna. Undang ado hak, ado tanggungjawab supo Kadai. Disisi adat macam mana? Maso Inggoris maghin, Undang bertanggungjawab soai adar, ugama, maso tu tanah balugi macam lain ... Ni kalau dulo, maso Dato' Adnan meninggal, arwah tak do, macam marilah pelantikan Undang seterusnya, pakai undi ke, pilih ke, walis ke, kalau pilih, sapo yang putuskan pemilihan tu? Tak do pemangku, lopaih meninggal, proses ambilalih buak gilir-gilir ikut saku Dondo (Biduanda) waris. Gilir duo saku, Dondo waris Leia Maharaja dengan Dondo waris Sedia Rajo. Ambik maso sikat lantik dari turun pesoko sampai kejau, man lebih kurang sebulan, 40 harilah gosap. Tak boleh maso tu jugak? Tak manis lah lopaih kebuni. Tapi yang dilantik tu maso tu dah ado, tak pulak biar tak beganti, parah tumbuh hilang beganti. Siapo pembosar yang aruskan pelantikan di maso perantaraan ni? Jatuh tanggungjawab Datuk Purba. Haji Yahaya...Arwah Undang yang ke 20, 55 tahun macam tu arwah sandang gelaran Ye .. la, maso meninggal, Haji ada, boleh cerna macam mana istiadat nak kebuni arwah Dato', kiranya adat nak kebuni sorang-sorang Undang. Mula sekali pekara wajib, pasang langit-langit atas jenazah. Arwah bapak saya pun macam tu. Kan orang Dondo? Aih, orang Dondo saja yang pasang ni ke? Tak aih, tanyo yo. Iyo, Tiang rumah balut mo kain. Tu tak do, Ni Undang. Ye la. Kain benang omah kek bilik jenazah. Meriam tembak tujuh kali. Tujuh kali ke tujuh das? Aa.. tujuh bunyi aa...Keris ompek bilah tikam atas tanah, pedang, tombak, payung semua kno sodia lakolah. Bendera pun pasang, panji-panji pun pasang semua. Ni kat Rembau, ada beza dengan luak lain? Beza sikit, kito sini-sini ompek-ompek, misalan kek Sungai Ujung, duo-duo. Kito Rembau, Undang meninggal, lotak ataih keto dio, buak pakai balaog pinang, tigo tingkat. Usung sampai kubur? Sampai kubulah usung, jalan ataih kain putih, lotak panjang sampai tanah kubur. Maghin ado pukul-pukul canang, ado yang besedekah. Sekalian Lembago terimo yang terimo sedekah tu ikut kadar yang decma tu. Bila sebonarnya majlis lantik Undang baru dijalankan? Lopaih Undag selamat makam, muafakat panggi Orang-orang Besar, Datuk-Datuk. Tu yang 40 hari. Dah umum Undang baru, dia mesti ziarah makam Undang maghin, yang baru meninggal nih. Lopaih tu baru mengadap Yamtuan Bosar.Dulu jangan main-main status Undang, tinggi. Kuaso bosar, dalam inhak, dia paling tinggi. ikut hukum adat, Undang boleh jatuh hukum bunuh. Huh? Dengan syarat ado persetujuan sesama jemaah Adat, biasa panggi Lembago Tiang Balai. Macam penasihat jugaklah? Macam tu lah, ikut hukum adat. Petanan Undang serupo hakimlah? Serupo hakim, ikut adat, nak ringan hukum pun guno hudi bicaro Undang, *especially* hal-hal berkaitan adat, salah guno kuaso, derhake, ... Apa hukuman yang paling berat sekali? Hukum mati. buang negeri pun boleh, dulu Undang boleh jatuh hukuman sola. Sulu? Sula, sula ikut mulut, ikut leher, sini aa ... sini aa ... tapi tembus ikut urat dio ikut sini aa ... aa ... tapi tak mati. Hah? Tak mati pulak. Seksa. Katakanlah ada penasihat

Undang yang tak boto, tak jalankan kejolah? Buang kojo, pecat. Kalau dia ada harto, rampah.

2) Kata Adat (Hjh Habesah Hj Itam)

... dengan kato adat cam tu yo muleh jatuh hukum. Kiro ae ... orang nan pekonan buak undang-undang ko kanun-kanun ko apo ko, elok bonar ae ... haaa ... bekonan boto dengan kato adat nih. Pakcik ingat lae, apo ae ... nan istimewa kato adat ni, kek mamu lotak ae ... *kiek* kato adat nih? Owaik ah ... dulu tak do undang-undang sobih haaa ... orang maghin gomar budi bahso, gomar main bahso, gomar segalo nan elok-elok didongar haaa ... nak konokan kawan sobolah pun pakai bahso bungo-bungo, (*****) ..ha .. ha ..Tu nan istimewa kito, orang Noghi Sombilai, tak samo orang lain haaa ... Orang maghin semuo nak belagu, turun sawah, nangkap ikan, banting padi haaa ... (*****) ..sesamo gotong-royong buak kenduri kendara semuo nak sendiri belagu haaa ... Mungkin kek tompek lain pun, mungkin la ado jugak la main-main bahso macam ni, cunno tak *distandarkan* macam kek Noghi Sombilai, contohlah, kalau Pakcik pernah dongar lagu-lagu rakyat ko, apo-apo ae lah bentuk mentera jampi-jampi tu, kek Pantai Timurlah selalunya kan, bonde-bonde ni muleh buak khayal, jadi tak boto, duduk tak diam, macam-macamulah. Tu biasa, tompek kito ado yo haaa ... ni kato adat dalam kato adat ni ado segalo ae ... susun atoran hidup orang maghin, buleh buak contoh hidup haaa ...orang mudo macam anak-anak ni iko. Atoran diam mo jiran sobolah, mo orang kampung, sumuolah haaa ... budaya kito, ekonomi, longkap haaa ... Waa .. elok lah. Kito nan makei, kitolah nan paham ae ...

(***** melagukan dengan dialek yang kurang jelas)

3) Cerita Rakyat (Hjh Iyam Radin)

Cito Mak Lang kat maghin (kelmarin atau dahulu kala). Tipu dia, tipulah den. Cito ikan. Bosa kecil? Dongar la ... Otaiit...ikan apo? Ikan-ikan kek tompek masing-masinglah. Ikan duyung, tak pun ikan dugong...ikan air tawar? Yolah. Apo nan hangang na ni!...Ikan dalam sawah kek jajahan suku masing-masing. Yolah ikan air tawa. Mamu suku ontah. Ontah manjang. Mak Lang tak ngatokao? Doyan (den atau saya) nan tak ingat. Hah! Apo ae... sobonar ae... cito air. Apo ni cik, kojap ikan kojap air. Supolah ikao idup dalam air... ha..ha...Ni nak cito ko nak konokan den?..Kau sensitip bona. Maghiin ... sesamo tak do air, bukan tak do langsung la, kurang la...sawun...orang Pilah ngatoken tompek esei banyak na ikan. Maghin ado sawah kek Pilah???...Jara (sekarang) dah koghing, tak do basawah lae. Yolah, pokan ae ... macam pokan koboi, jam ni poci (pergi) dah ado *Kentucky*! Sambung, sambung. Samu banyak ikaulah. Nak naghek (menganibil) air kek sawah nun, dapek ikan. Banyak na ikan, kuak air nampak ikan, kuak air nampak ikan, kuak air nampak ikan. Banyak ae...Jawab dek orang Rembau pulak, tompek den lae banyak ikan. Cam mamu banyak ao? Kuak ikan baru nampak air? ha..ha.. tapi kan..den dah dongar dah cito ni!..sapo nan citokan? Cik lah. Yolah...lupa ae...

4) Budaya Benda (Hj Hamzah Katik)

Lang, apolah nan sodap ae..main gabano nih! Apo lak? Tak aeh, ni bunyi ae ... macam apo yo. tohra, tohm, tak merdu dan sesodap kompang! Aeh .. kau apo tau ..Sobab den tak tau la den kutuk nih! Den lemah bote la dengar bunyi gabano kek tompek kenduri, kalau kompang sodap sikit, belaguuu...yo. ni nam lohih sekalian telinga kalau gabano bebunyi malam-malam, macam panggil polong! Momang tak sodap, sesapo nan paham yo, goma gabano, lyolah, den tak goma cam mano lak den nak cakap sodap. La hai..nan sodap kek belagu ae.. Lagu tu biasalah. Selawat, puji-puji namo Tuhan, belagu buai budak,..kau apo nan tau ae.. orang muda tau betandak (menari) yo...Tapi kan Lang, kalau kito ni orang Rombau tak muleh kutuk-kutuk gabano ni, dia punyo tompek asa! ae ..sini, tau pulak kau. Tau tu sobab ado dia orang botakkan *cement-ferro* gabano kek pakan Rombau. Dari Senawang kek Sungai Gadut pun ado sebiji lae, identitilah tu, lyolah, tompek kin tak do. Kau poei lah Kelampa, Kelantan, Johor .. sumo pakai kompang. Tak do pakai gabano. Alah Lang oi, kek sautu mungkin pakai benda lain pulak nan kito tak tau, tak pernah tengok. Lang tau nobar? Aa..aa.. diam, tu tak tau tu! ego tak nak ngaku! Tau. Kalau tau kek mano orang main nobat. ha..jawab la.. Aa..malah, kek Kodahlah!, gamak ae.. main nobat maso nak betandang raja-raja, ni gabano maso kenduri yo? Ae..lantik Undang, majlis-majlis lain, kawin, cukor, sambut-sambut orang bosa .. apo-apolah ..pakai gabano. Itu hari kenduri kek Bahau, ada main pusing-pusing piring pakai litin. Tarian piring. Ado yo main gabano, tapi kojap yo. maso intro, lopaila tu main kompanglah, lama main kompang. Tak eh, dia belawan mo pengantin tino, sanan main kompang, kito main gabano. Tapi kan, yang main gabano, tuo-tuo lako. Yang main tarian piring pun orang tua yo, lelaki. Hah! Orang muda ni malaih. Sohonar ae. tak pandai belagu. Mulu satu hai. Main-main ni mesti orang lelaki? Tak eh, orang tino manolah knak bagondang. Tapi orang tino bezanji, tak kicklah, suara tak power, tak lantang macam orang lelaki. Sapo-sapo pun muleh. Gabano ni buek dari leutit kobau? Susah tak buek ae? Kulit lembu, belulang, disalai, siek, bakor, kikihlah, macam-macam peringkat. Kobau banyak, tak pakai kulit kobau? Lain bunyi ae...Agak ae .. bunyi macam drum ko, sapo nan tau kan? Ha .. ha..Tu Udin anak Kak Limbong kibr buek gabano lae? Tak lae.. dah koje kilang Nestle. Lah, sapo lak nan anuk alih dia? Tak do lah, bolilah, ado jual kek Melako. Tak do langsung Udin tu buukkan? Rugi la kalau dia tak teruskan bakat dia, bukan senang nak dapat ilmu cam tu.

5) Adar Perpatih (Sjn (B) Ahmad Awang)

Sekelonya kita yang memperingatkan sesama sendiri, semua golongan, tua muda kaya raya sebolehnya patut rasa ada tanggungjawab sebab ini budaya kita, siapa lagi yang nak menanggungnya, kita orang Melayu memang terikat dengan tradisi dan budaya tak kira dalam apa pun kerja yang diunggih (dibuat/dikarajakan), makanan-minum pun ada budayanya. Berkembangnya psikologi pun asalnya dari pencapaian budaya juga. Tanpa budaya tenggelam bumi hukan *setakat* tak ada ekonomi saja. Kerja cikgu ke atau sesiapa saja yang banyak masa berbubung dengan anak-anak muda, memang wajarlah untuk capai tanggungjawab dan pikul tugas ni. Bukan nak letak sepenuhnya tugas pada cikgu, tapi kita ambil jalan mudahlah, siapa paling dekat

dengan budak-budak muda kalau tak dari sekolahnya lagi. Lagi pun cikgu lah yang sarat dengan ilmu. Caranya kenalah kita mulakan, melagukan selalu, jangan segan, seperti mencelakikan ketika perhimpunan pagi di sekolah selepas nyanyian wajib. Budak-budak tengok kita buat, InsyaAllah dia taw, buat apa pun dia muka taw, guru buat yang elok, dia ikut yang elok. Cikgu tak paham pantun, memang patut budak-budak tu kecilkan *standard* cikgu. Cakap depan perhimpunan mingguan, tak apa kalau sekejap, seminit dua pun dah cukup. Cikgu baca pantun empat kerat guna loghat Minang, budak-budak tekojut, diam punya. Sebenarnya, cikgu dia ada bakat. Tu kena nyuk, jangan segan. Biar budak-budak kita dapat dengar, supaya dia tahu ini budaya asal emak bapak dia orang. Orang Melayu. Ataupun kita buatlah pendekatan lain yang mereka suka seperti lawan kuiz, bagilah coldat ke, gula-gelu ke, tu budak-budak lagi suka. Buat tazkirah untuk kenalkan adat ini. Pendek pun cukup, budak-budak senang ingat sebab yang pendek tu yang hubungkan yang panjang, akhirnya jadi pengalamantah pada budak-budak muda. Kita dulu pun macam tu jugalah, cikgu pendek selalu bezanji, sambil tu selit jugaklah cerita-cerita orang Melayu jadi askar, menentang penjajah. Kita naik semangat, ni semua tentangnya nak tanam semangat jati diri orang muda, biar rasa bangga dengan bangsa sendiri. Cintakan budaya sendiri. Usahalah, jangan cari alasan budak-budak ni tak minat. Kita mula dulu. Cuba cari jalan kalau sehari hilang, sehari dicari, kata orang sakit diubat, luka ditasak, lama-lama eloklah tu. Budak-budak ni pun samalah, selalu kita dedahkan pada dia, InsyaAllah, jadi biasalah pada mereka.

6) Generasi Muda dan Adat Perpatih I (Nursheerika Shafa'ainas Safarudin)

Bukan tak pandai nak komen, cikgu, tapi kan takut tak betul, malu saya. Tak mintak pendapat susah-susah, ni nak tau sejauh mana *you* punya *knowledge* tentang Adat Perpatih, cuba cerita apa-apa saja yang *you* ingat tentang adat ni, apa-apa je. Hm.. yang saya tau sangat-sangat asal dari Minangkabau. OK, kat mana Minangkabau? Alaa ..cikguuu. Eh, jawab le, ni soalan Geografi ni. Hm..kat ..kat Sumatera. OK lah, cerita sikit apa yang *you* tau tentang Adat Perpatih. Hm..cikgu, kalau tak betul jangan marah. ye. Eh, apa nak marah, ni saya yang mintak tolong *you*. Hm..ada satu yang saya rasa setuju lah. Apa dia? Diorang punya konsep gotong-royong, kerjasama ..Lainlah, yang itu Haikal dah jawab. Alaa .. cikguuu, hm.. yang konsep undang-undang dia, boleh digunakan oleh orang-orang dulu sebagai *cerit* .. undang-undang diranglah, betul tak, cikgu? Cerita je lah, saya dengar ni, lagi? Lagii ..*cerit* ..saya setuju lah kalau Adat Perpatih ni diwujudkan balik. Kenapa? Kusi *reason?* Ye la cikgu, sekarang *problem*, polarisasi kaum kat Malaysia, kalau kita amik konsep buat apa-apa bersama-sama, macam gotong-royong, ana ... sepakat bersamalah, *sure* OK cikgu, mesti tak de *war on Iraq* kalau kita sama-sama setuju sepakat. Heh, *you* dah pegi jauh. Alaa .. cikgu *sample* kan? OK, kalau gitu kan kita ada sekolah wawasan seluruh negara? Saya rasa tak boleh jugak cikgu, kan orang Cina tu *fight* nak balik sekolah aliran diorang, kena cari jalan lain, cikgu. Haa.. pendai *you*. Alaa.. tengok TVish, cikgu. OK, macam mana kita nak terapkan Adat Perpatih di sekolah pulak? Cikgu-cikgu semua ajarlah, macam kita buat tazkirah

pagi-pagi tu you boleh. Kita boleh pakai pendapat you ni, cadangkanlah kat BADAR (Badan Amal Murni), tentu Ustaz Mad Shah setuju. Tadi you cakap undang-undang adat, cuba beri pendapat you tentang undang-undang yang you rasa boleh dikekalkan? Undang-undang tentang adat yang kat Negeri Sembilanlah. Kenapa? Ye la, cikgu, walaupun kitorang tak paham tapi kenalah kekalkan. nanti kita langsung tak tau. Macam kitorang sekolah tak pe, boleh baca buku Sejarah ke, masuk *library* ke, habis kalau kitorang lepas sekolah, banyak benda nak pikir, tak ingat lagi adat-adat ni. You tau adat ni, kasi dua tiga contoh. Hmm ... ni lah, macam gotong-royong, bekerjasama. Eaa ... sebutlah yang lain, jelak saya dengar, banyak lagi adat-istiadat kat Negeri Sembilan nih! Hmm ... macam pelantikan Undang ke, err ... macamam ... adar-adar masa nak kawin, semualah cikgu, tapi undang-undang adat yang macam potong tangan, macam hudud tu kitorang tak nak, tak sesuai. Hman ... you tak pandai sangat. tapi OK lah you takut kalau langgar adat macam hukumann salah? Tak le, cikgu, tapi kan elok lah kita amik tau jugak sebab ni kan budaya kita, kan cikgu, pandaikan saya kan, cikgu? Ye lah, betullah tu. Agaknya you setuju kalau hukum adat dikekalkan? Tak jugaklah cikgu, ikut modenisesilah cikgu, ada adat yang dah lama-lama *season* ni tak sesuai la untuk digunakan pelaksanaan sekarang cikgu. Kenapa? Ye lah, diketawakan dek orang luar, diaorang ingot negara kita nanti tempat pancung, tempat potong tangan, tempat sula, nanti takut orang nak datang, terjejas pelancongan, habis ekonomi negara, cikgu. Wah! You fikir jauh, kreatiflah. Sayelali, cikgu, serinukasih ... eee ... cikgu bayangkanlah kena sula, cikgu, MasyaAllah, jangan lah. Oo ... tau jugak takut you, tadi cakap tak tau adat. Biasa la, sikit-sikit boleh la, cikgu saya ada kelas Bio (Biologi), lewat 7 minit la. Eh, *sorry*, seronok sembang sampai tak perasan, *anyway* terima kasih lah, kitaanya you masuk dalam kategori remaja yang ada inisiatif untuk ambik tau adat dan budaya kita.

30) Generasi Muda Adat Perpatih V (Saifuddin Nawwar Hj Basri)

Denger pun tidak, cikgu. You tak pernah dengar langsung Adat Perpatih? Sikit-sikit dari Cikgu Anisah (guru Sejarah) ke, dari *parent* you atau mana-mana sumber you terhasa, takkan tak de langsung? Ada la sikit, cikgu. Hah, ada jugaklah, kita pernah ambik tau jugaklah. He..he...gitu-gitu aje. Apa gitu-gitu? Baca sekali pandang je. Kat mana baca? *Library*. Buku apa, ingat tajuk? Hmm...macam cerita-cerita lama tu, bahagian *red spot*. Oo...agak cerita rakyat Negeri Sembilanlah tu. Lebih kurang macam tu lah, cikgu, tapi jangan mintak saya ceritakan balik. Tak, ni saya nak tau sejauh mana you faham tentang Adat Perpatih ni Haikal? Ai, jawab le, saya tanya. Gotong-royong, kerjasama, hidup harmoni. Lain? Perbilangan adat you tau ke tidak? Tak perasan. Tak perasan ke tak nak ambik tau? Malah la bab-bab Sejarah ni, cikgu. You ujian pengesanan Januari berapa markah Sejarah? *Failed* la cikgu. Ha..la.. patut la! You pernah dengar orang sebut perbilangan adat? Tak tau, 'tumbak' je lah, agak-agak lebih kurang, saya bukan nak marah kalau salah, Haikal oi ... Saya rasa dia macam panahan jugaklah, cikgu. Aaa ... OK, betul. Lagi, bentuk perbilangan adat ni, macam mana, bagi contoh satu yang mudah-mudah, yang biasa you dengar. Mati anak ... eh, biar mati anak, jangan mati adat. OK, lagi? Err ... dimana bumi dipijak, disitu langit dijunjung. OK, lagi? Putih tumbuh hitam beganti. Sebutlah yang bunyi Minang sikit. Aaaa ... Rujuk n selat

31) Generasi Muda Adat Perpatih VI (Mohd Asyraf Entan)

You (Asyraf) tau sistem sosial masyarakat Negeri Sembilan, Minangkabau dan hubungannya dengan kita? Tau lebih kurang, jangan *interview* banyak-banyak, cikgu. OK, cuba jawablah lebih kurang, ikut apa yang you pahami. Saya tau masyarakat asal sini, Minangkabau tapi ikut cerita cikgu Anisah, orang Minangkabau datang kerana ada perselisihan dengan komuniti mereka di sana. Di sana tu di mana?. Di Sumatera la cikgu. OK. Lepas tu dicarang datang lah ke Negeri Sembilan, ketua orang Minangkabau ni kawin sama penduduk asal di sini, sebab tu lah jadi keturunan Minang banyak ket sini, sekian terima kasih. Mana you dapat sumber? Buku siri cerita rakyat kat library ada, cikgu. OK you tau Adat Perpatih? Tau, adat tu dibawa oleh orang Minang tu. You tau macam mana cara diturunkan adat-adat ni? Belajarlah dari orang dulu sebab ni orang dulu yang reka. Hmum ... tak betul tu, Adat Perpatih diturunkan dalam bentuk lisan. Haaa... saya ingat sikit, kitorang ada belajar sumber-sumber sejarah, *first* secara lisan, *second*, secara arkeologi, *third*, kajian saintifik. Kita fokus kajian sejarah dalam bentuk lisan, antaranya perbilangan adat atau kata-kata adat yang digunakan dan dijadikan sistem, aturan hidup individu dan masyarakat. Banyak yang diturunkan secara lisan ni lagi antaranya terombo, tesasul dan lain-lain jenis puisi Melayu termasuklah jampi-jampi mantera tu, semua tu guna lisan, so apa yang you tau tentang perbilangan adat ni? Perbilangan adat ni nak kata pantun tak juga, nak kata puisi pun lebih kurang, macam tu lah, saya tak pandaaai, cikgu. OK, you boleh jawab jugaklah.

32) Generasi Muda Adat Perpatih VII (Mohd Safran Rabie)

Pada pendapat *you all*, kenapa remaja macam *you* kurang ada perasaan ingin tau tentang budaya hidup masyarakat Negeri Sembilan dahulu terutama jika kalau sebut Adat Perpatih? Kitorang tak minat Sejarahlah, cikgu. < boring, kalau masuk je Cikgu Siti Awe, sure kitorang lolap abih punye > *you* ni tak de bende lain, nak kutuk cikgu-cikgu je. Uduh *boring* giler macam mane lak? < masalahnya, cikgu Siti Awe tak pandai mengajar, tak *havoc* macam cikgu Anisah > banyak cantik, ingat mengajar Sejarah ni senang ke. Ni saya tanya boleh *you all* jawab, tak pandai pun tembaklah, mana tau, boleh saya buat kajian tahap pengetahuan *you all*. < cikgu nak tanya adat perpatih ke? Ooii... saya *surrender* dululah. Nak gi *toilet* jap > heh! duduk sini, jangan buat alasan, buat macam biasa, saya tanya *you* jawab, tak tau tak pe, saya tak rugi, tak bayar satu sen pun kat *you all*. Sorry la, cikgu ... tolonglah!

33) Perlantikan Undang Rembau (Hj Mustafa Dolah)

Haji boleh ceritakan macam mana pelantikan atau adat nak lantik Undang ni ikut pengalaman Haji selama hayat Dato' Adnan. Mana dulu nak mula? Cerita Undang dululah, macam mana kriteria dia dilantik, tu penting tu. Kalan kira Undang Rembau, asal-usul gaformya mesti kaum pendatang Minang jugak, tuun asal luak Rembau. Jadi dia ada hak atas sebarang tanah yang diusahakan oleh sapa-sapa saja di daerah ni. Hal-hal ugama semua, Undang ada hak, dia ada tanggungjawab macam Kadhi. Di

sisi adat macam mana? Masa inggeng dulu Undang bertanggungjawab soal ugama dengan adat. Tanah bahagi macam lain. Saya nak Haji cerita yang masa lentik Undang saja sebab kot Haji nak pegi ke lain! Nak tau apa? Ni, kalau dulu Undang Dato' Adnan la contohnya, arwah tak do, lepas tu macam mana cara dia, prosedur dia, kena tunggu undian ke nak lantik-lantik atau pakai pilih saja? Tak ada pemangku, selepas meninggal, proses ambilalih dibuat bergilir ikut suku Biduanda waris. Mesti suku Biduanda? Gilir dua suku, Biduanda waris Lela Maharaja dengan Biduanda waris Sedia Raja. Ambik masa sikit buat istiadat lantik Undang haru, lebih kurang sebulan, 40 hari lah genap. Tak boleh masa tu jugak? Tak manislah, jam lepas kebuni! Siapa yang uruskan semua urusan calon pusaka diperantaraan tu? Tanggungjawab Datuk Purba, Haji Yahaya, Dato' Adnan sakit lama? Lama jugak. Saya ada dengar mak saya bagitau arwah kat HKI, masa tu saya kat Selayang Bharu 4 tahun. Tak pandai la nak ziarah. Bilik dia elok, VIP, bukan celang orang boleh masuk. Ingat tarikh dia, Haji? Bulan 9, dekat 5 tahun dah. Arwah Undang yang ke-20-35 tahun macam tu arwah sedang. Ye la...masa meninggal, Haji ada, cerita sikit tatacara, adat nak kuburkan seseorang Undang. Mula-mula pekara wajib, pasang langit-langit atas jenazah. Arwah bapak saya macam tu. Bapak kau orang Dendo? Iyo. Tiang rumah bahu dengan kain. Tu tak do. Kain heang emas kat bilik jenazah, meriam tembak tujuh kali. Tujuh kali ke tujuh das? Tujuh kali bunyi. Keris empat bilah tikam dalam tanah, pedang, tumbak, payang semua kenu sedia belaka. Bendera pun pasang, paaji-paaji pun pasang semua. Sama tak dengan luak lain? Beza sikit. Macam kita sini empat-empat, Sungai Ujung dua-dua. Rembau, Undang meninggal letak atas kereta dia, buat pakai batang pisang, tiga tingkat. Tak usung sampai kubur? Sampai kubur lah usung, jalan atas kain putih, letak panjang sampai tanah kubur. Dulu ada pukul-pukul cawang, ada yang bersedekah. Sekalian Lembago terima sedekah ikut kadar. Setepas Undang diarak, baru muatakat panggil Orang-orang Besar, Datuk-Darik. Tu yang 40 hari. Masa urusan Undang haru, dia mesti ziarah makam Undang yang sebelum tu. Lepas tu mengadap Yau-tuan Besar.

Apa gelaran Dato' Sharif sebelum naik Undang? Datuk Syahbandar, penyandang pusaka suku Biduanda waris Lela Maharaja. Arwah Dato' Adnan suku Biduanda waris Sedia Raja. Menyandang Undang ikut giliran suku. Dikerjan sebagai Undang Luak Rembau bulan 12 di Sepri. Kira rasminlah tu? Bulan dua tahun depan tu Undang pegi menyalang di Seri Menanti, penuh adat semualah. Masa pengisytiharan apa yang dihuat, sambutan dia, contohnya tembak meriam berapa kali, lain-lain? Tembak sembilan kali (das). Askar Melayu tembak. Lepas tu rafaq sembah kat Undang haru. Ramailah yang datang Orang Besar Undang, Dato'-dato' Lembago, buapak, tetamu kehormat lain, rakyat tak kiralah banyaknya. Nun penuh, waktu nak kerjan (istiadat masyhur atau mengisytihar secara adat) di Kampung Sepri dulu ramai orang, iyolah, kampung kita lantik Undang. Apa beza Dato' Lembago dengan Lembago Tiang Balai? Lembago ketua suku, bila dia kawin, dia tinggal rumah kawin dia. Semasa nak dijemput dia ke rumah kawannya tu, diuattalah kenduri, adat, sekurang-kurangnya sembilan kambing. Lembago ada kuasa di tempat isteri? Tak juga, tak boleh mengeluarkan kuasa, kecuali kalau dimintak bincang, bolehlah dia beri pendapat. Tanggungjawab jatuh sebelah suku kuwan dia.

34) Gotong – royong di Kampung (Pu Na'izah Wahab)

Sampai sekarang saya tak nampak orang kita pakai *caterer* bila nak kenduri-kendara, masih pakai gotong-royong baik kenduri kecik ke besar ke, baguslah. Kekadang tepikir jugak, orang-orang tuo yang nolong ni, ringan tulang. Saya nampak macam ni lah, yang tuo tu, jadi *memor*, bali, varok rampah, tumih-tumih, tarik in-tarik ini, yang buak sumbu yang lapis-lapis mudo, pangkat-pangkat anak menanti, cucu-cicit pulak tolong betateng (mengangkat hidangan dan melayan tetamu). Betal la, ada *cycle*, kafeu tak, adat gotong-royong berenti sampai generasi tuo-tuo ni ajelah. *Respect* kat orang tuo kito nih, boleh join dengan orang muda macam kito. Sekali tu saya balik kampung Nizam, orang tuo tak kasi orang mudo masak-masak ni. Basuh pinggan aje *standard* budak-budak sanun. Satu pekara saya nampak lae, baik omak saya ke sesapo ke, bila maso kenduri dia pakai barang dia sendiri, macam pinggan mangkuk semua tu, banyak. Barang-barang tu tuam punya dia si induk rumah tu lah, dia dah bahagi-bahagi seruta anak menantu bila meninggal esok senang tak berehni. Iyolah, omak saya pun dah asing-asingkan dah barang-barang dapur untuk kitorang, yang tinggal jauh dah pun bawa simpan, elok omak bahagi, sama banyak, termasuklah barang kemas dia. Uih! barang kemas put dah bagi dah? Iyolah, omak cakap dia dah tua, tak elok pakai barang-barang nih. Abah saya sebelum meninggal maghin dah asing-asing kain baju dia, kasi anak menantu, tapi sekarang sorang pun tak pakai baju arwah. Apasal? Apo tak ae ... semua jubah petak-petak 'made in Mecca'! ... Haini ... ni dulu kat surau kito nih, sunyi sepi, tak de sapo datang, kecuali maso hantai (kenduri sehari sebelum bulan Ramadan atau sehari sebelum menyambut Hari Raya, biasanya akan disambelih kerbau), manud Nabi, macam tu jelah. Sekarang dah ramai, hari-hari ni Hanzah samo Esuh pakat-pakat panggil semua hidup balik surau tu, Pidaus (YB Dato' Pirdaus, ADUN) kasi sepuluh ribu haik pulih surau, tu yang ramai balik surau tuh. Ooo ... patut nampak hant. Tiap malam Jumaat aen haco Yaasin, makan-makan sikit, pagi esok semayang sunat Sejadah. Elok lah macam tu. Balik pada konsep Islam lah, surau jadi tempak bermasyarakat. Yo la, soka hati saya tengok, nampak aktiviti orang tuo yang tak larat nak ke masjid. Untung sini, rumah dekat-dekat jugak, setengah kampung rumah orang tu sini, rumah orang tu nunun jauh. Tak deplek lah nak selalu kumpul macam kat surau kito nih, Apa-apa pun yang rugi banyak, kitalah. Iyolah, sekali dua yo nampak kat suraul

35) Penduduk Asal Rembau (Mohd Isa Noh)

... Cikgu Mat isa tau sikit asal penduduk Rembau? Tau la, lebih kurang, tapi bagi tau hal-hal adat ni tak berasilah, sejarah dia insyaAllah. Kalau U nak tau lebih, saya ada buka dia, tulisan Jawilah, U boleh bacalah. Tak pe la. Saja nak tau sejarah dia sikit-sikitlah ni. Ni, Cikgu agak betul ke asal penduduk Rembau ni... campur-campur Jawa ada, Jakun ada, Minang pun ada... Semua fakta sejarah tu ada hemunya, awal abad 16 orang Minangkabau datang Rembau berdagang dan buka kawasan sekali. Sebelum datang Minangkabau, kat Rembau dah wujud orang bukit (puak asli). Dalam tulisan-tulisan lama kajian Winstedt, Newbold dikatakan orang asli serupa Sakai, Jakun. Dalam beberapa perhilangan yang dikutip dikias puak asli ni umpama 'gagak senoi'. Amboi.. sampai bati dia orang. Tak pe, sejarah dulu-dulu. Sorang pemimpin Minang kawin dengan orang bukit ni? Tu yang mula ketiruman. Mana tempat pertama pedagang Minang tu mendarat? Rembaulah. Bukankah dalam beberapa catitan

sejarah, ada cerita Hayam Wuruk dulu yang sampai? Zaman tu belum jelas kedudukan Rembau, mungkin dah ditemui tempat ni tapi namanya belum maktub lagi. Dulu dipanggil 'Perabu' ikut bahasa Jawa campur Sanskrit. Mena dia? Macam orang besar-besar. Dalam sejarah *Nagarakertagama* pun tak dijelaskan kewujudan Rembau. Rembau ni termasuk dalam jajahan Melaka sebab peluasan kuasa Melaka menjangkau Negeri Sembilan masa tu. Dulu Kelang masuk dalam Negeri Sembilan? Ada peta dia. Dalam *Sejarah Melayu* tak disebutkan dengan jelas keadaan Rembau tapi ada nama daerah disebutkan. Memang wujud pun sekarang. Antaranya? Kundur. Apasal Kundur. Kota. Timpin tak pulak? Orang Kundur antara pandai tukang yang buat istana sultan Melaka, Mansur Syah, lebih kurang tahun 1500. Dah ada orang buat *research* tentang hal ni tak? Ada. Nafizah pun buat tentang estetica istana raja-raja Melaka. Mana dia punya sumber? *Sejarah Melayu*. U boleh jumpa dia sebab kerajaan Melayu Melaka dan persejajahan Negeri Sembilan ni ada saling kaitan. OK. Buktikan Kundur tu nama pulau dekat Sumatera nun, macam mana boleh ada sampai sini? Tu orang Minangkabau yang datang, dia namakan tempat asal dia orang ketika buka tanah di Rembau, sebab tu ada sikit-sikit persamaan nama tempat di Sumatera, pulau-pulau dia dengan tempat-tempat kat Rembau nih. Kiranya logiklah orang Minangkabau yang bertandang sini dulu, ye? Kira boleh pakailah?...Tapi orang tua saya tak nak ngaku betuliah. Agak U tuaya masa *mood* dia orang tengah tak baik!...ye lah masa tu penjen belum keluar!...

Agak-agak ramai tak penduduk Rembau zaman kerajaan Melayu Melaka dulu? Kawasan tujuan penduduk Linggilah, kawasan-kawasan dekat-dekat Melaka macam Penajis ada, Lubuk China ada, ...Sungai Ujung jauh kan? Penadbiran dia asing. Balik pada asal penduduk tadi, dah jelas orang asiliah penduduk asal ni? Kemudian Jakun, sekarang sobat Jakun, tak do nak ngaku, sebab dah biasa digelar Biduanda. Asalnya Jakun? Asalnya Jakun, peluk Islam, dipanggil Biduanda, salah satu suku yang ada sekarang ni. Memang di Rembaulah asal ae? Berseieraklah, perihum. Bila pulak Raja Melawar sampai? Tahun 1720 macam tu. Orang Minang ni antara yang jadi Undang? Keterunan dia, tapi bila nak Undang dia orang ada gelaran, Dato' Sedie Raja, asal tu suku Biduanda waris Jawa. Ada beza? Biduanda waris saja yang layak...

36) Merantau (Muhd Isa Noh)

Cikgu memang asal Kundor? Tak jugak, asal Senamo. Kawan den Kundor. Oo, kira merantau jugaklah nih!, Tak. Den nikah, kawan den ajak balik sini, tak do orang sini, mak dia dah tak do. Tengok-tengokkan tanah. Kira baru lagi cikgu kat Kundor? Agak ae dah dekat 37 tahun dah. Omak ae lama la jugak. Sebelum ni cikgu kat Senamo? Pilah ade kat Terachi, 6 tahun kat Kayu Ara. Ngajar situ? Yo, tanah pun holi situ. Kau mano tinggal ae? Supri. Uwah, elok dah tempek tu, sejak Haji Sarip naik Undang, jalan cantik, dah ade kompleks pertanian. Aa ah, PM pun selalu datang kat Kem Bimo, lebar jalan masuk situ. Kau kumpung mana? Air Sekapas. Hah! Situ pun dah bosa jalan. Aa ah, masa Sothinaftan nak tanding dulu. Untung kau diam (menetap) sanun. Aa ah ungu banyak, taik knan pun cukup 'mewah'!...

Tadi nak tau apo tu? Tradisi merantau di kalangan orang lelaki di Negeri Sembilan nih kira fokus kat Rembau lah. Tuu... semua orang merantau, cari pengalaman, cari rezeki lahih, cari apo-apo nan dia kira boleh bangkit rasa lelaki dialah. Bunyinya semacam je! Apo la fikir ke situ! Tak ae.. dalam cerita orang Melayu, drama-drama Melayu dulu pun orang lelaki pun merantau jugak, cari ilmu. Iyolah, jam ni keluar macam tu yo, cari serba-serbi, nak harap kat kampung, apo sangatlah nan ado. Ikut konsep sekarang, sesaon pun merantau yo. Tak ae, ni merantau ikut konsep adat Perpatih nih. Saya nak buek kajian sikit lah hal adat ni.

Kira macam nilah, ikut adat ni, sesapo pun baik nang jaantan ke tino ko, semua mesti ado tigo sifat, mesti scimbang dalam diri. Kujap ae saya nak tulih, Heh! Balik tulihlah. Saja nak senang peringat kat diri sendiri. Apo ae, cikgu?. Beragamo, berado datu ae berilmu pengetahuan. Apo kaitan dengan tradisi merantau nih? Kujaplah. Ni semua kira ae pelengkap individu, tahap pemimpin pulak mesti ado tigo. Tigo jugak. Ulama, golongan...kira golongan-golongan lah ni...golongan ae..beradat, sato (ae golongan berilmu, intelek. Macam saya? Iyolah. Semua individu masing-masing cerdik akal ikut lapangan masing-masing. Yang cerdik, celik akal tu jadi tompek rukuk, jadi guru, tompek berguru. Tak berakal, tenggelam bumi. Apa maksud tu? Kira lagi tinggi nilai darjat orang tu kalau ilmu dia tinggi. Macam tu lebih koranglah, banyak paham ae

Macam tu yo. Macam tu, macam tu, ... macam mane? Iyolah sebah istimewa tanah, rumah, ado sawah, ladang, kobun .. pada orang pompuan, lelaki tergaksalah merantau. Tangkap syu pulak, nasiblah seorang lelaki di tanah adati! Eh jangan cakap macam ni, lelaki ke luar daerah adalah lelaki sejatilah katokan. Sebab ae dia tak harapkan tanah. Status dia 'anak dagung', orang dulu-dulu merantau cari rezeki. Mucun Nordin Ahmad! Dah totapkan tompek nang dituju tu? Eh! Terpulang, carilah mana nang suai, cari omak ayah angkat, senang minta tolong kemudian hari. Kena jalan jauh-jauh? Jauh tu tak boleh agaklah, kiranya 'keluar' dari kawasan Adat Perpatihlah. Kalau merantau kampung sendiri dipanggil 'merantau belakang dapur'. Aa...ah...saya ada pernah dengar macam ni. Tu agaknya orang lama kat kampung saya tu cakap macam tu, ada sekali pernah dengar, handal lah orang na, dalam gurau-gurau pun selit-selit konsep jugak, ye? Orang beradat, cakap pun beradat lah. Ni, kalau merantau terus tak balik-balik, macam mana nih cikgu? Dia dah jumpa kawus samun, berumstangga, dianggap 'beranah air' sanutlah. Tak do sapo oak halang, tak do hukum-hukum. Ramai yang macam tu. Mesti orang bujang-hijang ko yang merantau-merantau nih? Habih, kalau tuo dah kocot, macam manao pulak?!...he...he...Rezeki yang dia orang dapat tu, kasi mak bapak kandung ko kasi mak bapak angkat dia orang? Pandai-pandailah. Sebaiknya beri mak ayah kandunglah sebab itu fitrah anak lelaki, tanggungjawab dia tolong mak ayah akhir hayatlah. Katakanlah, dia balik semula kampung dalam keadaan 'tertewas', tak do rezeki dia bawa balik, mana tau kot *accident* ke, dihempap dek kelapa, patah kaki... Tu lelu hal, yang pokoknya, balik mesti hutar cincin ko, baju baru beri mak ayah. Ni, dulu ayah saya merantau lain poson, jadi polis Singapura, kira macam mana pulak? Sama yo...masuk prebet, tentulah jadi kopral pulak, sarjan, tambaldah rezeki tu.

OK, sekarang, mungkin, ada pendapat orang, merantau tu dibuat mungkin kerana bergaduh sikit, selisih paham sesama *family*, apa pendapat cikgu sebab ada

konsep orang muda bawa diri tak nganu dengan *family*? Pokoknya punca merantau ikut adat ni, cari rezeki, tambah harta pusaka, jangan bawa-bawa sebab lain. Cikgu, tu tak mukum tu banyak pulak tanah dia macam mana pulak? Tu orang politik, tak masuk oesit! Kenupalah agaknya tak diberi tanah pada orang lelaki? Rasionalnya, pompuan tu lomah Tolong orang pompuan, nanti mati kawan dia, lan kawan dia, adolah tompok nak hegantung ekonomi. Sebab ni tak do dalam berita TV jando-jando di Negeri Sembilan hidup tak senegheh! Tak perasan! Ni cikgu, orang luar pandang situ kalau sobut yo lelaki dari nogori! Hah! Tak dolah hah. Ada sikit-sikit tu mesti bedetik jugaklah! Agaknya, tu lelaki di nogori cari kawan orang luar, kat kampung saya pun, tak do lelaki nang kawin samo nogori. Aazii...tu selera masing-masinglah. Sebonar tak dolah tinggi darjat pompuan tu, samo yo tinggi dengan lelaki, cuma kito beradat, beralah pada pompuan sikit. Lelaki ni tempaan 'pipit jantan tak bersarang', campak mana pun boleh yo. Orang pompuan kalau kono tinggi dek kuwan ee, mana nak tinggal kalau tak do rumah? Nak tido surau? Tak elok bona. Orang lelaki muleh yo tido tepi jalan muleh, tido surau muleh, tapi jam ni tak dolah sampai tak belapik tido. Orang lelaki lagi rajin buat duit, kereta bosu. Dulu yo, kono banung telang ompek korat ni lah. Tulah agaknya, rumah kat Negeri Sembilan ni banyak nan tinggal (kosong). Agaknya kawan ae mati, dia takut, bali duduk rumah mak dia, bapak dia ke, kan? Itu hari ado Menteri Pertanian, Dato' Apendi datang Sepri nak majukan balik tanah-tanah terbiar ni, untung ae nan penantu tu lali, orang pompuan. Abih tu kalau orang pompuan tu buek onar, macammana lak? Tak do hukum-hukum. Eh! Pandai-pandai lah jago nano ae..kalau buek nan tak boto, malu satu suku, satu keturunan. Luu... mak ai, bosu tanggungjawab pompuan di tanah adat! Sekarang ni sistem tanah-tanah ni kalau nak di ngih pada anak-anak mesti kono rujuk Pejabat Dueruh juga, tak mesti pakai adat selamanya? Tak boleh macam tu, nan salah sekarang cara bahagi tanah tu. Mesti ikut adat, kelak tak hegagak sesama sedaro. Sikit, pun sikitlah, bahagi sama rata. Ada yang agih tak betul? Ada. Contoh, jual kat orang lain suka, tanah adat tak boleh jual, pesoko. Abih kalau orang tu tak do anak pompuan? Cari jugak nan samo suka. Kalau orang tu kasi budiak manam kasi kat anak angkat? Tak boleh, cari waris pesoko lain, takkan tak do.

37) Adat Lama (Hjh Puasa Radin)

Ocu Selimeh kenduri enkur (cukur rambut) encu dio yang baru anak Arohi yang beghanuk tam lapah. Laki ko pompuan? Laki. Potong kambing? Potong. Kambing, kambing ko biri-biri? Kambing yang kek Podeh tu, bosar, tinggi macam budak 5 tahun. Budak laki duo ekorlah. Tak do sampai duo, tak do orang makan kambing, panai, naik darah tinggi. Den mau pitau mukun kambing. Sekor pun nak juga ngongkeh. Dah beli, dia siap lapah-lapah sanuulah. Sununglah, sedia duit yo. Tambah la sepuluh ringgit cam tu, tak polah biar sonang kito. Patut ae ... sonang. Ni Ocu Jantao nak soghek, nak moleh sendiri, nak amik sumat lobih. Iya, tak pikir orang lain ponek nak kojokan kambing godang tu. Patut ae ... itu la mau elok, sendiri buek segalo. Kito tak dayo, bukan ado nan mudo-mudo sini. Anak-menantu ae nak nolong, biar. Alah, nolong apo, pogang kaki kambing pun tak koso, orang Kelompo, mano lali nak tau ngongkeh. Alah, biar ditorang tengok, jonghik sok, tau la dio buek, disuruh mau. Kiro lon tengok lae, Abas tu pandai tu, tontulah dia muleh. Abas yo, nan lain meluk pinau binau tengok darah nyamok, ni nak tengok moleh kambing

godang. Aa! ... tak elok la, ngato-ngato. mana tau lae handal diserang tu. uwan mano tau kan.

38) Pantang Larang III (Hjh Iyari Radin)

...ado sei belajar orang buek-buek rumah ni kan, tangga rumah ni tak muleh gonap macam ni hah, agak ae nak panjek tangga kalan gonap, kaki ataih sampai kiritlah...Hau yo, cino Rombau nan buek maghin. Apolah tak cakap ke dio. ni konsep-konsep orang Melayu kono kito la tontukan, kito nan bayar.

sei bukan tak sonang duduk kampung Teh, bayangkan lah beralih sikit, macam ni, sikit-sikit macam tu, banyak boto pantang-pantang yang nak kono ikut, tak ikut kato ae kito tak beradab. Abih camano, edah kau pilih duduk kampung. Omak sei panggit, bafiklah diam. Bunyi ae macam tak saka. Bukan tak suka, pikir tanggungjawab sei patut sini.

39) Pantang Larang IV (Hjh Puasa Radin)

Apolah kau bawa budak tirian ayam. Kojap yo. Dah serjo, tak elok. Kooojap. Ni, serjo remang, kuning ni, tak elok, naikkah rumah. Iyolah. Apo kono lak, remang-remang tak boleh turun? Ado la pantang ae ... Abondo ae? Remang-remang macam ni langsung tongah umpai kain. Ha? Langsuir pun pandai umpai kain yo? Mano uwan? Kek langsuir ado ghoman Siti Nuchaliza den nak amik gambar! Kau cakap jangan takbur, jatuh sakit bukan kau nan depek, anak kau sok muleh sakit. Guru sikit pun tak muleh, sensitip la. Den dah tuo, sok kau cam tu la. Eh, den sok duduk *apartment* umpai kain tak kiro waktu, dalam rumah peduli kan. Hari-hari den jadi langsuir kalau hari-hari serjo remang. Kau cakap tak senegheh. Tak do, sikit-sikit cakap nan polik-polik, apo lah den nak paham. Kau orang mudo jam ni tak tau bepantang, itu nan muleh sakit, orang mudo jam ni sakit jantunglah, sakit darah tinggilah, tak onak ikut bepantang. Iyolah, iyolah. Jangan kau ghondam napkin budak sampai ke pagi. Alah, muleh basuh, malam ni sojuk. Tak boleh, kalau muleh, jangan ghondam, dah ghondam, kono basuh doghaib (cepat). Ala ... hiar la, esok la. Tak boleh nanti malam sojuk budak tu, domam. Aih! Napkin kek bilik air tak bebasuh, anak kek ataih ghoman pulak kono domam? Dah malam angin malam sojuk, sojuk la, den pun sojuk yo, beselimut begohar. Kau den cakap sumuo nak bantah. Bukan nak bantah, dah tak kono dek akal pantang supo macam ni, bah, nak jambek kojo ni.

40) Aktiviti Wacana Emas I (Hjh Jah Ibrahim)

Uwan molo Aki kociuk lae ... dalam 3 bulan, abih pantang Kiah, dihanter Aki uwan molo segala makan-minum, pakai, sekolah sampai abih tingkat (tingkatan) limo, macam anak sendirilah. Ngah Kiah boghi duit belanja Aki? Sumuo boghi, Cek Imah boghi, Njang Ladin boghi, sumuo boghi lako, dah kojo, Kiah balik boti yo susu, duit belanja ae, sumuo longkap, cume tak mololah. Aki mano kojo? Bangunan MARA Rombau, kojap lae lopaiah Asar baliklah. Ado Aki boghi 'saguhasi'? Den tak onak, bayar Kancil sebulan, abih. Sunyilah, tak takut masuk orang ko, berani duduk sorang macam ni? Aa! ... kunci lah, rumah kito, apo nak takutkan. Ni bilik tak betonggu

(pempenghuni)? Taaak. Ado sei dragar barah masuk dek orang? Iyo, rumah Tijah Katek, budak-budak gila (penagih dadah). Apo dio amik? Ado la, apo-apo barang (barang kemas). Tijah gomar barag. Maghin kek Senamo, meninggal, masuk sersi khahar. Aaii ... uwan tu nan takut, kok nak barang hah ... amik, uwan nak mari domum, tak onak mari kono paik (pukul). Elok bonar la tu, sok kok ado orang datang jual tikar, kapek, puyuk, apo-apolah, jangan dibukak pintu ni, ado *grilli* kunci, tinjau dari dalam yo. Orang tak do jangan kasi masuk, cekap yo tak nak beli. Iyolah.

41) Aktiviti Warga Emas II (Hjti Habesah Hjti Iman)

Tak soghek ko ngungkeh (mengurus) budak kecik? Apo nan soghek, maghin pun jago anak yo, sembilan lae ... heh, heh ... Tapi, ini lain, maghin yo maso uwan mudo. Heh, tak do kojo nak dibuek, ontok (dian) rumah, poringlah. Mulo budak dapek ekseseh (exercise). Tak molo cucu? Aaii ... cucu den tak bekombang. Manoleh maun. Anak Ton duo, anak Sitap duo yo, anak Ujang tigo, Tapa tak beranak, apo salah kawan ae ... ngurut pun tak maun, Rezeki lon ado. Mak budak ni mano kojo? Kojo cikgu, pukul 2 balik. Sekolah mano? Astano Rajo. Oo... ado sekali umpak bawak Wire pulih tu? Tak eh, ni omak nan Tadika ni. Makan maun uwan boghi? Ai, tentulah. Oo ... kaula *Nestum* ko, susu kr, dia orang bawaklah? Abih, apo pulak, kito nak bolikan? Nan Tadika ni, sonang nak mumpulih, nasik mo kicap, humbuk ikan bilih goreng, lauk-laik lain tak mau. Ekonomi omak ae ... Budak nan Tadika ni sapa lak nan hantar pegi balik sekolah? Omak ae ... kekandang abah ae sebelum poei kojo, singgah sini nantar anak sekolah, balik den jomput, dokek tak po do, dapek den jalan-jalan poei pasar. Diorang balik pukul berapa? Sebolaih, sebolaih sangah. Uwan sompek masak molo budak nih? Hah, apo la masak, lauk den bukan susah, kentang, goreng mo ikan bilih, buak sup dah. He ... he ... sano lah omak sei, pantang, jago badan, takut datang penyakit. Uwan tak kono sakit? Aai ... dah tau, sakit kuek tak dn, den pekso darah tinggi selalu, elok, sihat la. Dia orang duduk sini, uwan ajar-ajar ABC ko, baco-bucu, ... Ajar nan den paham la, mengaji la yolah. Nan Tadika ni kiro ae lancar Paritah (surah Al-Fatihah). Batang (aja) mulch, nan kecik ni dapeklah sebut alip, ha ta ... Lain uwan tak ajar? Apo, den nak ngajar orang patih, kiro-kiro, tulih-tulih tak kosoiah hah! ... Serenok la, hilang rindu kek cucu, ye uwan? Iyolah, tak sunyi. Berapo dio boghi? Nen cikgu ni serutuh setengah (RM150), nan Tadika ni seratus lapan (RM180). Tek samo lak? Cikgu ni balik awal, nan Tadika ni, abah kojo *shift*, omak kojo kek *Giant*, samo *shift*, tak tonta jomput. Tapi km, kira murahlah banding ngan Kelompo. Samun kato dek Aruih, sampai malam baru omak ae bejomput. Sedang elok bayar duo tigo ratus. Sini, den mulo, sajo sako-sako. Boghi sikit amik, boghi banyak, Alhamdulillah!

42) Veteran Perang (Hj Sarif Gadong)

Amerika sama Iraq nak garuh nih, Biar diorang begasak, bukan tak pernah tengok poghang-poghang ni? Dulu sei hepoghang lae ... waa ... ni kono cito nih, sei buak buku. Dah banyak buak dek orang, asal betandang yo, itulah dimentak ae ... Budak urbesiti jugak aih? Aaii ... macam-macam la, budak sekolah pun ado yo. Chek glamor. Apo ae? Orang kowal belako, tak do Chek kek Rombau, tepaksolah bebudak tu keluar tompek lain cari orang lain. Kau bayo Shikin? Aaa ... dio bawah lae, sei

dalam dua tigo taun tuo. Dio apo Sedio Raja maghin? URES (Sekolah Menengah Undang Rembau). Oo ... patut tak nampak. Dio *lecturer*? Tak aih, cikgu macam kau. Eeh, sapotah nan cakap dio *lecturer* kek Melako, Yayasan MARA. Cikgu ... Iyo, sei ado dongar-dongar untah sapo nan cakap untah, aaa ... kenduri rumah tang Kelsom kek Tebung. Iyolah agak ae. Menantu dio ngajor Melako, agak jumpo suran. Kau apo nak ae? Apasal? Chek tak do maso? Den nak ko kobun. Aaii, dalam talipon cakap *free*, boleh datang, ni macuru tek sudi. Tak do, budak umbesiti datang pagi, potang lon tentu balik ae. Ade nan nak tido smil. Heh, sei kojap ae, sembang-sembang, sambil-sambil gitu-gitu yo, nak dongar cito askar maghin, cito Chek hawang-bujang, lon kawin lae ... boleh? Tu pun nak tau? Kau apo nak buck? Aaii ... ade lah

43) Rumah Kampung (Hjh Sarah)

Apolah nan heboh kek biai ni, ngumpak ko? Idanak. Cik Daro balik? < Iyo, naghek pancan. > Lamo lak sini, biaso potang dah balik Somban. < Budak ganja masuk rumah ae ... > Haa ... kuno masuk lae? Apo di curi ae? < Kain batik, kain-kain sarung nan boli Mokah maghin. > La ... lai ... taun lopaih dah masuk, ni masuk lae ... Apo nak buck kau, rumah tak betimaga, tau orang, masuklah. Tu Cik Daro apo buck samo Kiri? < Duduk-duduk la, kojap lae balik la tu > Tak ripot Polis? < Apo nak ripot, awak nan salah, tak duduk rumah. > Agak ae budak nan samo kan? Tontolah, dio dah tau orang tu tak do rumah manjaaang. Aaa ... potang Senin den memang nampak budak-budak mado bayo anak Mat Zin lah- lalang dupen rumah Cik Daro, agak nak boli kalapo. < Tu budak cam tu tak boleh cayo tu, Teh oi, tu nan sesajo nak menaja, parang dua tigo kali, orang dalam tak do nyahut, han ... malam sok datang lae hawak perang, diumpai ae pinto rumah kito, Teh > Daro cakap jumpo perang beletong kek pekalan rumah Hamzah, agak tak lopaih toncek pagar, parang eien. < Haih, tu beletong Nomah, ngomeli baruh, lupa nak hawak balik, Daro buck cito, dah takut tu macam-macam diheboh ae > Iyo? Den agak boro lah Daro ni, takut pulak den nak turun suran. Lampu belakang ade, apo la nak takutken. < Dah rosak kato Kak Inceon. > Aaii, ... dah bait dah. < Tak nyalo do > Takkan rosak belik? Agak angin puih lampu kidir, tak nampak jalan baruh. Biaso rosak beganti doghaib, orang kontrak tek lamo nunggu du, anak Tijah Kampung Tongah tu kepala kontrak ae. Ontah, tak bayar tiang? < Bayar, tu Esah punyo tiang. > Ni? < Ni Cek Mah kau nan bayar, sepoloh ringgit sebulan, masuk bil leuik. > Kalan toghang belampu tak do orang berani masuk rumah, dalam sok kabar sampoi bebunuh. Mintak simpeng. < Orang tau kito ado rumah, tak do berani do. > Den mo Dah tak yo berani, ado orang jantau kek rumah lain la. < Den ado atuk kan pin tak ae guno, mandang bulan yo. > Mandang bulan? < Tido la > Cik Daro ni masaleh ae rumah dio ni bekunci ko tak bekunci pun, samo yo, dapeteeck yo orang masuk, rumah dah lompeng, dinggap tak bebait, jangan kuang, orang pui sonang umpai. Tak do orang nak baitkan. < Iyo Teh, orang jantau rumah den sanno ae malaih nak mampuh, tengokkan tiang dapoi ropot pun tak onak, hei ... sudah ae ... den sendiri lah buakkan > Den dah soghek, sanno buck sendiri, Atch kau kek Kaia Lipih, samo Walah lah den kojokan dapoi, bilik air turun bawah, lebar enjung, siap dapoi Udin nikah samo Awo. Bilik air bawah Cino Rembau sadaro Ah Yu tu buakkan, maghin limo rhu, jam ni dubal (*double*). < Iyo, den buck bilik air koeck cam tu dah dokek lapan ribu, jam ni huanih

... sumbu nan mahal > Orang beniago sumbu nak anteng, kalau tak tak niago namo ae. Uwan, rumah Cik Daro tu apasal dio tak bait, nampak ngompong bonar. < Dio nak baitkan? Sapo lah nak nolong > Idnask, den ingat orang Jabatan Kehajikan tu maghi tinjau rumah kok apo lak, rumah cantik, dapek bantuan. < Iyo lah agak ae, kok rumah ngompong mau cayo rumah orang semikin > Abin, nan Cik Daro poci rumah Kiri kek Sombas, diari surun, tak boleh tu, kira dio ni ade nar menjago ae, tak layak. Itu dio balik hujung-hujung bulan, tinjau rumah. Barang komaih dio sapo nan simpan, bawak lalu kilir macam maghin ko? < Apo tak ae, bawak lah dalam kopai, bekopiit > Kito kan kalau barang apo-apolah, kopit manjang, tau dek orang tu barang komaih. Tu lah Daro kau, cerdik tak pek lawan, bodoh tak pek diajar. He .. he

...

LAMPIRAN B (BIODATA RESPONDEN)

1)

Nama : Hjh Habesah Hj Ham
 Tarikh Lahir : 1929
 Alamat : Kg. Air Sekapas, Sepri, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Guru sekolah rendah.

2)

Nama : Mohd Firdaus Ariff
 Tarikh Lahir : 12.08.85
 Alamat : Kg Kelemak Dalam, Melaka.
 Pencapaian : Pelajar terbaik jurusan sastera iktisas 2000.
 tempat ketiga menulis esei kemerdekaan 1999 dan
 merupakan pelajar jurusan Undang-Undang di UAM.

3)

Nama : Hj Hamzah
 Tarikh Lahir : 1935
 Alamat : Kg. Air Sekapas, Sepri, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Imam Masjid, pesara tentera laut dan merupakan
 'tok mukim' yang mengemudai upacara agama.

4)

Nama : Pn Nafizah Wahab
 Tarikh Lahir : 15.06.1966
 Alamat : 32, Taman Sori Rembau, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti lawatan sambil belajar ke Pagar Ruyung
 2001, menghasilkan tesis tentang Adat Perpatih,
 ahli Persatuan Sejarah cawangan Negeri Sembilan
 dan mengajar mata pelajaran Sejarah.

5)

Nama : Muhammad Rizzuwan Hamid
 Tarikh Lahir : 07.11.1990
 Alamat : 22, Rumah Rakyat Sungai Layang, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Pernah mengikuti lawatan ke Kompleks Sejarah Pengkalan Balak, membuat kajian geografi di Kem Pari Ulu Pari di Chengkau dan mengikuti Bengkel Sejarah di Ilham Resort, Port Dickson.

6)

Nama : Rabiatul Adawiyah Mohd Azman
 Tarikh Lahir : 25.08.1989
 Alamat : No. 16, Blok J, Felda Palong 7, Gemas.
 Pengalaman : Mengikuti Karnival Adat Perpatih di Seremban peserta Pertandingan Perbilangan Antara Sekolah Daerah Rembau, tempat ketiga Pesta Pantun Peringkat Negeri Sembilan dan membuat kajian Sejarah mengenai Istana Ampang Tinggi di Kuala Pilah.

7)

Nama : Mohd Hizbul Alifi Mohd Noor
 Tarikh Lahir : 13.04.1990
 Alamat : No. 47, Lorong DF 1/8, Taman Desa Flora, 70450 Seremban.
 Pengalaman : Mengikuti Bengkel Sehari 'Gemuk Berpupuk, Segar Bersiram' di Seremban, membuat kajian Sejarah mengenai Istana Seri Menanti di Kuala Pilah, mengikuti Kem Sejarah di SMKA Padas, mengetuai projek Patriotisme sempena bulan kemerdekaan dan johan melukis poster peringkat Negeri Sembilan.

8)

Nama : Munirah Noor Azam
 Tarikh Lahir : 12.09.1988
 Alamat : 176, Lorong 1/3, Taman Desa Ixora, 70450 Seremban.
 Pengalaman : Pelajar terbaik PMR 2003, aktif dalam gerakan ko-kurikulum, mengikuti Kem Sejarah di SMKA Pedas dan peserta Pesta Pantun.

9)

Nama : Umi Azzahra Mohd Othman
 Tarikh Lahir : 23.07. 1988
 Alamat : No. 244, Trm Shamelin Perkasa, Cheras.
 Pengalaman : Penuntut Kolej Binary, Kuala Lumpur dan aktif kegiatan kebudayaan di sekitar Lembah Kelang.

10)

Nama : Afif Salami Marzuki
 Tarikh Lahir : 14.09. 1987
 Alamat : Lot 1520, Kg. Baru Batu Hampar, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti Kem Sejarah di Kg. Semerbok, Kota, ahli paluan kompang, peserta Pesta Pantun dan aktif dalam kegiatan kebudayaan peringkat sekolah dan kampung.

11)

Nama : Syazwani Abdul Kadir
 Tarikh Lahir : 04.05. 1988
 Alamat : 189, Rumah Rakyat Chembong, 71300, Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti Kem Sejarah di Ulu Pari, Chengkau, aktif persatuan nasyid sekolah, pernah menari 'tarian piring' ketika Karnival Adat Perpatih di Seremban dan

aktif dalam aktiviti kebudayaan peringkat sekolah dan daerah.

12)

Nama : Samsul Fadli Abu Zarin
 Tarikh Lahir : 13.06.1990
 Alamat : 237, Jln. Aman 5, Timn. Desa Aman, 72000 Kuala Pilah.
 Pengalaman : Menghasilkan Kajian Sejarah mengenai kedatangan awal Minangkabau ke Negeri Sembilan.

13)

Nama : Siti Munirah Jaafar
 Tarikh Lahir : 18.08.1987
 Alamat : Kampung Seberang Batu Hampar, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti lawatan sambil belajar ke Taboh Naning, Makam Raja Melewar, Kompleks Sejarah Pengkalan Balak dan Naib Pengerusi Persatuan SEJORA (Sejarah dan Geografi).

14)

Nama : Nurul Hidayah Bahaman
 Tarikh Lahir : 03.04.1987
 Alamat : Taman Seri Rembau, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti lawatan Karnival Adat Perpatih dan AJK Persatuan SEJORA.

Nama : Suzawati binti Syedul Kadir UMUR : 17 tahun

Baca soalan di bawah dan nyatakan jawapan anda pada ruang yang disediakan.

1. Patahkan anda didedahkan dengan sistem Adat Perpatih?
Sekiranya ya, daripada mana sumber yang diperolehi itu?

Ya, daripada pembelajaran subjek Sejarah Malaysia
Tingkatan 5.

2. Bolehkah Adat Perpatih disesuaikan mengikut peredaran zaman sekarang?

Tidak kerana kebanyakannya bertentangan dengan
hukum syarak seperti tidak boleh kahwin sesama
suku.

3. Dikatakan bahawa remaja seperti anda tidak berminat mengenali Adat Perpatih sedangkan adat inilah yang dipegang teguh oleh generasi tua malah dianggap sebagai hak kepandaian orang Melayu. Apa komen anda?

Pada pendapat saya, remaja bukannya tidak berminat
mengenal Adat Perpatih tetapi kurang didedahkan secara
terperinci. Kadangkala konsep yang sebenarnya tidak sampai
kepada per individu tersebut.

Name : Muhammad Hafsan b. H. Turmug

UMUR : 13 tahun

Baca soalan di bawah dan nyatakan jawapan anda pada ruang yang disediakan.

1. Pernahkah anda didedahkan dengan sistem Adat Perpatih? Sekiranya ya, daripada mana sumber yang diperolehi itu?

Die Kapselung - Kapselung:

2. Bolehkah Adat Perpatih disesuaikan mengikut peredaran zaman sekarang?

Brih, Inama Adat Perpatih adalah adat turun-temurun yang diperingat oleh generasi tua. Adat ini tidak boleh dipukul karena hanya melibatkan kehidupan sehari-hari.

3. Dikatakan bahawa remaja seperti anda tidak berminat mengenali Adat Perpatih sedangkan adat inilah yang dipegang teguh oleh generasi tua malah dianggap sebagai hak kepandaian orang Melayu. Apa komen anda?

Orang-orang berpendapat bahwa remaja tidak berminat mengenai alat kelamin. Tindakan itu salah karena tidak semuanya semua remaja tidak berminat mengenai alat kelamin. Orang-orang berpendapat begitu karena mereka lihat berbagai-bagai kegiatan yang melibatkan remaja berlaku dan karena itu mereka mengaitkan bermacam-macam kegiatan tersebut baik kepada remaja.

Nama : SITI MUNIRAH Bt- MANSOR

UMUR : 16 TAHUN

Baca soalan di bawah dan nyatakan jawapan anda pada ruang yang disediakan.

1. Pahami anda didedahkan dengan sistem Adat Perpatih?
Sekiranya ya, daripada mana sumber yang diperolehi itu?

Pernah, melalui ceramah yang telah disampaikan
oleh pensyarah UIN.

2. Boleh ~~tidak~~ Adat Perpatih disesuaikan mengikut peredaran zaman sekarang?

Boleh

3. Dikatakan bahawa remaja seperti anda tidak berminat mengenali Adat Perpatih sedangkan adat inilah yang dipegang teguh oleh generasi tua malah dianggap sebagai hak kepandaian orang Melayu. Apa komen anda?

Seharusnya remaja pada masa kini ~~kurang~~ diberi banyak
pendidikan tentang adat perpatih sejak dari awal kerana
inilah satu-satunya adat yang begitu unik di negara
kita. Jika adat ini hilang maka hilanglah kebudayaan
Melayu Negeri Sembilan. Jadi bawalah generasi muda.

Nama : Latifah bti-Harun

UMUR : 16 tahun

Baca soalan di bawah dan nyatakan jawapan anda pada ruang yang disediakan.

1. Pahami anda didedahkan dengan sistem Adat Perpatih?

Sekiranya ya, daripada mana sumber yang diperolehi itu?

Ya. Saya didedahkan dengan sistem Adat Perpatih melalui buku-buku yang saya baca dan daripada pengetahuan kawan-kawan.

2. Bolehkah Adat Perpatih disesuaikan mengikut peredaran zaman sekarang?

Pada pendapat saya. BOLEH.

3. Dikatakan bahawa remaja seperti anda tidak berminat mengenali Adat Perpatih sedangkan adat inilah yang dipegang teguh oleh generasi tua malah dianggap sebagai hak kepandaian orang Melayu. Apa komen anda?

Sebetengahnya berminat mengenali Adat Perpatih kerana mereka merasakan adalah wajar untuk mempertahankan adat nila menasap mereka. Setelah ini tak sebab dia orang fikir dah ketinggalan zaman.

Nama : Abdul Fawad bin Mohd Ruster

UMUR : 13 thn

Baca soalan di bawah dan nyatakan jawapan anda pada ruang yang disediakan.

1. Pernahkah anda didedahkan dengan sistem Adat Perpatih?

Sekiranya ya, daripada mana sumber yang diperolehi itu?

Ya, dan mendapat sumber tentang sistem
adat Perpatih dari maklumat, buku, atau
media, dan juga sejarah (En Rosli Marwan).

2. Bolehkah Adat Perpatih disesuaikan mengikut peredaran zaman sekarang?

Tak lah sebab bila ia digunakan pada zaman
sekarang, ia akan di berontak oleh remaja
zaman sekarang kerana ianya
tidak boleh.

3. Dikatakan bahawa remaja seperti anda tidak berminat mengenai Adat Perpatih sedangkan adat inilah yang dipegang teguh oleh generasi tua malah dianggap sebagai hak kepandaian orang Melayu. Apa komen anda?

No komen

Name : Irfan Surya

UMUR : 13 thn

Baca soalan di bawah dan nyatakan jawapan anda pada ruang yang disediakan.

1. Patahkan anda didedahkan dengan sistem Adat Perpatih?
Sekiranya ya, daripada mana sumber yang diperolehi itu?

Ya. Daripada pelayaran dalam mata pelajaran
sejarah

2. Bolehkah Adat Perpatih disesuaikan mengikut peredaran zaman sekarang?

Tidak kerana sistem adat perpatih pada
masa kini tidak dipertingkatkan secara meluas.
Kerana anak-anak muda masa kini yang
hanya bermain dan melupakan adat perpatih

3. Dikatakan bahawa remaja seperti anda tidak berminat mengenali Adat Perpatih sedangkan adat istiadat yang dipegang teguh oleh generasi tua malah dianggap sebagai hak kepandaian orang Melayu. Apa komen anda?

Kerana adat perpatih ini dikurangkan melalui
teknik kepada anak-anak muda.

NAMA : Mohd Afiqzulhakim B. Moh Sami

UMUR : 13 tahun

Gerakerja : Berikan 5 contoh peribilangan adat atau kata-kata adat serta maksudnya sekali

Contoh : *Tercancang puar, tergerak andilau*

Maksud : *Sesuatu yang menyentuh individu akan menyentuh masyarakat dan begitulah sebaliknya*

1 Contoh : Lain labak lain ikannya

Maksud : Akai sesuatu sesuatu negara tidak sama dengan akai sesuatu negara lain

2 Contoh : Dimana bumi dipijak disitu langit dijunjung

Maksud : Dimana sahaja kita berada hendaklah mengikuti adat resamnya.

3 Contoh : Cubit penuh karam penuh kiri sakit juga

Maksud : Jika seseorang itu mengata akan kekurangan kaum kebantu kita kita juga berasa kurang.

4 Contoh : Biar mati anak jangan mati adat

Maksud : Sebaik memelihara adat supaya kaum tidak hilang lagik sahaja.

5 Contoh : Berit guru dipukul, cogan guru diungging

Maksud : Sesuai kerja itu akan lebih mudah dilaksanakan jika kita bekerja sama.

NAMA : Yulio Satrio B. Mardiana

UMUR : 13

Gerakerja : Berikan 5 contoh perbilangan adat atau kata-kata adat serta maksudnya sekali

